



172

HARI SELASA

5 DISEMBER 1989



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETUJUH**

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEEMPAT
FOURTH SESSION**

**MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING**

IS SNo304-1697

HARI SELASA

5 DISEMBER 1989



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETUJUH**

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEEMPAT
FOURTH SESSION**

**MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING**

Kandungan

Mukasurat

**PERBAHASAN ATAS RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN (1990) 1989**

3

**LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG YANG KETUJUH
MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAL KEEMPAT**

HARI SELASA 5 DISEMBER, 1989

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Ooi Ean Kwong)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Hashim bin Dato' Haji Yusoff)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar, P.P.T.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar, P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N., P.J.K., P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Hjai Ramli, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah binti Ariff, K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid, P.K.T., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat, J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail, P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai, J.P.)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang, P.J.K.)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan dibuka untuk perbahasan. Siapa yang ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Terima kasih, Tuan Speaker.

Sukacita saya mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas ucapan belanjawan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Nampaknya isi kandungan ucapan Y.A.B. Ketua Menteri rupa-rupanya tidak ada apa-apa beza dengan belanjawan di tahun-tahun yang lepas. Lebih kurang serupa sahaja bentuknya.

Y.A.B. Ketua Menteri sekali lagi telah menyentuh tentang beberapa isu yang pernah beliau utarakan di dalam Dewan ini. Beliau sekali lagi membentangkan belanjawan defisit seperti tahun-tahun lepas. Beliau menyentuh tentang kelembapan prestasi di dalam semua sektor ekonomi yang disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi sedunia di luar dari kawalan kita. Tidak ketinggalan juga Ketua Menteri memberi jaminan bahawa semua perbelanjaan akan dikawal rapi dan perbelanjaan akan hanya dibenarkan bagi aktiviti-aktiviti yang amat mustahak sahaja. Seperti tahun-tahun lepas, Ketua Menteri juga menyatakan dengan tidak tokok-tambah bahawa terdapat batasan-batasan keupayaan bagi Kerajaan Negeri menambah hasilnya dari sumber-sumbernya sendiri kerana disebabkan saiz dan keadaan semulajadi negeri ini yang tidak mempunyai sumber-sumber semulajadi untuk digunakan.

Y.A.B. Ketua Menteri sendiri pun sudah mengakui dalam ucapan belanjawan bahawa dia hanya mengulangi seruan-seruannya yang dibuat pada tahun-tahun lepas apabila beliau berkata, saya *quote*:

“Sekali lagi saya dengan ikhlasnya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya menimbang permohonan untuk menambah jumlah pemberian ini dan memberi pemberian baru, sama ada melalui penukaran pinjaman-pinjaman tertentu supaya menjadi pemberian atau berkongsi sebahagian daripada cukai jalan dan pungutan tol Jambatan Pulau Pinang dengan Kerajaan Negeri dan adalah penting bagi Pihak-pihak Berkuasa Negeri dan Persekutuan yang ditentukan melalui Perlembagaan Persekutuan.”

Tuan Speaker, saya sungguh terkejut apabila saya membandingkan belanjawan tahun ini dengan belanjawan tahun lepas dan mendapati kebanyakan isi kandungan dan ayat perkataan hampir serupa. Pada mulanya saya tidak percaya mata saya. Saya tidak percaya seorang Ketua Menteri yang arif dan bijaksana dapat membentangkan sesuatu belanjawan yang begitu rupa untuk mengelirukan Dewan ini dan seluruh rakyat Pulau Pinang. Tetapi akhirnya saya terpaksa menerima hakikat bahawa belanjawan ini hampir sama dengan belanjawan lepas sehingga ada perenggan yang sama digunakan.

Tuan Speaker, izinkan saya merujuk kepada ucapan Y.A.B. Ketua Menteri tahun lalu di mana di *paragraph* 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 semuanya hampir serupa. Semua serupa, ayat pun serupa, (*same wording*) Tuan Speaker dan dibelakang dan akhiri *paragraph* 35 dan 36 semua serupa *word by word*. Tuan Speaker nampaknya saya juga terpaksa menerima hakikat bahawa Ketua

Menteri sudah tidak ada idea lagi, tidak minat lagi, tidak peduli lagi, tidak ambil tahu lagi. Dia cuma tunggu hari untuk bersara sahaja. Tuan Speaker, satu Kerajaan yang dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang dengan izir: sudah '*tired and exhausted*' letih, lemas dan lesu Tuan Speaker, selepas dua puluh tahun memerintah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, apa yang membezakan belanjawan tahun ini dengan lain-lain belanjawan sebelum ini cuma angka-angka sahaja. Inilah yang Ketua Menteri mampu buat. Ini merupakan satu isi, satu borang sahaja di mana *standard form* dikeluarkan di mana angka-angka tidak serupa dimasukkan tahun demi tahun. Ini yang Ketua Menteri mampu buat untuk belanjawan yang penting.

Tuan Speaker, belanjawan pada keseluruhannya telah menggambarkan bahawa Kerajaan Barisan nasional di bawah pimpinan Ketua Menteri telah tenat dan letih dan tidak bermaya lagi untuk terus mengawal pemerintahan negeri ini. Sungguh mengejutkan belanjawan ini seolah-olah tidak ada idea baru langsung dan Ketua Menteri sendiri telah tidak ada modal lagi untuk membentangi belanjawan selain dari mengulang semula seruan-seruan yang diutarakan buat beberapa tahun. Ataupun berangkali Ketua Menteri tidak mahu peduli langsung sama ada kesemua langkah-langkah fizikal/kewangan dapat membantu Negeri Pulau Pinang untuk bukan sahaja mengatasi kesan-kesan kemelesetan ekonomi tetapi juga untuk mencatat prestasi dalam bidang ekonomi kelak. Mungkin lah Ketua Menteri cuma berminat untuk hanya membentangi belanjawan setiap tahun kerana ini memang kewajipannya.

Tuan Speaker, dari belanjawan ini saya rasa Ketua Menteri telah tenggelam punca dan

tidak tahu hendak ambil apa-apa langkah lagi bagi tahun ini selepas membentangi sebanyak 20 belanjawan sejak tahun 1969. Rakyat sungguh berharap belanjawan tahun ini akan dapat mengemukakan cadangan-cadangan baru dan kreatif untuk menghadapi cabaran-cabaran baru ekoran pemulihan ekonomi tahun ini dan menjejaki langkah ke dekad 90an. Tetapi sekali lagi rakyat Pulau Pinang menjadi hampa.

Tuan Speaker, belanjawan ini juga menggambarkan bahawa Kerajaan Negeri telah tidak dapat mengawal kedudukan dan pengurusan kewangan sehingga hutang negeri telah melambung hingga \$282 juta tahun ini berbanding dengan \$20 juta apabila Ketua Menteri mengambilalih teraju Kerajaan. Justeru itu, lebih dari 40 peratus dari jumlah hasil perlu digunakan untuk bayaran perkhidmatan hutang, iaitu sebanyak \$40,062,290.00 digunakan untuk membayar balik faedah dan hutang dibandingkan dengan hasil \$108,118,600.00 pada tahun 1990. Begitu juga di tahun ini di mana \$42,976,000.00 adalah digunakan untuk membayar balik hutang Kerajaan. Nisbah ini adalah terlalu tinggi. Ini telah menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sudah hilang kawalan atas pengurusan kewangan negeri ini, berbanding dengan nisbah Kerajaan Persekutuan di mana hanya 12 peratus dari jumlah hasil digunakan untuk tujuan perkhidmatan hutang.

Tuan Speaker, kedudukan kewangan negeri begitu mendesak sehingga Ketua Menteri telah sekali lagi mengesa Kerajaan Pusat untuk mengkaji semula semua peruntukan kewangan yang terkandung dalam Perlembagaan. Nampaknya Ketua Menteri semakin begitu kemarok (*desperate*) dan terpaksa meminta pertolongan Kerajaan Pusat untuk menebusi kelemahan-kelemahannya sendiri dalam

menguruskan kewangan negeri ini.

Tuan Speaker, belanjawan kali ini mungkin ada sedikit sebanyak sinar harapan apabila Ketua Menteri berkata bahawa semua perbelanjaan akan dikawal rapi dan perbelanjaan akan hanya dibenarkan bagi aktiviti-aktiviti yang amat mustahak sahaja. Tetapi biarlah saya mengingatkan Ketua Menteri bahawa cuma cakap-cakap sahaja adalah tidak mencukupi. Yang mustahak adalah sama ada Kerajaan ada *'political will'* untuk memastikan tidak ada penyelewengan dalam pengurusan kewangan. Saya cuma mahu menyentuh tentang beberapa kejadian di mana pengawalan yang kurang rapi oleh kakitangan Kerajaan telah menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

Contoh pertama berhubung dengan pemberian beberapa pegangan tanah kepada Keretapi Tanah Melayu (K.T.M.). Pemberian milik ini melibatkan Lot 821, 822, 493(4) Seksyen 4 Bandar Butterworth dan tanah Simpanan Taliair dalam Mukim 15, S.P.U. Bayaran premium pemberian milik yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri sebanyak \$84,711.00 telah dijelaskan dalam tahun 1965. Bagaimanapun, sehingga ini, lain-lain bayaran seperti bayaran upah ukur, bayaran permohonan suratan hak milik dan bayaran plan berjumlah sebanyak \$3,014.00 belum dibayar kerana dalam pertikaian. Akibatnya, suratan hak milik bagi lot-lot tersebut tidak dapat didaftarkan dan sewa tanah sejak 1966 sebanyak \$194,384.00 tidak dibayar.

Tuan Speaker, mengikut Kanun Tanah Negera, cukai tanah hanya perlu dibayar selepas pemindahan hak milik tanah. Oleh itu Kerajaan Negeri telah rugi \$194,000.00 kerana pegawai tanah tidak menyelesaikan urusan daftar hak milik sejak tahun 1966 dan perkara ini

telah dibangkitkan untuk beberapa tahun dalam Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan tetapi hingga hari ini tindakan belum diambil. Perbuatan ini seperti perpatah kata dengan izin *"Penny wise, pound foolish"*. Oleh kerana tidak selesaikan perkara \$3,000.00 sahaja Kerajaan telah rugi \$194,000.00 Saya berharap Y.A.B. Ketua Menteri dapat memberi perhatian kepada perkara ini kerana beliau sendiri telah memberi arahan tegas kepada Pentadbir Tanah Daerah supaya mengutip tunggakan cukai tanah. Tentu Keretapi Tanah Melayu tidak akan menyelesaikan \$30,000.00 oleh kerana satu tahun K.T.M. dapat memiliki keuntungan. Jikalau hak milik tidak didaftar atau dipindah kepada K.T.M., tentu sudah ia tidak membayar cukai tanah dan kerugian akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Contoh kedua ialah berhubung dengan kes tunggakan sewa restoran di Dewan Sri Pinang. Dalam kes ini, Kerajaan Negeri bukan sahaja mengalami kerugian kerana gagal mengutip sewa restoran itu sebanyak \$260,000.00 tetapi terpaksa membayar \$62,000.00 dalam tunggakan bil, letrik yang digunakan oleh restoran itu kerana perjanjian bekalan letrik tersebut adalah di antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan L.L.N. Kes ini berlaku kerana pihak Kerajaan khususnya Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan telah begitu lalai dalam urusan kewangan dan penawaran tender. Selepas menandatangani perjanjian pada 12 Mei, 1984, pihak Kerajaan telah tidak mengutip wang cagaran sebanyak \$66,000.00 dan membenarkan pengusaha itu menjalankan perniagaan selama 2 tahun tanpa mengutip apa-apa bayaran sewa. Ini adalah kelalaian yang besar di mana satu Kerajaan yang cekap dan amanah tidak akan membiarkan perkara sebegini berlaku. Memandangkan pengusaha ini telah diisytiharkan muflis, pihak Kerajaan Negeri

terpaksa mengambil langkah menghapuskan hutang yang ditanggung oleh restoran itu.

Tuan Speaker, kes ini telah dicatatkan dalam Laporan Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan tahun 1984 dan ia menunjukkan bahawa pengurusan kewangan adalah amat lemah. Kerajaan Negeri juga sedia maklum tentang kes ini dan saya harap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk mengemaskan pengurusan kewangan supaya perkara seperti ini tidak diulangi.

Tuan Speaker, seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada beberapa perkara berkaitan dengan Setiausaha Kerajaan Negeri. Saya ingin tahu daripada Y.A.B. Ketua Menteri, sama ada benar bahawa Setiausaha Negeri telah mengkhaskan dua orang pemandu Kerajaan Negeri untuk bertugas sepenuh masa dengannya sahaja sejak bulan Februari 1988. Saya juga difahamkan bahawa Setiausaha Kerajaan telah menawarkan jawatan pemandu secara kontrak kepada dua orang pemandu dalam tahun 1988 yang lalu iaitu sebaik sahaja kedua-dua pemandu itu bersara walaupun terdapat ramai anak negeri yang menanti untuk mengisi jawatan kosong itu. Saya harap Y.A.B. Ketua Menteri dapat memberitahu Dewan ini sama ada Setiausaha Kerajaan Negeri telah menyalahgunakan kuasanya atau pun amalan ini lazim berlaku dalam pentadbiran Ketua Menteri.

Dalam ucapan belanjawan, Ketua Menteri ada menyatakan bahawa peruntukan bagi Jabatan Kebun Bunga telah ditambah setanyak \$65,840.00 untuk maksud pembayaran kenaikan gaji tahunan biasa dan pembayaran lebih masa. Tuan Speaker, saya juga difahamkan bahawa dua orang pekerja Jabatan Kebun Bunga didapati tidak menjalankan tugas-tugas untuk

maksud Jabatan Kebun Bunga tetapi sebaliknya bekerja sepenuh masa di rumah Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang. Saya ingin tahu sama ada benar dan jika benar, adakah tambahan peruntukan kepada Jabatan Kebun Bunga adalah untuk pembayaran lebih masa seperti dua orang pekerja yang bekerja di rumah Setiausaha Kerajaan Negeri? Mungkin Ketua Menteri boleh memberitahu mengapa pekerja dari Jabatan Kebun Bunga boleh dibenarkan untuk bekerja bagi Setiausaha Kerajaan sedangkan peruntukan ada dibenarkan untuk bekerja bagi Setiausaha Kerajaan sedangkan peruntukan ada diberikan kepada Butiran 1 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Tuan Speaker, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Ketua Menteri iaitu kenapakah kereta Kerajaan Negeri dengan izin "pool car" bernombor PV1 dibiarkan tersadai di woksyp J.K.R. sejak 14 Jun, 1989 dan saya ingin tahu juga berapakah kosnya untuk membaiki kereta PV 1 itu dan kenapa tidak dibaiki walaupun telah rosak lebih daripada 3 bulan? Adakah kereta PV 1 ini rosak akibat dalam apa-apa kemalangan dan jika ya, siapa yang membawa kereta itu dan saya harap Y.A.B. Ketua Menteri boleh memberi satu penjelasan yang memuaskan oleh kerana saya difahamkan kereta ini disalahgunakan oleh pegawai kanan Negeri Pulau Pinang. Oleh kerana "pool car" itu hanya untuk beberapa orang sahaja seperti tetamu Kerajaan dan Menteri-menteri atau Timbalan Menteri yang melawat Pulau Pinang, dan saya difahamkan kereta ini digunakan oleh seorang pegawai dan terlibat dalam suatu kemalangan pada masa itu dan saya ingin Y.A.B. Ketua Menteri memberi penjelasan.

Tuan Speaker, mungkin Ketua Menteri akan menganggap perkara yang saya bangkitkan tadi itu sebagai perkara remeh-temeh sahaja

ataupun sengaja dibangkitkan untuk memalukan Kerajaan. Saya ingin menyatakan bahawa perkara ini mungkin remeh-temeh tetapi jika dibenarkan berlaku di seluruh negeri ini, Kerajaan akan mengalami kerugian dan wang-wang yang dibazirkan dan disalahgunakan itu sepatutnya digunakan untuk tujuan-tujuan utama.

Tuan Speaker, kawalan rapi pengurusan kewangan bukan terhad kepada jentera pentadbiran sahaja tetapi juga harus meliputi urusan perniagaan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri atau Badan-badan Berkanun seperti P.D.C. Di bawah butiran 45000, \$10.00 telah diperuntukan sebagai token untuk membayar balik hutang dan bayaran faedah yang ditanggung oleh Malaysian Food Berhad, sebuah syarikat milikan P.D.C. di tahun 1989. Bukan sahaja Malaysian Food Berhad mengalami kerugian dan ditutup kerana kerugian \$15.7 juta, tetapi lain-lain syarikat P.D.C. seperti Penang Electronics telah kerugian sebanyak \$2.14 juta dan Penang Shipbuilding Corporation sebanyak \$15.4 juta dan Mushroom and General Trading Sdn. Bhd. \$1.68 juta dan jumlah kerugian ketiga-tiga syarikat milikan P.D.C. ini telah mencapai angka lebih \$20 juta. Jika dimasukkan dengan Malaysian Food Berhad, kerugian adalah satu angka yang lebih besar di mana \$35 juta lebih telah rugi dan tiga buah kilang iaitu Malaysian Food Berhad, Penang Electronics dan Mushroom and General Trading Sdn. Bhd. telah ditutup oleh kerana kerugian wang yang besar itu. Kerugian ini telah menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam pentadbiran perniagaan oleh Badan-badan Berkanun Kerajaan. Kerugian sedemikian mungkin dapat dielakkan sekiranya syarikat-syarikat ini diuruskan dengan kem:is oleh pegawai-pegawai yang berkelayakan. Memandangkan semua ini, maka sudah

sampailah bagi Kerajaan ini mengkaji semula sama ada perniagaan harus menjadi projek keutamaan untuk dilaksanakan kerana wang yang dirugikan itu bukan wang Kerajaan, tetapi adalah wang rakyat yang diamanahkan untuk digunakan oleh Kerajaan bagi tujuan-tujuan yang dapat memenuhi kehendak rakyat dan bayaran balik hutang itu oleh kerana kerugian wang di empat kilang itu adalah menjadi beban dan ditanggung oleh rakyat Pulau Pinang dan bukan Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, lagi satu perkara saya ingin membangkitkan adalah mengenai Majlis Perbandaran Seberang Perai. Saya juga ingin menarik perhatian dewan ini berhubung dengan jawatan Yang Di Pertua M.P.S.P. yang telah menjadi kosong beberapa bulan lepas. Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telahpun mendapat calon untuk mengisi jawatan tersebut mulai 1 Januari, 1990.

Kawasan yang ditadbir oleh M.P.S.P. adalah sangat luas dan ia merupakan Majlis Tempatan yang terbesar di semenanjung ini. Oleh itu, orang yang ditugaskan sebagai Yang DiPertua adalah amat penting kerana sebarang kelemahan dalam calon itu akan membawa masalah dan kesulitan kepada rakyat di seluruh Seberang Perai.

Saya ingin menggesa Kerajaan Negeri supaya mengkaji dengan lebih teliti calon yang berkenaan kerana saya dimaklumkan bahawa calon yang akan diberi jawatan itu pernah diasiasat berhubung dengan rekod kerja semasa beliau memegang jawatan di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (L.K.I.M.) dan peluang kenaikan pangkat beliau pernah dibekukan untuk satu tempoh. Oleh itu saya berharap Kerajaan Negeri boleh menimbang semula pemilihan ini. Saya percaya tentu ada ramai lagi

calon-calon yang lebih sesuai untuk mengisi jawatan Yang Di Pertua M.P.S.P. Saya ingin mencadangkan supaya seorang bukan Melayu dipilih untuk memegang jawatan itu kerana semenjak tahun 1974 apabila Majlis ini dibentuk, kesemua orang yang memegang jawatan ini adalah terdiri dari kaum Melayu. Empat orang Yang DiPertua dan orang-orang *acting* Yang DiPertua termasuk dua orang S.F.O. di Pulau Pinang. Jadi, untuk kebaikan penduduk serta dalam semangat muhibbah, Kerajaan harus menimbang untuk memilih seorang dari orang bukan Melayu yang berkecualan pada kali ini.

Tuan Speaker, mengenai M.P.S.P. juga menyentuh tentang penilaian tafsiran cukai yang dicadangkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai baru-baru ini, saya ingin mengutuk sikap para Ahli Majlis dan pemimpin Parti Gerakan dan MCA. Kenaikan cukai adalah diluluskan oleh M.P.S.P. dan sememangnya mendapat restu daripada semua Ahli Majlis dan parti termasuk mereka dari Gerakan dan MCA. Kenapa Ahli Majlis dan pemimpin-pemimpin parti pula melancarkan kempen membantah kenaikan cukai di seluruh Seberang Perai kemudiannya, sedangkan mereka sendirian yang menyokong kenaikan cukai ini dalam mesyuarat Majlis. Bukankah ini perbuatan seperti "talam dua muka" atau "ular kepala dua"? Saya tidak marah pada Ahli Majlis dari Gerakan dan MCA ini kerana memang perangai Ahli Majlis dari kedua-dua parti ini demikian rupa.

Tuan Speaker, saya fikir tindakan M.P.S.P. untuk menaikkan cukai adalah tidak wajar dan tidak berpatutan oleh kerana telah menjadi kenyataan umum bahawa perkhidmatan yang diberi oleh M.P.S.P. adalah sungguh tidak memuaskan dan amat menyedihkan. Telah

banyak sungutan yang kita dengar hari demi hari seperti sampah-sarap yang tidak diangkut, parit dan longkang yang tidak dicuci dan menyebabkan air bertakung di sana sini, tandas tidak diangkut, dan di Bukit Mertajam, sepertimana yang kita semua sudah bosan mendengar ialah tandas di pasar pekan Bukit Mertajam (gangguan).

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila jangan menyentuh mengenai perkara M.P.S.P. dan M.P.P.P. kerana Perbekalan 1950 tidak bersangkut (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ya, Tuan Speaker ini adalah satu contoh Kerajaan mengutip hasil (gangguan).

Tuan Speaker:

Dengan ringkas tidak apa. Sedikit-sedikit boleh.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ini baru sebahagian sahaja masalah orang awam terhadap M.P.S.P. Tuan Speaker, kalau tidak mahu menyentuh berkenaan M.P.S.P., boleh.

Saya merujuk kepada perkara pelancongan. Tuan Speaker, semalam apabila Ketua Menteri membentangkan ucapan, beliau telah berkata bahawa dari Pejabat Ketua Menteri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri terhadap meningkatkan peruntukan oleh kerana pertukaran dari Butiran 16 ke Butiran 1.

Tuan Speaker, saya ingin tahu kenapa Kerajaan Negeri memindah peruntukan

pemberian dan sumbangan kepada pelancongan dan lain-lain di bawah Butiran 42000 dari Butiran 16 kepada Butiran 1. Apakah kerana Jabatan Kewangan Negeri gagal melaksanakan tugasnya?

Tuan Speaker, berhubung dengan bidang pelancongan, nampaknya Kerajaan Negeri sedar bahawa Kerajaan Negeri sedang mengalami persaingan hebat dari pusat-pusat pelancongan negeri jiran kita. Ini perkara bukan luar biasa kerana pelancongan memang diambil berat kerana ia merupakan satu sumber hasil bagi ekonomi tempatan.

Meninjau kembali, Pulau Pinang memang menjadi satu destinasi pilihan utama di negara ini beberapa tahun dahulu. Tetapi keadaan ini sudah berubah kerana lain-lain negeri telah memulakan promosi menggalakkan kedatangan pelancong, sedangkan Pulau Pinang masih berbangga dengan kemegahan-kemegahan yang lampau. Oleh itu, sejak kebelakangan ini, industri pelancongan Pulau Pinang tidak lagi menduduki tempat yang utama lagi. Kedatangan pelancong ke Pulau Pinang telah merosot sehingga 8 syarikat penerbangan yang mempunyai kebenaran untuk mendarat di Lapangan Terbang Bayan Lepas tidak dapat buat begitu kerana tidak ada penumpang yang mencukupi yang ingin melawat negeri ini. Pulau Pinang juga diketepikan oleh Kerajaan Pusat apabila negeri ini tidak berpeluang untuk menjadi pusat rekreasi bagi Ketua-ketua Komanwel yang bersidang di Malaysia.

Memandangkan cabaran-cabaran ini, Kerajaan Negeri tidak harus bersikap 'complacent' dan mengambil langkah untuk memulihkan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini.

Adalah sungguh malang bahawa negeri ini tidak dapat merebut peluang keemasan ini untuk memperkenalkan Negeri Pulau Pinang semasa Sukan SEA ke-15 baru-baru ini di mana beribu-ribu peserta telah berkumpul di negara ini. Pulau Pinang juga ketinggalan apabila ianya tidak disertakan dalam aturcara CHOGM, dan dengan ini telah hilang peluangnya untuk menjadi tuan rumah kepada beribu-ribu wartawan asing dan tidak payah disebut apatah lagi Ketua-ketua Kerajaan yang mana mereka ini boleh membantu untuk memperkenalkan Negeri Pulau Pinang kepada jutaan orang di negara masing-masing.

Walaupun pelancongan telah diterima sebagai satu sektor yang penting dalam ekonomi Negeri Pulau Pinang, tetapi ianya tidak dicerminkan dalam usaha pihak Kerajaan dalam peningkatan industri ini. Dalam aspek ini, saya menyeru Kerajaan Negeri mempelajari dari pengalaman Negeri Melaka yang telah membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam usaha untuk meningkatkan industri ini dalam negeri tersebut. Sebagai satu sukatan kejayaannya, Negeri Melaka telah menjadi tuan rumah kepada CHOGM dan wartawan-wartawan asing pada bulan lalu. Sejak tahun 1983, Negeri Melaka telah membelanjakan lebih dari \$30 juta dari tabung negeri bagi usaha meningkatkan pelancongan. Ini adalah satu usaha yang serius dari sebuah negeri yang kecil dan hasilnya ialah mereka sekarang ini sedang mengaut hasil dari usaha-usaha mereka. Juga Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menaikkan imej Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan dan ini telah menjadi persaingan kepada negeri kita.

Sebaliknya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang

tidak berkongsi niat yang sama dan komitmen seperti Negeri Melaka dan Pulau Langkawi. Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya memperuntukkan satu jumlah wang yang kecil (token) sahaja sebanyak \$4,390,000.00 bagi tahun 1986-1990, di mana \$200,000.00 di tahun 1987, \$10.00 (token) di tahun 1988 dan \$1.6 juta di tahun ini bagi meningkatkan pelancongan. Tuan Speaker, Tahun 1990 peruntukan hanya \$1.7 juta sahaja. Ini adalah sama sekali tidak mencukupi amatlah dikesali. Dahulunya, Negeri Pulau Pinang adalah destinasi pilihan selepas Kuala Lumpur tetapi sekarang ini, Negeri Melaka telah berupaya untuk menarik arus perjalanan pelancong-pelancong ini ke negara mereka dengan menawarkan lebih banyak lagi kepada pelancong-pelancong negeri ini secara aktif dalam peningkatan pelancongan, saya menyeru Kerajaan Negeri menyemak semula peruntukan dan penekanan yang sekarang ini diberi kepada sektor ini.

Tuan Speaker, Tahun Melawat Malaysia 1990 hanyalah tak sampai satu bulan sahaja lagi. Adakah Negeri Pulau Pinang sudah cukup sedia untuk menyambut beribu-ribu pelancong yang dijangka akan datang ke Negeri Pulau Pinang ini? Dengan hanya mempunyai masa yang begitu suntuk sekali, adalah sudah terlambat bagi pihak-pihak berkuasa yang ada kaitan untuk mengadakan lebih banyak lagi tarikan-tarikan pelancong dan infrastruktur-infrastruktur. Adalah menjadi harapan bahawa sekurang-kurangnya yang boleh Kerajaan lakukan ialah supaya memastikan bahawa tempat tarikan pelancong adalah sempurna dan boleh diterima oleh pelancong-pelancong dan juga memperkenalkan lebih banyak aktiviti-aktiviti bagi menarik pelancong-pelancong datang ke Pulau Pinang.

Tuan Speaker, dari jawapan yang diberi

oleh Ahli Exco berkenaan di mana apabila ditanya, apakah program-program untuk Tahun Melawat Malaysia? Selepas meneliti aktiviti-aktiviti yang disebut oleh Ahli yang berkenaan itu, saya tidak nampak ada lain ada *different* dari tahun-tahun yang lalu. Oleh kerana itu saya menyeru Kerajaan Negeri mengadakan satu program atau aktiviti yang boleh menarik pelancong-pelancong dan boleh menarik pelancong-pelancong balik ke Pulau Pinang, oleh kerana Tahun Melawat Malaysia hanya satu kali dalam beberapa tahun dan menarik pelancong ke Malaysia adalah usaha Kerajaan Persekutuan. Dengan usaha ini saya harap Kerajaan Pulau Pinang boleh dapat mengadakan suatu program dan aktiviti-aktiviti yang boleh menarik balik pelancong-pelancong ke Pulau Pinang selepas Tahun Melawat Malaysia.

Tuan Speaker, adalah tidak terlambat untuk kita menerima hakikat bahawa industri pelancongan Negeri Pulau Pinang sedang berada di tahap yang paling rendah dan kita mengambil usaha sekarang juga untuk menyekat *trend* menurun ini. Satu pelan induk bagi kemajuan pelancongan di negeri ini adalah amat perlu bagi membendung berbagai isu-isu yang dihadapi oleh industri ini dan melukiskan satu arah yang baru.

Tuan Speaker, satu perkara yang saya suka membangkitkan di sini ialah berkenaan dengan pencemaran alam di Negeri Pulau Pinang ini. Apa yang kita semua dapat lihat ialah bahawa pihak Kerajaan tidak menghiraukan sangat hal pencemaran alam yang mungkin boleh mengorbankan nyawa manusia. Kita semua begitu sedar bahawa Y.A.B. Ketua Menteri lewat ini kerap mempelawa pelabur-pelabur asing untuk datang melabur ke negeri kita ini, tetapi dalam keasyikan ini, Kerajaan perlu

memikirkan apakah kesan-kesan sampingan yang akan diwujudkan oleh industri-industri luar ini yang membawa bersama-sama mereka pencemaran yang begitu besar ke dalam negeri kita. Kenapa saya berkata demikian ialah kita boleh lihat dengan terang sekali bahawa kawalan pihak Kerajaan ke atas hal alam sekitar adalah begitu longgar dan tidak begitu sempurna. Kita telah mendengar lewat-lewat ini akan hal-hal seperti terdapat industri-industri yang tidak bertanggungjawab seperti membuang sisa-sisa toksid dan pengeluaran mereka sesuka hati ke dalam sungai-sungai, tempat-tempat yang berhampiran dengan kawasan perumahan dan bermacam-macam lagi dan adakala sisa-sisa yang dibuang ini adalah amat merbahaya dan beracun.

Tuan Speaker, satu perkara yang jelas menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak menghiraukan langsung bahaya-bahaya yang mungkin diakibatkan kepada alam sekitar dan nyawa rakyat Negeri Pulau Pinang ... (gangguan).

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, alam sekitar tidak di bawah Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya tahu Tuan Speaker, saya tahu alam sekitar adalah di bawah Menteri Alam Sekitar, tetapi, Kerajaan Negeri pun ada tanggungjawab kepada rakyat Pulau Pinang dan pekerja-pekerja (gangguan).

Tuan Speaker:

Dengan ringkas, saja.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ini satu perkara yang amat serius, dan amat penting (gangguan).

Tuan Speaker:

Boleh dibawa ke Parlimen.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya sudah beri di Parlimen dan Menteri berkenaan telah mengatakan bahawa ini adalah hal negeri. Macam mana sekarang, Tuan Speaker?

Tuan Speaker:

Teruskan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Bukankah Pulau Pinang ada seorang Exco Alam Sekitar?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ya, betul. Memang, apa guna satu Exco (gangguan).

Tuan Speaker:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, satu perkara yang jelas menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak menghiraukan langsung bahaya-bahaya yang mungkin diakibatkan kepada alam sekitar dan nyawa rakyat Negeri Pulau Pinang ialah tempat-tempat simpanan atau tapak pembuangan tahi-tahi bijih yang dibenarkan wujud selamat sejak berpuluh-puluh tahun tanpa satu

pengawasan yang rapi. Tempat-tempat yang saya maksudkan ialah tapak simpanan "tahi" bijih di Jalan Bagan Luar, Butterworth dan satu lagi ialah tambunan "tahi" bijih di bawah Stadium Bandaraya, Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Tahi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tahi?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

Ha!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Baik. Bahasa kurang baik, terima kasih.

Tuan Speaker, bulan Mei 1989 isu Utusan Konsumer sudah melaporkan satu keadaan *radioactive dump* di Butterworth dan Penang Stadium juga *also hot* Tuan Speaker. Ini adalah satu perkara yang amat serius yang amat penting, tetapi saya nampak dari kenyataan yang dibuat oleh Ketua Menteri di mana Ketua Menteri selepas keluaran Utusan Konsumer itu Ketua Menteri memberikari satu laporan di akbar di mana beliau kata – dengan izin – Tuan Speaker:—

"The public should not be alarmed by claims that tin slags deposit at City Stadium could pose a radiation hazard." Chief Minister Dr. Lim Chong Eu said today. We should wait for the authority to complete their investigation on the deposit."

Tuan Speaker, sudah berapa bulan? Sudah berapa bulan dan kita tidak nampak ada kajian dijalankan dan apa tindakan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan atau M.P.P.P. dan juga di sini ada seorang *lecturer Professor U.S.M.* di mana beliau juga selepas kenyataan Ketua Menteri telah mengatakan bahawa – dengan izin – Tuan Speaker.

The headline: "Don – slag dumps could pose danger, A U.S.M. Physics Professor said today the last deposit of tin slags in the state could prove to be a radiation hazard."

Tuan Speaker, ini pendapat oleh seorang yang mahir dan sikap M.P.P.P. dan M.P.S.P. tidak boleh diterima oleh rakyat Pulau Pinang. *Headline* Tuan Speaker – "CAP report not true – Council". Selepas dikeluarkan ini, sebelum kajian dibuat, sebelum apa-apa tindakan diambil, M.P.S.P. dan M.P.P.P. dikeluarkan kenyataan bahawa "report not true". Tuan Speaker, ini Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Tuan Speaker, sebelum satu kajian dibuat M.P.P.P. telah menyatakan bahawa – dengan izin – Tuan Speaker:

"The radiation level from tin slags at the City Stadium does not pose any danger and constant efforts are being made to monitor the level." A spokesman for the Penang Municipal Council Health Department.

Tuan Speaker, di sini saya mahu tanya apakah *constant effort* dibuat untuk di *monitor tin slags* ini dari dua-dua Kerajaan Tempatan itu? Tuan Speaker, ini sikap Kerajaan yang main-main dengan nyawa rakyat.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Omar):

Siapa main-main?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Jikalau tidak main-main mengapa mengeluarkan kenyataan ini, kenyataan yang tidak *responsible* sebelum kajian dijalankan? Boleh keluaran kenyataan ini? Ini sesiapa pun boleh buat tetapi seorang Ketua Menteri dan *spokesman* dari M.P.P.P. Tuan Speaker, ini sikap tidak bertanggungjawab sama sekali.

Tuan Speaker, di Jalan Bagan Luar Butterworth, kawasan saya, Parlimen, juga kawasan Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin. Oleh kerana beliau tidak bangkitkan isu itu, saya terpaksa mengemukakan isu oleh kerana itu satu perkara yang penting.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tempat tinggal saya yang lama.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Timbunan tahi bijih ini bukanlah satu rahsia kerana sesiapa sahaja yang melalui Jalan Bagan Luar ini dapat melihat dengan jelas timbunan-timbunan tahi bijih ini di satu kawasan tepi jalan utama berdekatan dengan Hospital Daerah, Klinik Bersalin, sekolah-sekolah, pejabat-pejabat dan rumah-rumah didiami oleh penduduk-penduduk di Butterworth.

Tuan Speaker, dalam tahun 1982 berlaku satu peristiwa di mana bahaya radiasi akibat dari tambunan tahi bijih telah menjadi satu isu besar di Negeri Pulau Pinang. Ini berlaku akibat dari pembuangan 3,000 tan tahi bijih oleh Datuk

Keramat Smelting yang dibuang dekat Jalan Keretapi Bukit Bendera dan ini telah menyebabkan ramai penduduk berhampiran mengalami sakit-sakit kulit, muntah-muntah dan pening. Ujian yang dijalankan oleh Pusat Kajian Atom Tun Dr. Ismail atau (PUSPATI) – dengan izin – telah menunjukkan bahawa paras radiasi di tempat ini adalah sebanyak 3,800 milirems setahun iaitu 38 kali lebih dari paras yang dibenarkan.

Ini adalah satu keadaan yang menggerunkan di mana nyawa orang awam terbabit. Kerosakan kepada tubuh manusia akibat dari keracunan radiasi tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan kesannya adalah secara meredap dan hanya akan disedari selepas 20 atau 30 tahun. Saya harap Ahli Kawasan Mak Mandin boleh faham itu oleh kerana akibat dari radiasi itu tidak boleh nampak dengan mata kasar. Nampaknya kejadian bahaya seperti yang saya sebutkan tadi belum lagi mengajar pihak Kerajaan tentang bahaya yang boleh berlaku akibat dari pendedahan tubuh kita kepada radiasi. Ini dapat dilihat dari sikap Y.A.B. Ketua Menteri yang saya telah cakap tadi.

Tuan Speaker, suka saya mengingatkan Kerajaan Negeri khasnya Y.A.B. Ketua Menteri bahawa nyawa rakyat Pulau Pinang bukanlah satu barang mainan dan beliau harus mengubah sikap yang tidak bertanggungjawab ini dengan segera dan segera bertindak mengarahkan supaya satu ujian dapat dijalankan untuk memastikan tuduhan-tuduhan ini adalah tidak benar dan selanjutnya memaklumkan kepada orang ramai tentang hasil ujian ini supaya tidak mencemaskan orang ramai. Jika terdapat bahawa tuduhan-tuduhan ini adalah benar, pihak Kerajaan hendaklah segera mengarahkan tempat-tempat ini ditutup dengan serta merta dan tahi-tahi bijih ini dipindahkan

ke satu tempat yang jauh dari orang ramai dan satu tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap kilang-kilang atau syarikat-syarikat yang bertanggongjawab.

Tuan Speaker, mengenai *Smelting Co.* itu, satu lagi pencemaran alam sekitar yang wujud sejak beberapa puluh tahun ialah di tengah-tengah bandaraya Georgetown serupa dengan *Eastern Smelting Co.* itu dan saya harap Kerajaan Negeri juga boleh mengkaji sama ada kilang ini di tengah bandar Georgetown adalah merbahaya kepada rakyat dan jika ya, semuanya akan dipindah kepada satu tempat lain yang tidak begitu ramai orang dan juga satu tepak yang harus dipindah ialah tempat Kerajaan Tempatan sendiri di mana M.P.P.P. *incinerator*, di mana habuk-habuk adalah mencemarkan alam sekitar sekeliling tempat itu.

Tuan Speaker, satu lagi perkara yang saya rasa penting dan perlu mendapat perhatian daripada Kerajaan ialah tentang kebijakan pekerja-pekerja di kilang-kilang bijih di pulau ini dan di Butterworth. Satu contoh Tuan Speaker, juga melibatkan kilang *Malaysian Smelting Co.* Tuan Speaker, saya tidak dapat pasti di sini sama ada kilang-kilang lain telah mengambil langkah-langkah keselamatan terhadap pekerja-pekerja mereka. Satu contoh yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang pendedahan Persatuan Pengguna-pengguna Pulau Pinang. Bahawa ujian yang dijalankan oleh mereka ke atas pekerja-pekerja kilang bijih yang terbesar di Butterworth menunjukkan bahawa 10 dari setiap 11 orang pekerja adalah menghadapi keracunan arsenic yang mungkin membawa maut. Tuan Speaker, ini adalah satu kenyataan baru-baru sahaja – November *issue* Utusan Konsumer – dengan izin – Tuan Speaker:—

"Occupational hazard horrors in the Malaysian Smelting Co." Di mana tuduhan *poison by arsenic* di mana satu tuduhan yang amat serius dibuat oleh Utusan Konsumer itu oleh kerana ini tuduhan yang amat serius dan diharap Kerajaan boleh membuat satu siasatan sama ada ini benar. Jika benar, saya harap Kerajaan ambil tindakan dengan segera memastikan bahawa pekerja-pekerja akan dilindungi.

Tuan Speaker, satu perkara lagi adalah para penjaja di Pulau Pinang. Para penjaja memainkan peranan yang penting dalam sektor ekonomi negeri ini dan harus diberi segala bantuan supaya lebih maju dalam perniagaan. Setakat bulan Jun tahun 1989 terdapat sebanyak 27,000 orang penjaja di Pulau Pinang. Itu 8,000 termasuk 3,000 lebih *itinerant hawkers* – dengan izin – dan 3,000 lebih *temporary hawkers licences* dan juga 1,000 lebih adalah *stall licence holders* di Pulau Pinang dan 3,900 orang di Seberang Perai. Mereka merupakan satu golongan yang berani menghadapi cabaran dan sungguh bekerja keras untuk meningkatkan perniagaan tetapi dalam usaha ini mereka sering dilihat sebagai satu golongan yang selalu bertentang dan bermusuhan dengan pihak Majlis Tempatan yang menguatkuasakan undang-undang kecil. Saya tidak setuju dengan pandangan rasmi yang menganggap bahawa para penjaja sebagai satu golongan yang hanya mematuhi syarat jika kuasa paksaan digunakan. Memang para penjaja menghadapi masalah berhubung dengan lesen, tapak perniagaan, kemudahan asas dan kesihatan. Dalam perkara ini mereka sentiasa menghadapi kerumitan mungkin kerana pegawai-pegawai berkenaan kurang memahami kehendak penjaja.

Tuan Speaker, di kawasan saya di Lebuh Cecil di mana satu pertikaian telah wujud di

antara penjaja-penjaja dan M.P.P.P. Saya harap satu tindakan diambil oleh Kerajaan terhadap perkara ini dan oleh itu Tuan Speaker saya cadangkan sampailah masa untuk Kerajaan Negeri mengemukakan satu dasar penjaja negeri di mana masalah penjaja dapat dilihat dengan *perspective* keseluruhannya oleh kerana golongan penjaja amat besar. Jadi nyawa dan rezeki mereka tidak harus bergantung kepada tindakan pilih kasih dan *ad hoc* – dengan izin – yang diambil oleh pegawai Kerajaan Tempatan. Apa yang diperlukan ialah satu dasar yang tegas, terang dan boleh diterima, akhirnya kebajikan manusia patut melintasi undang-undang kecil atau peraturan.

Tuan Speaker, akhirnya satu perkara yang saya mesti bangkitkan di sini adalah berhubung dengan lawatan rombongan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan. Memang Pengerusi tidak mahu membangkitkan isu ini tetapi saya terpaksa menimbulkan oleh kerana satu pengurusan Kerajaan yang tidak patut, yang tidak mengikut apa yang sepatutnya mesti diikuti menurut dasar-dasar Kerajaan. Tuan Speaker, dalam rombongan lawatan ke Negeri Sabah dan Brunei yang dijadualkan pada 1 Oktober hingga 5 Oktober, saya difahamkan bahawa pada 30 September satu hari sebelum rombongan ini bertolak ke Sabah, tiba-tiba Setiausaha Sulit kepada Ketua Menteri, Encik Ng Wee Kok telah memberi arahan supaya rombongan ini dibatalkan.

Tuan Speaker, lawatan ini telah diluluskan dan disokong oleh Mesyuarat Exco Kerajaan. Bagaimana seorang Setiausaha Sulit kepada Ketua Menteri boleh memberi arahan yang bertentangan dengan keputusan para Ahli Exco? Tingkahlaku beliau dalam perkara ini menunjukkan bahawa beliau boleh membelakangkan keputusan yang dibuat oleh

Ahli-ahli Exco. Adakah beliau mempunyai kuasa yang lebih dari Ahli-ahli Exco? Kerana beliau seorang Setiausaha Sulit kepada Ketua Menteri? Pembatalan lawatan ini pada saat akhir sungguh memalukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana segala persiapan telah diuruskan oleh Negeri Sabah dan Negara Brunei melalui bantuan Wisma Putra.

Tuan Speaker, di sini saya berharap Y.A.B. Ketua Menteri, jikalau Y.A.B. Ketua Menteri ada di Dewan ini dapat memberitahu Dewan ini mengapa Setiausaha Sulit beliau membuat keputusan sedemikian. Apakah ini caranya Kerajaan Negeri mentadbir di mana keputusan seorang yang hanya kakitangan Kerajaan boleh membelakangkan keputusan ahli-ahli Exco yang meluluskan lawatan ini? Saya tunggu terima satu jawapan dari Ketua Menteri.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Siapa lagi? Tak mahu bahas? Ya, Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990."

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri kelmarin telah mengemukakan suatu Belanjawan dengan difisit sejumlah \$6.4 juta kepada Dewan yang mulia ini. Y.A.B. Ketua Menteri mahu semua Ahli-ahli yang Berhormat percayakan bahawa cadangan belanjawan itu adalah satu cadangan yang baik dan boleh

membawa faedah kepada semua bidang rakyat. Y.A.B. Ketua Menteri juga bangga dengan prestasi-prestasi dan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh berbagai-bagai Badan-badan Kerajaan Negeri. Tetapi Tuan Speaker, di sebaliknya kami di sini merasa sedih atas cadangan belanjawan itu dan juga tidak puas hati dengan apa-apa yang telah ditunjuk oleh Badan Kerajaan Negeri kita ini.

Tuan Speaker, sekali lagi Y.A.B. Ketua Menteri menyalahkan kemelesetan ekonomi sedunia adalah antara satu-satu sebab yang mengakibatkan kekurangan hasil negeri kita ini. Saya memang tidak bersetuju dengan alasan-alasan seperti ini. Saya anggap jikalau Kerajaan Negeri boleh mengawal prestasi-prestasi dan produktiviti kakitangan-kakitangan badan Kerajaan Negeri, maka hasil akan bertambah kali ganda.

Tuan Speaker, saya memberi satu contoh untuk menyokong pandangan saya ini. Tuan Speaker, kami lihat prestasi M.P.S.P. Kawan saya mengemukakan satu pelan perumahan untuk kelulusan M.P.S.P. tetapi telah 10 tahun pelan tersebut belum diluluskan dan tiada sebarang alasan-alasan munasabah diberi kepada beliau. Untuk makluman Tuan Speaker, tanah tersebut ialah lot 1430 Mukim 4, S.P.U. Sekiranya pelan tersebut diluluskan maka rumah dapat dibina dan cukai pelbagai dapat juga dipungut. Satu lagi ialah pelan menunggu kelulusan ialah di lot 2395 Sek. 4, S.P.U. juga. Permohonan telah dikemukakan sejak tahun 1986 dan sehingga sekarang ini belum ada kesan-kesan kelulusan.

Tuan Speaker, pada tahun lepas, dalam perbahasan seumpama ini, saya telah membangkitkan Kerajaan hilang peluang memungut hasil tanah kerana kelambatan ke-

lulusan M.P.S.P. Pada masa itu saya telah membangkitkan bahawa sekeping tanah kosong dipungut hasil tanah cuma \$3.40 satu tahun tetapi kalau dapat luluskan untuk dimajukan oleh M.P.S.P. maka hasil akan jadi \$930.00. Ini adalah lebih kurang 30 kali ganda hasilnya. Mengapa M.P.S.P. begitu lembab dan tidak mahu menjalankan kerja dengan cepat?

Tuan Speaker, ini adalah pengalaman saya sendiri satu lagi contohnya. Pada suatu hari saya pergi buat pertanyaan kepada Bahagian bangunan di M.P.S.P. berkenaan dengan satu fail yang patut dihantar kepada Perancang Bandar di bangunan yang berdekatan sahaja. Saya diberitahu fail tersebut telah dihantar. Baik. Saya pun bagi masa untuk diproses oleh Perancang Bandar. Lepas satu minggu, saya pergi jumpa dengan seorang Pegawai Perancang, beliau beritahu saya fail tersebut belum sampai ke tangan dia. Dari Bahagian Bangunan di atas bangunan tersebut sampai ke Bahagian Perancang, cuma saya ingat 3 minit jalan kaki saja. Tapi satu minggu belum sampai ke tangan mereka. Kalau saya hantar *express* pergi Amerika pun sudah sampai.

Tuan Speaker, ini cuma contoh-contoh yang saya tahu, tetapi saya pasti masih ada ramai orang yang menghadapi masalah yang serupa ini. Saya anggap M.P.S.P. adalah "sekor ibu ayam yang tidak boleh bertelur". Tindakan mesti diambil untuk menyusun semula prestasi-prestasi Badan ini.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri juga berkata negeri kita kekurangan sumber-sumber alam semulajadi dan kena bergantung kepada kedudukan yang strategik serta potensi Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah pusat perkhidmatan dan pertumbuhan perniagaan dan kewangan antarabangsa pada masa akan datang.

Hasil dari tebusguna tanah dan pelancongan dan sebagainya juga satu-satu faktor yang boleh digantungkan.

Memang tepat pandangan beliau, tetapi kurang sedikit. Mengapa tidak mahu berlawan supaya dapat balik status pelabuhan bebas? Mengapa Pulau Langkawi boleh dijadikan pelabuhan bebas? Sekiranya Y.A.B. Ketua Menteri boleh menggunakan "Semangat perundingan Barisan Nasional" yang selalu ditegaskan dan pakailah sedikit tekanan seperti 8 orang ADUN Negeri Selangor, tetapi janganlah lari di tengah jalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Main wayang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Saya ingat Kerajaan Pusat pasti boleh mengizinkan status pelabuhan bebas diberikan kepada negeri kita ini. Sekiranya dapat status pelabuhan bebas maka segala aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi akan berkembang lebih tinggi dan tidak payahlah khuatir akan kekurangan hasil.

Tuan Speaker, perbelanjaan yang dicadangkan kepada Badan-badan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang tidak boleh dihalangkan. Akan tetapi, perbelanjaan mesti dipakai dengan cermat dan jimat dan juga janganlah ada berat sebelah. Bukankah lambang Barisan Nasional itu "Dacing"? Tetapi selalunya saya nampak "Dacing" itu berat sebelah!

Tuan Speaker, di bawah Butiran Kod 42000, peruntukan diberi kepada Sekolah Agama Rakyat. Pemberian telah dicadangkan untuk

meningkatkan mutu bilik darjah dan kemudahan pengajaran. Sumbangan juga diberi supaya menjalankan program akhlak murid-murid Sekolah Agama. Yang timbul berat sebelah ialah mengapa pemberian tidak diberi kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan? Baru-baru ini satu usul telah dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Berapit menyeru Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya dapat memberi bantuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan dan telah ditolak oleh Dewan yang mulia ini. Ahli-ahli di hadapan saya ini apabila nama untuk mengundi semua kata "Tidak".

Tuan Speaker, nampaknya ada banyak parit-parit dan taliair dibendang kena dikorek. Tiap-tiap tahun bila sampai *budget*, Jabatan Pengairan dan Saliran dapat banyak peruntukan. Tahun depan peruntukan adalah \$6.7 juta. Lebih kurang sama tahun ini. Saya anggap setahun parit dan taliair dikorek, pada tahun akan datang cuma penyenggaraan perlu dijalankan saja. Tetapi tiap-tiap tahun projek baharu ada, tetapi luas bidang bendang tidak tambah dan hasil padi pun jatuh juga. Semua bendang dibanjiri oleh rumput-rumput dan lalang-lalang. Lebih baik gunakan berbagai-bagai perbelanjaan dan subsidi itu untuk mengimplotkan beras dari negeri jiran. Harga beras impot akan murah dan harga tempatan dan mutunya pun lebih baik sehingga tidak memerlukan lauk.

Tuan Speaker, saya sangat suka memerhatikan prestasi Jabatan Kerja Raya. Badan ini mendapat peruntukan yang paling tinggi iaitu lebih kurang \$15 juta. Nampaknya Badan ini pun sibuk sangat, tetapi yang betul-betul kurang baik. Kurang baik dari segi boleh dibuktikan di tepi-tepi jalan, di sepanjang Jalan Raja Uda tidak ada peparitan dan taliair. Penduduk-penduduk menggunakan batu-bata

yang diroboh dari rumah untuk menambun lubang-lubang di *side-table*. Bukan itu satu kejadian yang malu kepada Kerajaan sampai hingga penduduk-penduduk kena memakai batu-bata dari robohan rumah digunakan untuk menambun lubang-lubang itu? Motosikal dan basikal selalu jatuh kerana *side-table* dan muka jalan tinggi rendah. Apabila saya berhubung dengan pihak yang berkenaan mereka selalu kata tiada peruntukan. Saya tahu, memang itu sangat senang. Cakap – tiada wang.

Belanja elaun *overtime* di Butiran Kod 14000 pada tahun depan adalah bertambah baik sedikit. Lebih kurang satu potongan yang berjumlah \$270,000.00 tetapi masih lagi tinggi. Anggaran belanja *overtime* adalah lebih kurang \$1.1 juta. Anggaran ini adalah sangat tinggi dan diharap *overtimes* perbelanjaan ini dapat dikurangkan dengan seberapa cermat. Butiran Kod 1-8204-000 pemberian untuk penyenggaraan lorong-lorong belakang dari Kerajaan Pusat berjumlah kepada \$431,000.00 pun telah diperuntukan. Peruntukan memang diberi tiap-tiap tahun tetapi masih lagi kebanyakan lorong-lorong belakang rosak sampai nampak pertumbuhan rumput-rumput. Walau bagaimanapun, kebanyakan jalan-jalan di kawasan saya telah diturap semula dan bolehlah tahan untuk beberapa tahun yang akan datang.

Tuan Speaker, yang akhir sekali saya mahu menyentuh dengan Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Utara. Tuan Speaker, kelmarin saya ada menerima satu jawapan bertulis, memberitahu bahawa pada tahun ini, KADUN Bagan Jermal ada dapat peruntukan projek kecil sebanyak \$21,960.00 Satu anggaran yang lebih dari peruntukan bagi seseorang ADUN. Akan tetapi antara \$21,960.00 ada \$3,000.00 dicuri oleh ADUN Telok Ayer Tawar kerana \$3,000.00 itu ialah untuk

membekal batu pejal atau *stone blocks* untuk menahan hakisan pantai di Bagan Belat, Telok Ayer Tawar. Saya tidak faham bagaimana akaun itu boleh dimasuki ke akaun KADUN Bagan Jermal. Jikalau benar-benar dicuri, sila kembalikan dengan membekal tanah-tanah dan *quarry waste* untuk jalan-jalan kampung saya.

Tuan Speaker, baru-baru ini saya telah berjaya memohon \$3,000.00 untuk membaiki jalan-jalan tanah di kawasan saya ekoran musim hujan yang luarbiasa. Tetapi sekali lagi peruntukan itu dirampas oleh sekumpulan kakitangan-kakitangan MCA. Saya tidak mahu sebut mereka adalah ahli J.K.K.K. tetapi saya lebih suka menyebutkan mereka kakitangan-kakitangan MCA, oleh kerana mereka lebih suka mengharumkan nama-nama MCA dari memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan Speaker, tengok potongan surat khabar ini. J.K.K.K. kata di bawah kerjasama Dr. Sak mereka dapat \$14,000.00 untuk projek-projek kecil. \$3,000.00 yang saya sebut tadi termasuk dalam senarai ini. Ini boleh dikatakan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan, penjelasan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Ya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ini bukannya taktik MCA untuk mendapat *cheap publicity*?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Ini memang dia punya taktik "Lembu punya susu, sapi yang dapat nama".

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, siapa yang selalu dapat *cheap publicity*?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Nanti, saya lagi ada, ada bukti lagi.

Tuan Speaker, senarai-senarai kerja yang disebut di dalam kertas ini tidak seumpama dengan senarai-senarai jawapan-jawapan bertulis yang saya dapati ini, saya tidak tahu barangkali ada lagi satu Kerajaan Negeri yang memberi peruntukan kepada kakitangan-kakitangan MCA itu.

Tuan Speaker, ada juga MCA telah mengeluarkan satu bulletin ini untuk merendahkan maruah ahli-ahli kita di sebelah sini.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal, itu bukan MCA punya forum. Sila (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Saya akan sampaikan. Saya cuba memberi sedikit contoh dan bukti sahaja, Tuan Speaker.

Dalam risalah ini ada berkata Dr. Sak dapat \$60,000.00 untuk projek-projek yang disenaraikan begitu panjang, tetapi saya semak dalam senarai-senarai ini, ada juga projek-projek itu diminta oleh saya, tetapi sudah masukkan sampai sana, macam saya sudah masuk MCA juga.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Kita mengalu-alukan Yang Berhormat masuk!

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Ya, tunggu, tunggu!

Tuan Speaker, di dalam risalah ini, dia juga ada kata prestasi atau kelakuan pihak-pihak kami tidak baik iaitu rendah dari paras yang mereka boleh melakukan. Tetapi nampaklah selalu di sini (gangguan).

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya ingat perbahasan ini berkaitan dengan MCA, kita boleh buat di luar Dewan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tak apa, saya belum sampai. Ini semua berkenaan dengan projek-projek kecil yang dilulus oleh Pejabat Daerah. Saya akan sampai ke sana.

Tuan Speaker, nampaknya kami sini jangan cakap sampai jauhlah. Ahli Parlimen Bagan, saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Jermal, bagaimana prestasi kami? Adakah baik? Tengok Ahli dari Paya Terubong (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan, penjelasan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Ya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Peruntukan Parlimen Bagan ada dirampas oleh D.O. sendiri untuk membina satu *tennis court* di rumah dia, adakah benar?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Itu memang satu kerja yang telah dijalankan tetapi wang itu dari mana? Belumah kita pastikan.

Tuan Speaker, tengok Ahli dari Paya Terubong, mana dia? Kelmarin petang pun tak datang, pagi ini pun tak datang. Ini macam punya prestasi? (gangguan).

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Cuba tengok Ahli dari Kampong Kolam, Bukit Gelugor, Ayer Itam, mana ada?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker, saya memang tahu mereka sedang bertulis perbincangan-perbincangan ini tetapi Ahli Yang Berhormat dari Paya Terubong selalu tidak di sini. Bila mahu undi dia lagi cepat lari. Dia tak mahu tunggu di sini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan, penjelasan. Adakah benar bahawa Ahli dari Paya Terubong sentiasa jika masa yang penting di undi perkara yang penting seperti peruntukan untuk Sekolah

Rendah Jenis Kebangsaan tidak ada?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, itu bukan penjelasan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Itu penjelasan (gangguan).

Tuan Speaker:

Itu kenyataan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker (gangguan).

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Ini sandiwaralah, Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Jangan ganggu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker, saya ingin membuat penjelasan. Ya, itu memang saya selalu nampak Ahli Yang Berhormat di sebelah sana selalu ponteng saja!

Tuan Speaker, apa yang saya suka kata di sini ialah Pentadbiran Awam – *Public Administration* mestilah patut dan janganlah berat sebelah. Kalau Pegawai Kerajaan boleh membenarkan parti di sebelah sini menggunakan berbagai-bagai peruntukan untuk mendapat undi atau memancing undi, saya haraplah juga pegawai-pegawai yang berkenaan iaitu *Public*

Administrator janganlah merendahkan kami dan sebagainya patutlah menjalankan tugas patut dan saksama supaya rakyat jelata dapat faedah dan bukan untuk menolong parti-parti pemerintah menjalankan propaganda sahaja.

Itulah, sekian sahaja, Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguh 15 minit untuk minuman petang.

Dewan ditangguh pada jam 10.56 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.18 pagi.

Tuan Speaker:

Siapa yang ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Nampaknya tidak ada sesiapa dari Barisan Nasional yang mahu bercakap. Saya bangun Tuan Speaker, untuk mengambil bahagian dalam perbincangan perbekalan untuk tahun hadapan.

Tuan Speaker, tiga hari lalu, sejarah telah dicipta apabila Perjanjian Perdamaian *Haadyai* ditandatangani oleh pihak Kerajaan Malaysia dan Negeri Thai dengan Parti Komunis Malaya bagi menamatkan perjuangan senjata selama 41 tahun oleh anggota Komunis Malaya.

Y.A.B. Ketua Menteri menyentuh tentang peristiwa bersejarah ini dalam ucapan belanjawannya semalam apabila beliau berucap tentang asas bagi pencapaian sosial dan ekonomi negara ini dalam dekad-dekad yang lalu. Tetapi malangnya, beliau nampaknya telah mem-

pelajari perkara-perkara yang salah dari pengalaman sosio-ekonomi dan politik negara ini. Ini ditunjukkan apabila beliau memberi jawapan kepada satu soalan yang sangat *straight forward* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Jawi, tentang hasil lawatan beliau ke Negeri China baru-baru ini. Beliau telah memesonang dari jawapan asalnya untuk membuat tuduhan yang bukan-bukan dan berdengi dendam terhadap saya berhubung dengan pendirian saya dalam isu pembunuhan di Tienamen pada 4 Jun tahun ini. Niat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri adalah untuk menyemarakkan perasaan dengki rakyat keturunan Cina Pulau Pinang juga Malaysia terhadap saya dan DAP supaya beliau dapat terus menjadi Ketua Menteri dan Gerakan pula terus menjadi parti yang memerintah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya sungguh terkejut mendapati Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang malangnya tidak ada di sini telah begitu bankrap dalam politik dan begitu *desperate* sehingga beliau sedia menggunakan taktik-taktik politik yang begitu dikejikan. Lebih-lebih lagi beliau sedia dilihat sebagai seorang *reactionary* yang menentang gerakan antarabangsa bagi menuntut demokrasi, kebebasan dan hak-hak asasi oleh manusia seluruh dunia, semata-mata mahu terus menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang sahaja.

Apa yang Y.A.B. Ketua Menteri cuba buat kelmarin adalah untuk menyampaikan satu mesej bahawa saya anti Republik China, saya anti pemimpin Parti Komunis China, saya anti komunis China dan anti negara China dan justeru itu dengan cara yang halus memberitahu orang China di Pulau Pinang dan Malaysia supaya mereka tidak harus menyokong dan mengundi DAP.

Pertamanya, saya merasa sungguh sedih

seorang Ketua Menteri yang telah memegang jawatan selama 20 tahun boleh menggunakan taktik-taktik keji yang seharusnya hanya digunakan oleh politik-politik bawahan atau dengan izin *political hags* yang tidak berprinsip dan tidak bermaruah. Saya telah tetiti dan cuba mengelakkan dari menyentuh hal-hal peribadi Y.A.B. Ketua Menteri. Kalau tidak, saya boleh menekan dan mendesak suatu soalan dalam Dewan ini kelmarin berhubung dengan seorang yang mempunyai pertalian persaudaraan dengan Y.A.B. Ketua Menteri.

Keduanya, apakah kredibiliti Y.A.B. Ketua Menteri harap dapat apabila beliau, dalam ucapan belanjawannya kelmarin, menyentuh tentang ketaatsetiaan kepada Malaysia dan memelihara lunas-lunas Rukun Negara bagi menjaga perpaduan negara tetapi beliau dengan tidak merasa segan atau malu telah mencuba untuk menyemarakkan rakyat Malaysia keturunan China untuk menentang saya, bukan kerana apa yang saya lakukan di Malaysia, tetapi kerana pendirian saya atas asas hak-hak asasi dan demokrasi dalam kejadian Tienamen. Saya mahu mengutuk dengan sekeras-kerasnya kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri menuduh saya anti Republik Rakyat China dan anti pemimpin Parti Komunis China, anti Komunis China dan anti China? Mengapa saya perlu anti PRC ataupun anti pemimpin Parti Komunis China, anti Komunis China atau anti Negara China? Semacam juga mengapa saya perlu anti Taiwan, anti pemimpin dan Kerajaan Taiwan?

Saya seorang rakyat Malaysia dari mula hingga ke akhir hayat saya. Saya tidak tahu sama ada Y.A.B. Ketua Menteri pun sama juga memandangkan taktik-taktik politik yang digunakan olehnya semalam. Saya tidak perlu memohon maaf atas pendirian saya serta kutukan saya terhadap pembunuhan di Tienamen

pada 4 Jun tahun ini kerana pendirian saya adalah khasnya berpandu pada hak-hak asasi dan demokrasi. Tidak siapa pun boleh memberi *excuse* atau *justification* atas pembunuhan pelajar-pelajar, pekerja-pekerja dan orang-orang awam yang tidak bersenjata yang melakukan demonstrasi awam bagi menuntut lebih banyak kebebasan, demokrasi dan keadilan sosio-ekonomi, baikpun ia berlaku di Beijing, Taipei, Tokyo, London, Washington, Moscow, Pretoria, Manila, Singapura, Kuala Lumpur ataupun Pulau Pinang. Tidak kira berapa banyak orang dibunuh oleh askar-askar yang menembak, baikpun beribu-ribu atau beberapa ratus sahaja, perbuatan ini masih menjadi pembunuhan dan harus dikutuk oleh semua manusia yang mencintai keamanan, demokrasi dan kebebasan hak asasi, tidak kira keturunan bangsa dan etnik mereka.

Y.A.B. Ketua Menteri berkata saya telah cuba mencampur tangan dalam hal-chwal dalaman Negeri China, khasnya apabila saya cadangkan supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu membuat kenyataan membantah pembunuhan di Tienamen. Saya tidak setuju dengan Y.A.B. Ketua Menteri kerana keperimanan telah mencapai satu tahap kemajuan di mana tidak mana-mana negara atau Kerajaan boleh ketepikan hak-hak kemanusiaan rakyat jelatanya. Di bawah Artikul 55 Persetujuan atau Charter Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah komited kepada penghormatan universal terhadap hak-hak asasi dan kebebasan asas kesemua manusia dan semua ahli United Nations juga telah membuat komitmen untuk mengambil tindakan secara sepadu atau berasingan untuk bekerjasama dengan pertubuhan itu bagi mencapai matlamat-matlamat ini. Inilah mengapa semasa penahanan beramai-ramai dalam Operasi Lallang pada

bulan Oktober, November tahun 1987 di mana ramai pemimpin parti pembangkang, pengkritik dan orang-orang yang tidak sokong dasar Kerajaan ditahan tanpa pembicaraan, pencabulan hak-hak asasi di Malaysia dibawa kepada perhatian badan-badan antarabangsa termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri menganggap bahawa ini pun campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara Malaysia?

Saya tidak terkejut kerana Gerakan adalah parti komponen Barisan Nasional yang bertanggungjawab atas pencabulan hak-hak asasi rakyat Malaysia yang telah membawa imej antarabangsa Malaysia ke tahap yang rendah sekali dan lagi bertambah buruk dengan pemecatan hakim-hakim termasuk Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas dan dua orang hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Wan Sulaiman dan Datuk George Seah. Y.A.B. Ketua Menteri dan Gerakan tidak membuat apa-apa bantahan terhadap penghakisan atas kebebasan asas dan hak-hak berperlembagaan seseorang, kebebasan kehakiman, keluhuran undang-undang dan doktrin pemisahan kuasa. Di sebaliknya, Y.A.B. Ketua Menteri dan Gerakan telah memberi sokongan setia dan sokongan hamba abdi kepada pencabulan atas Perlembagaan, demokrasi dan hak-hak asasi di Malaysia. Y.A.B. Ketua Menteri dan Gerakan tidak ada masa, tidak ada *concern* apabila hak-hak asasi rakyat Malaysia dicabuli, tetapi apabila ada suara untuk menuntut pencabulan hak asasi di lain negara, Y.A.B. Ketua Menteri dan Gerakan bangun sedar.

Saya adalah bertanya Y.A.B. Ketua Menteri kelmarin sama ada beliau menganggap bahawa kutukan Malaysia atas dasar-dasar *apartheid* dan perkauman di Afrika Selatan dan saya mahu tanya di sini sama ada pencabu-

lan hak-hak asasi seperti penahanan Nelson Mandela, atau penafian hak rakyat Pelastin untuk *self-determination* oleh Israel merupakan campur tangan dalam hal-ehwal dalaman Afrika Selatan dan Israel. Sekiranya Y.A.B. Ketua Menteri bukan seorang hipokrit, beliau tidak boleh mengamal '*double-standard*' dan menganggap bahawa pencabulan hak-hak asasi di setengah-tengah negara adalah dapat diterima dan tidak harus dikritikkan kerana tidak boleh campur tangan dalam hal-ehwal dalaman, sementara pula dalam lain-lain kategori negara, pencabulan hak-hak asasi di sana boleh dikritik dan dikutuk oleh sesiapa pun tanpa dituduh mencampuri tangan dalam hak-ehwal dalaman.

Y.A.B. Ketua Menteri nampaknya telah ditinggalkan oleh arus ombak perjuangan antarabangsa untuk menuntut demokrasi dan hak-hak asasi. Pada hakikatnya, beliau seolah-olah tidak sedar bahawa di dalam *Communique* CHOGM Kuala Lumpur yang dimeteraikan oleh Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada 24 Oktober, semua Ahli Komenwel diarahkan untuk menghormati proses-proses demokratik dan bagi mereka yang belum menandatangani *International Covenant of Civil and Political Rights* dan *International Covenant of Economic, Social dan Cultural Rights* diarahkan untuk membuat demikian. Tetapi malangnya, kita ada seorang Ketua Menteri yang mahu mengambil pendirian bahawa hak-hak asasi manusia adalah hal-ehwal dalaman di mana lain-lain negara tidak harus mencampuri.

Seperti saya kata tadi, saya tidak *apologize* kerana pendirian dan kutukan saya terhadap pembunuhan di Tienamen walaupun beribu-ribu terkorban atau beberapa ratus sahaja. Saya buat kritikan dengan harapan dan niat murni atas Negara China dan rakyat serta Kerajaan

supaya mereka boleh berdiri tegoh di kalangan negara di dunia ini. Teguran saya dibuat dengan tanpa apa-apa niat permusuhan dan perancangan terhadap Kerajaan, negara dan rakyat China tetapi dengan harapan bahawa pucuk pimpinan Komunis China dapat sedar bahawa mereka akan hilang kredibiliti, kewibawaan kuasa dan kesahihan jika mereka mencabuli hak-hak rakyat mereka sendiri yang cuma mahu lebih banyak demokrasi politik dan ekonomi seperti berlaku di negara-negara Eropah Timur sekarang. Adapa orang-orang yang tidak mahu mengakui kesalahan-kesalahan bersejarah semasa hayat mereka – seperti mereka yang bertanggungjawab atas *suppression* revolusi Hungary tahun 1956, revolusi Poland dan Czech Spring tahun 1968 mereka tidak akan mengakui kesalahan-kesalahan mereka apabila melakukan *suppression*.

Soalan pokoknya ialah mengapa orang-orang yang peluang untuk bersikap adil dan tidak berat sebelah seperti Y.A.B. Ketua Menteri dan Gerakan mahu menjadi tradisional tiga ekor monyet, mahu mata yang tidak melihat, telinga yang tidak mendengar, hati yang tidak merasa dan mulut yang tidak bercakap. Apa yang teruk lagi ialah mereka sanggup mengkritik, mengutuk orang-orang lain yang sedia menyuarakan hasrat keperimusiaan, seperti dilakukan semalam.

Dari apa yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kelmarin, beliau tidak mahu melihat perkembangan demokrasi dan hak-hak asasi di mana-mana termasuk di Eropah Timur dan beliau mungkin menjadi orang yang paling gembira jika tentera Rusia dibawa masuk untuk menghancurkan gerakan menuntut demokrasi dan kebebasan di Poland, Hungary, German Timur, Czechoslovakia, atau beliau juga merasa lebih gembira jika seramai setengah juta

rakyat Czech yang himpun di Prague minggu lepas untuk menuntut demokrasi dipadamkan dengan limpuh darah dan mayat-mayat. Adakah ini sememangnya pendirian Y.A.B. Ketua Menteri pada hari ini, iaitu selepas empat dekad perjuangan dalam politiknya, beliau telah berubah menjadi seorang yang *reactionary*.

Secara ikhlasnya saya mempunyai keraguan. Saya harap keraguan ini adalah betul. Saya mendapati Y.A.B. Ketua Menteri bertindak dengan anehnya semalam apabila beliau menjawab soalan Yang Berhormat dari Jawi. Semasa itu nampaknya Y.A.B. Ketua Menteri bercakap dengan reda dan sela, *rambling around*, tidak beratur dan menjalar, ragu-ragu dan mengambil masa yang panjang untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat dari Jawi sehingga saya merasa kuatir sama ada beliau ada masalah kesihatan. Sebenarnya semalam saya memberitahu Yang Berhormat daripada Glugor tentang pengamatan saya. Beliau juga fikir begitu, sama ada Y.A.B. Ketua Menteri tidak sihat sehingga beliau bertindak semacam itu sehingga saya dengan cemoohan-cemoohan beliau. Saya mahu percaya tindaklaku yang anehnya adalah kerana masa itu beliau tidak pasti sama ada beliau mahu membuat tuduhan dendam ke atas saya berhubung dengan peristiwa Tienamen kerana tuduhan atas saya tidak di antara isi kandungan dalam jawapan asal dan rasmi tetapi ditambahkan semata-mata untuk membuat serangan politik atas saya kerana kepentingan parti Gerakan.

Siapakah boleh menambah serangan politik ini di dalam jawapan asal dan rasmi Y.A.B. Ketua Menteri melainkan Setiausaha Politikannya, sahabat saya Dr. Koh Tsu Koon? Seperti mana saya kata, saya sedia diyakinkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri bahawa pada hakikatnya, ini semua idea dan kerjanya. Ini

menunjukkan beliau tidak mempunyai kawalan sebenar ke atas Kerajaan Negeri atau Gerakan mahupun beliau sendiri. Hanya beberapa minggu yang lalu, ada setengah golongan di dalam Gerakan yang mahu habiskan Y.A.B. Ketua Menteri dengan membuat cabaran terbuka supaya saya bertanding dengan beliau di Padang Kota dalam pilihanraya akan datang. Kami tahu siapalah orang-orang ini di dalam Gerakan yang tidak mahu Y.A.B. Ketua Menteri lagi tetapi tidak berani memberitahu beliau dan juga tidak mahu anaknya keluar bertanding dalam pilihanraya akan datang. Saya harap Y.A.B. Ketua Menteri boleh ada sifat kesopanan, keperimusiaan dan kerendahan hati untuk meminta maaf kerana membuat serangan yang dengki berdendam terhadap saya atas peristiwa Tienamen kerana tingkahlaku itu adalah tidak secukup dengan kedudukannya ataupun manamana pemimpin politik yang mempunyai status dan kredibiliti. Saya tidak mahu membahaskan tentang Perjanjian Pendamaian Haadyai, melainkan berkata bahawa penamatan perjuangan bersenjata selama 41 tahun oleh CPM tidak akan bermakna kepada rakyat Malaysia dan Negeri Pulau Pinang sekiranya ia tidak diikuti oleh pembangunan, keamanan, demokrasi dan hak-hak asasi bagi seluruh rakyat Malaysia. Kerana perjuangan bersenjata CPM selama 41 tahun, rakyat Malaysia terpaksa korban dari segi sumber-sumber kewangan, pembangunan, demokrasi dan kebebasan. Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman telah menyeru supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri dimansuhkan dan saya harap Y.A.B. Ketua Menteri oleh kerana nampaknya sekarang beliau sedar mengenai masalah dan hak-hak asasi dan Kerajaan negeri juga akan menyokong seruan ini untuk memansuhkan ISA. Perjanjian Haadyai dan penamatan perjuangan bersenjata tidak akan membawa kegembiraan kepada rakyat

Malaysia jika hak-hak asasi dan kebebasan demokratik yang dihakiskan dalam empat dekad ini kerana hendak melawan ancaman bersenjata CPM itu tidak dipulihkan kepada rakyat. Perasaan putus asa yang dirasakan oleh seluruh rakyat akan membawa kesan-kesan yang serius ke atas suasana sosio-ekonomi untuk mencapai prestasi ekonomi yang maksimum daripada rakyat jelata.

Tuan Speaker, dalam ucapan belanjawan beliau semalam Y.A.B. Ketua Menteri rasa sangat berbangga mengenai prestasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai kecekapan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tetapi apabila setiap kali Dewan yang mulia ini bermesyuarat apa yang kita lihat bukan kecekapan tetapi dengan izin *total ineffectiveness* dan boleh kata ketidakcekapan sudah mencapai satu tahap *climax* dalam perkara semalam dalam isu keputusan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang mengenai kutipan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai mengenai kutipan *car parking*, *landscaping*, *tree planting* dan apabila Yang Berhormat Ahli daripada Sungai Pinang sebagai Ahli Exco yang bertanggungjawab atas portfolio ini tidak tahu langsung apa kedudukan dan keadaan dalam perkara ini. Beliau tidak tahu semalam ialah hari terakhir untuk membuat rayuan. Beliau tidak tahu apa kedudukan, apa pendirian yang dibuat oleh M.P.S.P. atau M.P.P.P. Beliau tunggu laporan walhal pada hari Jumaat, peguam-peguam Majlis Perbandaran Seberang Perai sudah membuatkan notis rayuan tetapi Yang Berhormat dari Sungai Pinang tidak tahu, Y.A.B. Ketua Menteri tidak tahu dan kalau tak salah Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri pun tidak tahu. Semua tidak tahu. Ini satu Kerajaan tidak tahu! (ketawa).

Saya pun mahu sebutkan mengenai

kekeliruan yang dibangkitkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri bahawa perkara ini sebenarnya dalam bidang kuasa Kerajaan Tempatan. Benar, ini dalam bidang kuasa Kerajaan Tempatan tetapi bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini dan Dewan yang mulia ini ada tanggungjawab, ada hak untuk mendapat maklumat mengenai apa yang berlaku dalam Kerajaan Tempatan. Apa yang dibangkit oleh Y.A.B. Ketua Menteri semalam ialah satu helah, satu taktik untuk mengelakkan daripada tanggungjawab Kerajaan Negeri mengenai hal-hal Kerajaan Tempatan.

Saya mahu ulangi di sini kalau Kerajaan negeri tidak ada kuasa atas Kerajaan-kerajaan Tempatan kenapa ada seorang Exco dengan portfolio Kerajaan Tempatan. Kenapa? Apabila soalan mengenai Kerajaan Tempatan yang boleh senang dijawab, yang senang dibaca, yang disediakan oleh kakitangan-kakitangan baikpun M.P.P.P. atau M.P.S.P., Yang Berhormat boleh baca, dengan senang, dengan suka hati tetapi apabila ada soalan yang beliau tidak boleh jawab, dia kata itu bukan hal saya. Itu bukan tanggungjawab saya. Kenapa ada 2 *double standard*? Apa yang lebih *interesting*, saya rasa ialah kenapa M.P.S.P. tidak memberitahu Yang Berhormat dari Sungai Pinang mengenai tindakan mereka Jumaat lalu di mana mereka failkan notis rayuan. Mereka tentu tahu ada satu soalan dalam Dewan semalam. Mereka tentu tahu Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang tentu akan ditanya mengenai soalan-soalan tambahan termasuk kedudukan yang terbaru. Kenapa mereka tidak memberitahu Yang Berhormat Sungai Pinang? Sungguhpun Yang Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang tidak ambil tindakan untuk memanggil satu mesyuarat taklimat yang tentulah tanggungjawabnya, kalau dia ada *foresight*. Dia tidak ada *foresight*, tak apa, tetapi kenapa

M.P.S.P. rasa tidak perlu memaklumkan perkara ini kepada Yang Berhormat dari Sungai Pinang? Saya mendapat satu kesimpulan bahawa M.P.S.P. dan M.P.P.P. kakitangan M.P.S.P. dan M.P.P.P., Ahli Exco Kerajaan Tempatan, satu Exco portfolio yang kosong. Mereka anggap Yang Berhormat dari Sungai Pinang tidak lebih daripada seorang *office boy*. Itu saja. Tidak perlu buat laporan, tak perlu buat tanggungjawab, tak perlu apa-apa. Apa prestasi dan kecekapan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kalau inilah kedudukan yang kita lihat semalam. Ini bukan membayangkan kedudukan seorang Exco tetapi kedudukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Kalau seorang Ketua Menteri boleh membenarkan masalah ini terus berlarutan, ini menunjukkan ada masalah besar dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kawalan sudah hilang. Sungguhpun kita ada seorang Ketua Menteri, dia sudah hilang kawalan (*lost control*). Kenapa? Itulah terpulanglah kepada Kerajaan sendiri untuk kaji, buat analisa tetapi ini sangat nyata dilihat Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah hilang kawalan mengenai jentera Kerajaan di negeri ini. Ini adalah satu perkara yang sangat sedih dan ini mungkin sebab-sebab kenapa kita sekarang ada satu keadaan di mana kedua-dua Majlis Perbandaran itu, baikpun di Pulau Pinang atau di Seberang Perai berlagak dengan angkuh oleh kerana mereka tidak bertanggungjawab kepada *rate payers*. Mereka tidak perlu bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia ini, tidak perlu bertanggungjawab kepada Exco yang bertanggungjawab, mereka dengan izin '*law unto themselves*'. Mereka boleh buat apa mereka suka. Ini tidak sihat dan bercanggah dengan prinsip demokrasi, prinsip *accountability* dan apa yang perlu dibuat ialah satu proses *democratisation* kedua-dua Majlis Perbandaran, M.P.S.P. dan M.P.P.P. supaya mereka bukan *a law unto themselves*, tetapi semua tingkahlaku, semua

keputusan adalah mahu bertanggungjawab kepada orang ramai.

Yang pertama, melalui Dewan Undangan Negeri ini bahawa Yang Berhormat Exco yang bertanggungjawab dan Y.A.B. Ketua Menteri berhenti sikap mereka bahawa hal ini hal Kerajaan Tempatan, bukan hal Kerajaan Negeri. Sungguhpun kita semua tahu, Pengerusi-pengerusi kedua-dua Majlis Perbandaan dilantik oleh Ketua Menteri. Kita semua tahu Ahli-ahli kedua-dua Majlis dilantik oleh Kerajaan Negeri dan dasar-dasar akhirnya dalam tanggungjawab Kerajaan Negeri. Sebenarnya jalan yang baik sekali untuk mendemokratisasikan kedua-dua Majlis Perbandaran ialah mengadakan pilihanraya untuk Kerajaan Tempatan tetapi Gerakan sekarang takut, takut semua akan hilang, akan kalah sungguhpun sebelum menjadi Kerajaan, mereka mahu pilihanraya untuk *Local Government*. Sekarang mereka takut pilihanraya, takut kuasa rakyat.

Tuan Speaker, semalam Y.A.B. Ketua Menteri ada melahirkan harapan-harapan beliau mengenai masa depan 1990an. Selepas masalah-masalah dan penderitaan-penderitaan negara kita, rakyat kita mengalami dalam dekad 80an ini. Kita perlu mengakui bahawa sebenarnya Negeri Pulau Pinang dan Malaysia pun akan berkembang dalam ekonomi yang lebih pesat, lebih maju kalau dasar-dasar Kerajaan sebenarnya adil, patut dan bertujuan untuk memupuk perpaduan negara. Semua ini sebenarnya adalah asas kenapa rakyat di Negeri Pulau Pinang, negeri kita, tidak mampu mencapai dengan maksimanya potensi pembangunan negara sungguhpun kita ada sumber yang kaya, baikpun dari segi *human resources* atau *natural resources*, dan satu contoh yang sangat senang digunakan bagi menunjukkan hakikat yang

serius, yang bangkit daripada dasar-dasar Kerajaan yang tidak adil, dan tidak patut dan yang tidak mengarah kepada perpaduan negara ialah imigrasi rakyat-rakyat kita termasuk daripada Negeri Pulau Pinang. Juga sikap pihak-pihak *extreme* dan perkauman bahawa semua itu *good riddance to bad rubbish* dan saya kata mereka yang ada sikap semacam ini mereka sangat *extreme* dan *chauvinistic*. Kalau kita mahu negeri dan negara kita maju dan berkembang dalam dekad 1990an kita perlu ubah dasar-dasar dan sikap-sikap kita, selepas tahun 1986. Oleh kerana sikap kita, dasar-dasar kita yang tidak betul dimana ada usaha-usaha untuk melakukan tindakan-tindakan yang mencabuli hak-hak asasi rakyat Malaysia, baikpun Operasi Lalang ataupun ancaman atau pukulan kedudukan kehakiman, kita hilang satu peluang yang baik dan Thailand menjadi *beneficiary* peluang pergi Thailand yang patut datang ke Malaysia termasuk Negeri Pulau Pinang. Janganlah kita ulangi perkara semacam ini dan tahun ini ialah tahun *penultimate* untuk dasar Dasar Ekonomi Baru, dan kita perlu mengadakan satu sikap, satu dasar yang berani untuk tahun 1990an supaya semua unsur-unsur yang memecahbelah rakyat yang membelakangkan perkembangan ekonomi kita boleh diketepikan. Kita tahu dalam Dewan yang mulia ini dalam bulan September, saya ada tanya Y.A.B. Ketua Menteri sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada serius untuk mengambil minat untuk melaksanakan apa yang diluluskan dalam Gerakan *National Conference* supaya berhentikan membezakan rakyat daripada Bumiputra dan bukan Bumiputra supaya berhentikan kuota system, dasar peratusan mengikut satu sistem baharu merit dan keperluan. Tetapi sekarang nampaknya *platform* Gerakan itu sudah *divetoed* diikuti oleh UMNO yang baru-baru ini mengadakan Perhimpunan Agung UMNO (General Assembly) di mana

adalah menetapkan mengenai dasar-dasar selepas 1990an yang bercanggah dengan apa yang ditetapkan oleh Gerakan *National Conference*. Mungkin kita patut mendapat satu penjelasan sama ada sekarang Kerajaan Gerakan menerima bahawa apa mereka harus perlu ikuti bukan lagi dengan Gerakan *National Conference* tetapi resolusi Perhimpunan Agung UMNO.

Tuan Speaker, saya harap bahawa khususnya selepas penjelasan saya mengenai hak-hak asasi dan pendirian Tianamen perkara ini tidak lagi bangkit oleh kerana saya harap bahawa kita ada seorang Ketua Menteri yang ada maruah, ada kredibiliti dan bukan seorang Ketua Menteri yang rela dengan izin '*plunge the depths of gutter snake politics*'.

Terima kasih.

Tuan Speaker:

Siapa lagi?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Di sini, *point of order* saya mahu ambil perhatian Tuan Speaker kepada satu laporan dalam New Straits Times, *privilege* oleh kerana apa yang *misreporting* dalam *newspaper* is a breach of *privilege*, dan inilah *misreporting assembly proceedings is a breach of privilege*, laporan dengan *headlines* "Speaker stops Chong Eu, Kit Siang" ada 2 perenggan.

"Mr. Lim then stood up to ask if the Chief Minister was trying to bankrupt the State with such visits"

I never asked that question, I never asked tak pernah menanya sama ada Ketua Menteri cuba membankrupkan Negeri Pulau Pinang dengan pergi ke Negeri China. It looks so stupid

and so foolish. I proceeded to talk about human rights and belief in relation to a recent comment made by the Chief Minister, on pro-democracy, demonstrations at Tiananmen Square not a recent comment mengenai yang bangkit daripada jawapan beliau sendiri.

Saya tidak mahu kata bahawa pemberita-pemberita Lim Ah Lee dan Ridzudin Wahab ada niat jahat, tetapi saya harap ini boleh diperbetulkan oleh kerana seperti saya katakan laporan *proceeding assembly* tak tahu kalau *misreporting* adalah satu perkara keistimewaan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, saya faham bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam mesyuaratnya pada 30 Ogos, 1989 dan disahkan pada 6 September, 1989 telah meluluskan pindah milik tanah HS (D) 1579 Mukim 11, Daerah Seberang Perai Tengah kepada Jemaah Pengurus Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam sesudah ditekan oleh semua pihak. Walaubagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa masalah ini belum selesai lagi, oleh kerana mengikut jawapan bertulis Y.A.B. Ketua Menteri kepada saya, pada masa ini Kerajaan Negeri masih sedang mengkaji mengenai kadar premium yang perlu dibayar oleh Jemaah Pengurus Sekolah Menengah Jit Sin kepada Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, M.P.S.P. juga belum meluluskan pelan bangunan sekolah tersebut. Mengikut jawapan Y.A.B. Ketua Menteri, pertimbangan kelulusan pelan itu tertakluk kepada lebih dahulu masalah tapak berkenaan diselesaikan.

Tuan Speaker, masalah sekarang ialah bilakah kadar premium tanah itu boleh ditentukan dan berapa lamakah pelan bangunan dapat diluluskan oleh M.P.S.P.? Saya ingin

mewakili rakyat di Bukit Mertajam bertanya kepada Kerajaan, kenapa M.P.S.P. tak boleh meluluskan permohonan pelan bangunan itu sedangkan Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan pelan tanah itu, supaya kerja pembinaan sekolah itu tidak ditangguhkan. Saya juga ingin bercadang kepada Kerajaan negeri supaya harga premium tanah itu dikecualikan memandangkan Kerajaan negeri Sabah sudah memperuntukkan berjuta-juta ringgit kepada sekolah-sekolah suwa di negeri itu dan Menteri

Besar Selangor Darul Ehsan juga memberi peruntukan kepada sekolah menengah swasta di Kelang. Saya berharap cadangan saya ini boleh diterima oleh Kerajaan Negeri kita.

Tuan Speaker, dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang mulia ini pada 25 September lalu, saya bertanya Y.A.B. Ketua Menteri apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap isu pemulihan pilihanraya Kerajaan Tempatan memandangkan Pengerusi Kebangsaan Parti Y.A.B. Ketua Menteri, iaitu Y.B. Dr. Lim Keng Yaik dari parti Gerakan pernah bercadang memulihkan pilihanraya Kerajaan Tempatan dalam suatu perhimpunan Gerakan di Kuala Lumpur, tetapi malangnya di bawah perlindungan Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Sungai Pinang yang mewakili Y.A.B. Ketua Menteri untuk menjawab, tidak memberi sebarang jawapan yang tepat dan tetap.

Dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri kali ini, sekali lagi saya mengemukakan satu pertanyaan bagi jawapan bertulis meminta Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan adakah Majlis Kerajaan Negeri pernah berbincang perkara ini demi mengotakan cadangan parti Gerakan, dan dengan kesalnya pertanyaan saya ini juga sekali lagi ditolak oleh Tuan Speaker.

Memandangkan sejak pilihanraya Kera-

jaan Tempatan diberhentikan, perkhidmatan-perkhidmatan M.P.S.P. dan M.P.P.P. seperti pembersihan jalan-jalan dan lorong-lorong, pengangkutan sampah sarap, pembersihan parit-parit dan longkang-longkang, pemasangan lampu-lampu jalan, mutu dan kecekapannya sekian merosot. Saya percaya kebanyakan rakyat dalam negeri ini berpendapat sama dengan kami DAP bahawa pilihanraya Kerajaan Tempatan harus dipulihkan.

Sekiranya Y.A.B. Ketua Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pemerintah tidak bersetuju dengan pendapat DAP dan tidak menghormati cadangan parti Gerakan sendiri. Saya cabar Kerajaan Negeri mengadakan suatu pungutan suara atas perkara ini. Saya tak nampak kenapa Kerajaan takut membuat demikian sekiranya ia berkeyakinan rakyat negeri ini masih sokong Kerajaan ini, kecuali ia bimbang keputusan pungutan suara ini akan mengakibatkan serba salah Kerajaan. Tuan Speaker, ingin saya beri satu contoh kenapa Kerajaan Tempatan harus dipilih oleh rakyat dan bukan dikawal oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Dalam jawapan kepada ucapan penangguhan saya pada 25 September lalu yang mana saya berbangkit masalah pengangkutan sampah di Taman Alma dalam Kawasan Machang Bubok dan di Taman Sri Rambai dalam Kawasan Bukit Tengah di mana mengikut sungutan penduduk-penduduk di sana, sampah-sarap mereka hanya diangkut satu kali setiap dua atau tiga hari dan kadangkala lima atau enam hari sampah-sarap mereka baru diangkut. Yang Berhormat dari Sungai Pinang berkata buat masa ini M.P.S.P. masih mengamalkan sistem pungutan sampah tiap-tiap hari dan pungutan sampah kadangkala tidak dapat dilakukan disebabkan oleh kerosakan kenderaan M.P.S.P.

Jelas sekali, jawapan Yang Berhormat dari Sungai Pinang itu merupakan suatu jawapan yang menipukan Dewan yang mulia ini dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Mungkin lain-lain Ahli Yang Berhormat boleh ditipu, tetapi sebagai penduduk-penduduk di Taman Sri Rambai dan Taman Alma, Yang Berhormat dari Jawi, Yang Berhormat dari Bayan Lepas, Yang Berhormat dari Machang Bubok dan saya, seperti semua penduduk di Bukit Mertajam tidak boleh terkena tipu dan kami sedar apa yang sebenarnya. Kasihan Yang Berhormat dari Sungai Pinang ditipu oleh pegawai M.P.S.P. Inilah disebabkan oleh kerana tiada pilihanraya Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, sedangkan kita berharap pilihanraya Kerajaan Tempatan dipulih, ingin saya mengingatkan Kerajaan Negeri supaya jawatan kosong Yang Di Pertua M.P.S.P. diisikan dengan secepat mungkin.

Sepanjang pengetahuan saya, Pegawai Kewangan Negeri dilantik sebagai Pemangku Yang Di Pertua M.P.S.P. apabila bekas Y.D.P. M.P.S.P. dipindah. Pegawai Kewangan Negeri merupakan suatu jawatan yang sangat penting dan sibuk, pada pendapat saya, ia diminta merangkap Y.D.P. M.P.S.P. Adalah tidak adil bagi dia, juga lebih tidak adil bagi rakyat di Seberang Perai sama. Saya menggesa Kerajaan Negeri ambil keputusan dengan secepat mungkin, sekiranya Kerajaan Negeri mahu Pegawai Kewangan Negeri menjadi Y.D.P. M.P.S.P. maka carilah seorang lain menjadi Pegawai Kewangan Negeri, dan jika sebaliknya, maka Kerajaan Negeri harus mengisikan jawatan kosong Y.D.P. M.P.S.P. itu dengan orang lain.

Tuan Speaker, saya mahu mengambil peluang ini mencadangkan supaya seorang bukan Melayu, khasnya seorang Cina dilantik

sebagai Y.D.P. M.P.S.P. sekiranya Kerajaan Negeri bercadang melantik seorang lain dan bukan Pegawai Kewangan Negeri menjadi Y.D.P. M.P.S.P. oleh kerana buat masa ini Y.D.P. dan Setiausaha kedua-dua buah Kerajaan Tempatan dalam negeri kita adalah dipegang oleh 2 orang Melayu dan seorang India dan tiada sebarang orang Cina.

Tuan Speaker, saya juga mahu menarik perhatian Kerajaan Negeri terhadap perkara penghijrahan pekerja negeri kita ke negeri dan negara lain sedangkan ramai pekerja-pekerja dari negeri-negeri lain seperti Kedah, Kelantan dan Trengganu masuk ke negeri kita.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mendapat lebih banyak pendapatan supaya kehidupan dan masa depan keluarga lebih senang dan lebih cerah merupakan faktor utama pekerja-pekerja negeri kita ke luar negeri. Sungguh demikian, mereka harus membayar harga dengan berpisah dengan isteri dan anak-anak mereka.

Pada mesyuarat yang lalu, saya pernah tanya Yang Berhormat dari Bukit Tengah yang patut menjaga, kepentingan pekerja, sama ada Kerajaan Negeri bercadang merayu Kerajaan Pusat meningkatkan gaji minimum pekerja, tetapi apa yang kecewakan pekerja-pekerja ialah serupa dengan sikap Yang Berhormat dari Sungai Pinang, ia nampak tidak ada minat atas hal ini dan menggunakan alasan masalah sekim gaji adalah di bawah kuasa Kerajaan Pusat untuk mengelakkan tanggungjawabnya.

Tuan Speaker, baru-baru ini satu perkara yang cukup malu telah berlaku di kalangan pekerja, iaitu mengikut laporan, ada 27 orang pekerja wanita hamil serentak di sebuah rumah pangsa di Seberang Perai (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, penjelasan. Dewan ini tempat kita bercakap benar. Kalau benar cakap Ahli dari Berapit itu, tolong buktikan dari sumber mana ataupun jangan cuba berborak dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya, Tuan Speaker, saya berhak untuk memberi pendapat dan pengetahuan saya, mengikut laporan (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Itu laporan daripada mana?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Itu terpulung kepada pendengaran Kerajaan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Laporan daripada mana?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Laporan daripada satu surat khabar.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Apa nama surat khabar itu?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Itu surat khabar Cina.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Apa nama?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya boleh tunjuk, kalau mahu saya boleh tunjuk.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas):

Ya, saya mahu ditunjukkan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Lepas mesyuarat ini saya akan tunjuk.

Tuan Speaker, dalam perkara ini Yang Berhormat dari Bukit Tengah harus bertanggungjawab sedikit sebanyak sungguhpun bukanlah beliau menjadikan kejadian itu oleh kerana beliau yang menjaga bidang kuasa kebajikan pekerja.

Tuan Speaker, sekarang saya ingin menyentuh nasib penjaja, dalam Kawasan Parlimen Bukit Mertajam, penjaja-penjaja yang selama ini menjaja di Kampong Baru akibat tiada pasar di sana sedang menghadapi masalah perpindahan yang diarah oleh M.P.S.P. Selepas dua kali melawat ke tempat yang ditawarkan kepada penjaja-penjaja tersebut untuk perpindahan sebaik sahaja saya menerima aduan, saya bersetuju dengan sungutan dan pendapat mereka bahawa keluasan petak untuk mereka menjaja adalah sangat sempit dan kecil. Saya gembira mendengar bahawa M.P.S.P. akan meluaskan keluasan petak itu. Walau bagaimanapun, saya terbaca dari akhbar bahawa ada sebilangan besar penjaja tidak bersetuju ke sana, sedangkan sebahagian penduduk yang

tinggal di kawasan yang mana penjaja-penjaja sedang menjaja itu berharap rancangan perpindahan itu dapat dilaksanakan. Perkara ini memang merupakan suatu perkara yang rumit.

Tuan Speaker, membina sebuah pasar di kawasan sana akan menyelesaikan masalah ini dan saya menyeru Kerajaan Negeri mempercepat rancangan ini. Sebelum rancangan ini ditunai, saya harapkan M.P.S.P. berbincang sama penjaja-penjaja dengan cukup sabar dan murah hati supaya satu cara penyelesaian yang bermanfaat penjaja-penjaja dan penduduk-penduduk di sana dapat diwujudkan.

Berhubung dengan penjaja dan pasar, Tuan Speaker, saya ingin tanya kepada Kerajaan negeri, bilakah tandas awam dapat dibina semula di pasar Bukit Mertajam dan sebelum itu apakah cadangan Kerajaan untuk mengatasi keperluan ini? Saya sudah mengemukakan pelan dan cadangan untuk membina semula tandas awam di pasar Bukit Mertajam kepada M.P.S.P. lebih kurang setengah tahun sebelum ini dan saya juga membuat permohonan peruntukan kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pegawai Daerah dan M.P.S.P. amat dukacita sehingga hari ini, saya tidak dapat apa-apa jawapan berkenaan dengan permohonan peruntukan ini daripada Y.A.B. Ketua Menteri, Pegawai Daerah dan M.P.S.P. selain daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan peruntukan bagi tahun ini sudah habis diguna. Berkenaan dengan pelan tandas awam, ia juga belum diluluskan.

Mengikut berita MCA, M.P.S.P. telah bersetuju membuka sebuah tandas yang sedia ada untuk kegunaan orang ramai. Adakah berita ini benar? Kenapa pengumuman ini dibuat oleh MCA dan bukan M.P.S.P.? Saya minta Yang

Berhormat dari Sungai Pinang berisualu jawapan.

Tuan Speaker, dalam ucapan belanjawan Y.A.B. Ketua Menteri, beliau berkata kita semua mesti menyedari bahawa hanya melalui usaha bersama kita barulah kita akan maju dan berjaya. Beliau juga berkata beliau yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini akan bersama-sama beliau mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan-jabatan Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun, kerana dedikasi dan kebaktian yang mereka tunjukkan dalam perkhidmatan untuk Kerajaan dan rakyat negeri ini.

Tuan Speaker, saya bersetuju rayuan usaha bersama Yang Amat Berhormat, kami sedang tunggu beliau bekerjasama dengan Ahli-ahli pembangkang dan bukan pada sebelah sana biarkan Ahli-ahli pemerintah menikmati segala kemudahan Kerajaan dan pada sebelah sini mendiskriminasikan Ahli-ahli pembangkang.

Tentang mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan-jabatan Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun, kami DAP memang dengan sudi mengucapkan terima kasih kepada semua mereka yang beradil kepada Ahli-ahli pembangkang dalam urusan Kerajaan. Walau bagaimanapun terhadap mereka yang sengaja menyulitkan Ahli-ahli pembangkang, apa yang mereka patut diterima daripada kami, adalah *condemned* dan bukan terima kasih, oleh kerana kelakuan mereka akhirnya mengakibatkan kerugian rakyat jelata.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk membahas Ucapan Belanjawan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang kelmarin mengenai Rang Undang-undang Perbekalan (1990). Anggaran Hasil bagi tahun 1990 berjumlah \$108,118,600.00 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah \$114,562,590.00. Kekurangan ialah \$6,443,990.00. Kurangan yang berjumlah \$6,443,990.00 ini hanya merupakan kira-kira 5.9% daripada Jumlah Anggaran Hasil Negeri bagi tahun 1990.

Tuan Speaker, tiga *item* hasil yang paling penting dalam Hasil Kerajaan Negeri. Yang pertama, perolehan daripada jualan barang yang berjumlah \$19,469,000.00 dan yang kedua cukai tanah yang berjumlah \$23,500,000.00 dan yang ketiga premium tanah pemberian hakmilik yang berjumlah \$16,500,000.00. Jumlah anggaran ketiga-tiga hasil ini ialah \$59,519,000.00 yang merupakan kira-kira 55% daripada Anggaran Hasil bagi tahun 1990.

Tuan Speaker, pada Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1989, perolehan daripada jualan barang adalah berjumlah \$14,175,000.00. Akan tetapi, jumlah hasil yang diperolehi sebenarnya hanya berjumlah \$11,000,000.00. Anggaran ini telah kurang \$3,175,000.00 dibandingkan dengan belanjawan asalnya. Selain daripada itu, anggaran premium tanah pemberian hakmilik bagi tahun 1989 adalah berjumlah \$11,800,000.00. Tetapi, jumlah Anggaran Hasil yang sebenarnya ialah \$7,000,000.00 berkurangan \$4,800,000.00 dibandingkan dengan belanjawan asalnya.

Tuan Speaker, kurangan bagi tahun 1990

ialah \$6,443,990.00. Sekiranya hasil perolehan daripada jualan barang dan premium tanah pemberian hakmilik tersebut di atas tidak dapat mencapai anggaran yang dijangkakan, maka kurangan bagi tahun 1990 akan terus menambah. Oleh itu, saya berharap pihak yang berkenaan harus memberi perhatian yang berat atas perkembangan kedua-dua hasil ini.

Tuan Speaker, pada bayaran balik perbelanjaan bagi tahun 1989 satu hasil utama Kerajaan Negeri, jumlah hasil yang sebenar ialah \$13,030,340.00. Akan tetapi, dalam Anggaran Hasil tahun 1990, jumlah hasil ini hanya \$2,500,000.00. Jumlah ini telah berkurangan \$10,530,340.00 iaitu 421% dibandingkan dengan jumlah hasil tahun lepas. Tentang persoalan ini, saya berharap pihak berkenaan dapat memberi satu jawapan yang sempurna kepada Dewan yang mulia ini. Sekiranya jumlah hasil ini dapat dikekalkan seperti jumlah yang diperolehi pada tahun 1989, maka Anggaran hasil dan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1990 akan mendapat keuntungan. Keuntungan ini akan dapat digunakan untuk lain-lain pembangunan di dalam negeri supaya para pembayar cukai mendapat faedah.

Tuan Speaker, dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri, peruntukan gaji kakitangan Kerajaan bagi tahun 1990 telah menambahkan sebanyak \$1,254,410.00 berbanding dengan tahun 1989. Penambahan jumlah ini disebabkan oleh penyemakan gaji kakitangan Kerajaan.

Tuan Speaker, jumlah Anggaran Perbelanjaan bekalan Kerajaan bagi tahun 1990 ialah \$72,234,700.00. Gaji dan lain-lain kebajikan kakitangan Kerajaan kira-kira berjumlah \$33,698,400.00. Ianya merupakan 48.6% daripada jumlah Anggaran Perbelanjaan

Pentadbiran Kerajaan Negeri Tahun 1990. Dengan perkataan lain, kebajikan kakitangan Kerajaan dapat dipelihara baik oleh Kerajaan. Dengan itu, pembayar-pembayar cukai berharap semua kakitangan Kerajaan dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan. Akan tetapi, terdapat di kalangan kakitangan Kerajaan prestasinya teruk dan bersikap menyebelahi. Biarkan kita mengambil sewaan restoran di Dewan Sri Pinang kepada pihak swasta oleh Kerajaan Negeri sebagai satu contoh yang membuktikan kelembapan pentadbiran pihak yang berkuasa.

Tuan Speaker, Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1984 Kerajaan Negeri telah menyewa sebuah restoran di Dewan Sri Pinang kepada sektor swasta pada tahun 1984 hingga tahun 1986. Mengikut surat perjanjian, depositnya ialah \$66,000.00 dan bayaran sewa ialah \$12,000.00 sebulan. Akan tetapi, penyewaanya membayar sewaan sebanyak \$90,000.00 dari tahun 1984 hingga tahun 1986. Tunggakan sewaan sebanyak \$396,000.00. Penyewa juga tidak membayar bil elektrik sebanyak \$62,141.00 dari Oktober tahun 1984 hingga bulan Disember tahun 1985. Yang paling serius ialah penyewa tidak membayar sebanyak \$66,000.00 *deposit*. Pihak Yang Berkuasa masih membenarkan penyewa restoran berkenaan memulakan perniagaannya. Bil elektrik yang ditunggakan dibayar oleh pihak berkuasa. Oleh itu, deposit sewaan serta bil elektrik yang ditunggakan oleh penyewa berjumlah \$458,141.00. Ketika Kerajaan Negeri mengeluarkan "*writ of summons*" kepada penyewa berkenaan pada 13 Jun tahun 1986, restoran itu telah dijadikan bankrupsi. Ini bermakna pihak yang berkuasa telah mengalami kerugian sebanyak \$458,141.00.

Tuan Speaker, contoh tersebut di atas telah

menunjukkan kelemahan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Wait, tak beri jalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan!

Tuan Speaker:

Dia tak beri jalan, sila duduk!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

..... kelemahan pentadbiran Kerajaan. Tanpa membayar *deposit*, permohonan bekalan air dan elektrik oleh orang awam walaupun diluluskan tidak akan dilayan oleh pihak yang berkuasa. Mengapakah pihak yang berkuasa boleh membenarkan penyewa restoran itu berniaga walaupun tunggakan *deposit*nya sebanyak \$66,000.00 dan tidak dibayarnya kemudian? Apakah langkah pihak yang berkuasa ini tidak mengikut prosedur biasa? Pihak yang berkuasa bukan saja tidak berusaha mengutip tunggakan sewaan dan bil elektrik selama 2 atau 3 tahun, malahan membayar bil elektrik bagi pihak penyewa. Langkah sedemikian bukan saja tidak menunaikan tanggungjawabnya tetapi seolah-olah memberi layanan yang begitu baik kepada penyewa berkenaan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Wait, tak kasi jalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bagi jalan, penjelasan. Saya nak bagi penjelasan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tak senang, *wait!*

Tuan Speaker:

Sila duduk! Dia tak bagi jalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya mahu penjelasan saja!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

You jadi Committee Member, kenapa berbangkit perkara ini di sini?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya mahu bagi penjelasan saja!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Jangan ganggu!

Tuan Speaker:

Sila duduk!.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

..... Tindakan yang diambil oleh pihak

yang berkuasa adalah diragukan.

Tuan Speaker, tentang tunggakan \$458,141.00 yang disebutkan di atas, Kerajaan Negeri harus menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menyiasat selok belok penyewaan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan, sudah siasat saya boleh bagi penjelasan. Beri jalan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tak kasi jalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bagi jalan. PAC sudah siasat.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Siasat, betul? Apa tindakan telah diambil?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bagi saya penjelasan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tak bagi. Kalau sudah siasat beritahu.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, dia tak bagi jalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ahli Kawasan Paya Terubong minta satu

siasatan, PAC sudah siasat. Saya boleh beri penjelasan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Jangan ganggu! Jangan ganggu!

Tuan Speaker:

Sila duduk, jangan ganggu!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Jangan ganggu!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Sudah takutkah?

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Bukan takut, jangan ganggu!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bukan ganggu saya mahu beri penjelasan saja.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Siapa siasat?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Beri peluanglah. Duduklah! Saya mahu beri penjelasan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tak bagi peluang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

You tanya. Siapa siasat, *you* tak bagi peluang.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, siapakah meluluskan premiagaan restoran (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ahli Exco dahulu, Encik Lee Jong Ki (gangguan).

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Sila duduk!

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

..... itu walaupun *deposit* tidak dibayar. Kenapa bayaran sewa boleh ditunggakan begitu lama? Kenapa pihak yang berkuasa membayar bil elektrik bagi pihak penyewa? Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai berkenaan dan memecatkan jawatannya jika perlu agar memberi satu penjelasan kepada Dewan yang

mulia ini.

Tuan Speaker, dengan perasaan kesal saya hendak membangkitkan satu lagi contoh menunjukkan sikap sombong dan menyebelahi setengah kakitangan Kerajaan apabila melaksanakan tugas. Tujuan dan matlamat kempen kebersihan makanan yang dilaksanakan oleh M.P.P.P. telah mendapat sokongan dan kepujian orang awam. Akan tetapi, Pihak Berkuasa tidak memberi panduan jelas kepada Pegawai Penguatkuasa sebelum kempen ini dilaksanakan. Ini menyebabkan setengah Pegawai Penguatkuasa bersikap sombong dan menyebelahi ketika menjalankan tugas sehingga kempen kebersihan makanan tidak mendapat kesan yang baik. Pegawai Penguatkuasa pihak yang berkenaan kadangkala bersikap sangat sombong apabila menjalankan tugas di Pusat Penjaja Gurney Drive, pasar-pasar dan lain-lain tempat lagi. Mereka memandang penjaja-penjaja sebagai banduan dan apa yang tidak patut ialah mereka menjalankan tugas dengan tidak adil. Bagi penjaja-penjaja sesuatu kaum yang membuang sampah dengan sia-sia, mereka mengeluarkan saman denda dengan segera. Tetapi bagi kelakuan membuang sampah penjaja-penjaja sesuatu kaum lain, mereka cuma memberi nasihat dan tidak mengeluarkan saman denda.

Tuan Speaker, sikap menyebelahi dan tidak adil Pegawai Penguatkuasa yang berkenaan, bukan saja menyebabkan kempen kebersihan makanan M.P.P.P. tidak berkesan baik tetapi juga menjejaskan keharmonian pelbagai kaum. Pihak yang berkuasa harus memberi arahan kepada semua Pegawai Penguatkuasa yang berkenaan supaya mereka dapat bersikap baik terhadap penjaja-penjaja dan orang awam serta menjalankan tugasnya dengan adil tanpa mengira kaum. Di kawasan saya, Tuan Speaker, saya

juga menerima aduan penduduk-penduduk mengenai sikap sombong Pegawai Penguatkuasa pihak yang berkenaan apabila setengah tuan tanah memperbaiki rumah kediamannya, tidak dapat dielakkan sampah-sampah seperti batu pasir dan papan-papan dikumpulkan di hadapan dan belakang rumahnya. Ini cuma boleh dibersihkan dengan sempurna setelah rumah kediaman itu diperbaiki. Akan tetapi, Pegawai Penguatkuasa berkenaan tidak peduli samada kerja memperbaiki rumah itu masih dijalankan dan seterusnya mengeluarkan saman denda kepada tuan rumah kerana katanya membuang sampah dengan sia-sia. Saya berpendapat bahawa saman denda boleh dikeluarkan oleh Pegawai Penguatkuasa yang berkenaan jika sampah-sampah masih belum diberishkan setelah kerja memperbaiki rumah tamat. Cara ini lebih adil dan munasabah. Saya berharap pihak yang berkuasa dapat memperbaiki sikap menyebelahi ini dengan tepat masa.

Tuan Speaker, setelah mengulas sikap sombong dan menyebelahi setengah kakitangan Kerajaan, saya juga hendak memuji kakitangan Kerajaan yang bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh. Pada 12 April tahun ini Pegawai Daerah Timur Laut, Encik Ahmad bin Salleh dan Setiausaha Kerajaan Negeri Y.B. Datuk Kamaruzzaman bin Shariff dan Polis Marin telah bertungkus-lumus membantu mangsa-mangsa banjir di Taman Thean Teik pada larut malam. Sikap bersungguh-sungguh dan semangat perkhidmatan ini harus dapat dipuji dan dijadikan teladan kepada kakitangan Kerajaan semoga kakitangan Kerajaan yang bersikap sombong dan berkhidmat teruk dapat mencontohi mereka ini.

Tuan Speaker, Jabatan Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan dijangka mendapat peruntukan sebanyak \$26,562,740.00. Anggaran

ini ditambah sebanyak \$7,937,990.00 berbanding dengan tahun 1989. Ini disebabkan perusahaan pelancongan dan setengah pentadbiran jabatan juga diserapkan dalam Pejabat Ketua Menteri, menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi perhatian berat terhadap Tahun Melawat Malaysia 1990. Boleh dipercayai bahawa dengan kerjasama Y.A.B. Ketua Menteri dan Y.B. Dr. Sak Cheng Lum, Ahli Exco dari Kawasan Mak Mandin yang mengendalikan pelancongan, perusahaan pelancongan Negeri Pulau Pinang tetap akan mendapat kemajuan pesat dan memberi sumbangan besar dalam memajukan ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, tentang Anggaran Perbelanjaan Dewan Sri Pinang, bagi tahun 1989 ialah sebanyak \$1,146,190.00 dan bagi tahun 1990 ialah sebanyak \$393,700.00. Perbezaan jumlah anggaran ialah \$752,490.00. Kekurangan anggaran perbelanjaan ini mungkin disebabkan tiada kerja memperbaiki yang besar di Dewan Sri Pinang dan pentadbirannya telah dapat diperbaiki. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat terus mengekalkan kaedah jimat cermat ini.

Tuan Speaker, walaupun anggaran perbelanjaan KOMTAR telah dikurangkan sebanyak \$103,670.00 daripada \$2,767,830.00 pada tahun 1989 kepada \$2,664,160.00 pada tahun 1990, tetapi orang awam meminta supaya kemudahan kebersihan dan perkhidmatan telefon di sekitar kawasan KOMTAR dapat diperbaiki lagi. Terutama sekali perkhidmatan telefon yang begitu tidak berkesan. Saya telah menerima banyak aduan daripada orang awam, malahan pengalaman saya sendiri menunjukkan bahawa tiada siapa menjawab panggilan telefon KOMTAR selama setengah jam. Mungkin operator telefon terlalu sibuk ataupun mereka

ini sedang berbual-bual.

Tuan Speaker, dijangka sebanyak 180,000 kali panggilan telefon keluar masuk di KOMTAR pada tahun 1989, bersamaan dengan 493 kali setiap hari. Dijangka panggilan telefon di KOMTAR bagi tahun 1990 ialah 480,000 bersamaan dengan 1,315 kali setiap hari. Ini juga bersamaan dengan 2 atau 3 kali bilangan kali panggilan telefon di KOMTAR benar-benar bertambah daripada 180,000 kali pada tahun 1989 kepada 480,000 kali keluar masuk pada tahun 1990, maka ada kemungkinan memerlukan lebih panjang masa untuk kita menelefon ke KOMTAR pada masa akan datang. Panggilan telefon ke M.P.P.P. kadang-kadang juga muncul dalam keadaan yang sama. Pada amnya, kita susah berhubung Jabatan-jabatan Kerajaan dengan panggilan telefon. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memerhati perkara ini.

Tuan Speaker, pada kesimpulannya, Belanjawan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Mengurus bagi Tahun 1990 yang telah dikaji dengan rapi oleh Kerajaan Negeri boleh diterima. Sekali lagi, saya menyokong usul belanjawan ini.

Terima kasih.

Tuan Speaker:

Siapa lagi?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Datuk Speaker, saya bangun memohon izin untuk mengambil kesempatan menyokong usul belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada petang kelmarin untuk mendapat-

kan kelulusan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, saya yakin bahawa Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini benar-benar untuk kepentingan dan kemajuan rakyat di Negeri Pulau Pinang ini. Y.A.B. Ketua Menteri telah menerangkan dengan begitu *detail* perkara-perkara yang hendak dilaksanakan pada tahun hadapan dan didapati perkara-perkara yang hendak dilaksanakan ini memang sesuai dan kalaulah berjaya ini akan memberi kemajuan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang mana azamnya hendak memajukan Negeri Pulau Pinang dan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, saya juga berterima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat Negeri dan peringkat Persekutuan di Negeri Pulau Pinang ini dan juga pegawai-pegawai tinggi dan pegawai-pegawai rendah yang mana telah memberi kerjasama dan memberi pertolongan, membantu, memberi fikiran, cadangan bagi memaju dan membantu dalam memberi kemajuan kepada Negeri Pulau Pinang ini terutama sekali Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang yang mana telah mengagih-agihkan peruntukan belanjawan ini dengan begitu baik. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada mereka.

Tuan Speaker, dalam belanjawan yang dibentangkan ini yang berjumlah \$27,234,710.00 ada juga defisitnya dan kekurangan sebanyak \$6,443,990.00. Ini adalah perkara biasa. Kalau kita bandingkan negeri yang lebih kecil daripada kita, defisitnya lebih banyak lagi. Ini pada saya defisit ini atau kekurangan ini kita boleh tampong dengan segera. Juga saya mengucapkan terima kasih

kepada Kerajaan Negeri yang mana dapat memungut dan menjimat \$22,540,071.00 simpanan hasil am. Ini adalah satu jumlah yang banyak dan saya juga berharap Kerajaan Negeri boleh memungut lagi cukai-cukai ataupun tunggakan-tunggakan yang terbengkalai. Dengan berjayanya memungut hasil \$22,540,071.00 simpanan hasil am, ini menunjukkan kejayaan dan saya juga berharap Kerajaan Negeri dapat mengulangi kejayaan ini iaitu mengutip atau memungut tunggakan-tunggakan cukai tanah yang belum dibayar, royalti pecah batu yang belum dibayar, royalti tanah merah yang mereka tak bayar, pasir mereka tak bayar, cukai-cukai dan banyak lagi cukai-cukai dan lain-lain lagi mungkin ada cukai ubah syarat tanah belum dibayar dan juga tebusguna tanah dan sebagainya. Kalau ini dapat dikutip atau dipungut maka hasil Kerajaan Negeri akan bertambah dan pembangunan ataupun belanjawan untuk kepentingan rakyat di negeri ini akan bertambah baik.

Tuan Speaker, saya juga berharap dan ber-setuju dengan Y.A.B. Ketua Menteri di mana berharap Kerajaan Pusat dapat mengkaji semula pembangunan kepada peruntukan kepada Kerajaan Negeri kerana memandangkan pertumbuhan penduduk dan perkembangan kemajuan maka Negeri Pulau Pinang walaupun negeri yang kecil, saya harap Kerajaan Pusat dapat mengkaji semula dan menambahkan lagi peruntukan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya berharap Y.A.B. dapat mengemukakan atau rayuan kepada Kerajaan Pusat supaya peruntukan pemberian kepada Negeri Pulau Pinang ini oleh Kerajaan Persekutuan ditambahkan. Saya menyeru melalui Dewan yang mulia ini kepada Y.A.B. Ketua Menteri, kalau tak berjaya kita buat rombongan ramai-ramai, semua Ahli-ahli Dewan kita pergi jumpa dengan Kerajaan Pusat

supaya peruntukan ditambah, demi untuk belanjawaan dan pembangunan dan sebagainya bagi Negeri Pulau Pinang ini.

Tuan Speaker, sekarang inilah masanya dan masanya yang cukup baik dan ketika yang cukup baik bagi kita untuk merebut peluang-peluang bagi meningkatkan produktiviti dan memulihkan kemelesetan ekonomi yang telah melanda negeri kita ini. Untuk kejayaan ini kita perlu mendapat sumbangan tenaga, pemikiran pandangan dan pandangan daripada pegawai-pegawai yang cekap dan rajin. Begitu juga kerjasama daripada sektor swasta dan Kerajaan demi untuk meningkatkan kemajuan Negeri Pulau Pinang dan rakyat Negeri Pulau Pinang. Sebab itulah kita faham bahawa hubungan pegawai-pegawai dan orang politik amat baik pada hari ini. Kalau perhubungan pegawai-pegawai dengan orang-orang politik tidak baik, maka rakyat yang terjejas kerana orang-orang politik hanya membuat polisi ataupun dasar, pelaksanaannya adalah pegawai. Jadi persefahaman pegawai dengan orang politik hendaklah diikat dan diteruskan sebagaimana yang ada hari ini. Sebagai manusia biasa di antara kedua pihak ini ada kesilapan tetapi kesilapan ini kita boleh perbetulkan dan kita tidak boleh menuduh pegawai-pegawai menyalahguna kuasa dan sebagainya. Mungkin ada sebab-sebabnya kita tak tahu, sebelum kita buat tuduhan eloklah siasat dengan rapi kerana mereka juga manusia, kita juga manusia. Dengan adanya kerjasama begitu Tuan Speaker, dapatlah kita meningkatkan prestasi pengurusan negeri kita ini dan juga kita dapat mengeluarkan atau mengadakan rakyat yang bertanggungjawab serta rakyat yang berkualiti di negeri ini.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diketuai oleh Y.A.B. Dr. Lim Chong

Eu sebagai Ketua Menteri berazam untuk menggalakkan dan meransangkan aktiviti-aktiviti ekonomi di dalam negeri ini. Ini adalah satu rancangan yang baik. Saya sokong penuh aktiviti-aktiviti ekonomi ini ditingkatkan. Harapan saya rancangan ini hendaklah dilaksanakan dengan adil dan saksama.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir, saya rasa ucapan Yang Berhormat masih panjang, boleh sambung selepas makan tengahari nanti, O.K.?

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang untuk makan tengahari.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.02 tengahari

Dewan bersidang semula pada jam 2.40 petang.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, Dewan disambungkan semula. Dipersilakan Ahli Kawasan Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya menyambung semula ucapan saya. Tuan Speaker, keazaman Kerajaan Negeri untuk menggalakkan dan merangsangkan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri ini adalah satu rancangan yang baik. Saya mengalu-alukan dan menyokong usaya-usaha itu. Tetapi Tuan Speaker, menjadi harapan saya rancangan ini hendaklah dilaksanakan dengan adil dan

saksama. Kita mesti ambil kira juga penduduk-penduduk di luar bandar. Rakyat di luar bandar khususnya orang-orang Melayu yang serba kekurangan yang perlu diberi pertolongan dan bimbingan dari segi ekonomi. Saya berharap Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian yang serius dan memberi peluang penglibatan di bidang perusahaan dan perindustrian. Umpamanya segi pemilikan dan juga pekerjaan daripada bidang-bidang pengurusan, bukan pekerjaan hanya di bidang buruh ataupun pekerjaan rendah sahaja tetapi di bidang pengurusan dan pentadbiran perlu diberi perhatian, juga pemilikan ekuiti, saham-saham hendaklah diimbangkan dengan sama rata dan adil. Itu barulah negeri kita dikatakan ekonomi, yang stabil dan saksama. Jika tidak, keadaan negara kita ataupun negeri kita tidak akan aman jika perbezaan ekonomi tidak disamaratakan.

Tuan Speaker, pengurusan ataupun pentadbiran yang cekap adalah anak kunci kejayaan sesebuah pertubuhan ataupun negeri. Ini perlu. Kita berkehendakkan pegawai-pegawai yang mempunyai amanah menyimpan rahsia-rahsia Kerajaan, pegawai-pegawai yang sentiasa ada perasaan kasih sayang sesama pegawai, mesti bertolak ansur sesama pegawai. Kita tidak mahu pegawai berkelompok, pegawai-pegawai ada 'gang', tetapi di Pulau Pinang ini tidak ada. Mungkin di negeri-negeri lain kita tidak tahu. Pegawai-pegawai mesti ada kerjasama dan tidak mahu berkelompok dan 'gendang'. Kalau ada begini, maka pengurusan tidak cekap akan timbul. Perasaan irihati itu ada. Dengan sendirinya rakyat kita yang memerlukan pertolongan dari pegawai-pegawai yang cekap akan terjejas dari segi pentadbiran.

Tuan Speaker, kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala, walaupun negeri

kita kecil, sepertikata Yang Amat Berhormat, negeri kita kecil. Kita mesti bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala, walaupun negeri kita kecil saiznya, hasil semulajadi berkurangan untuk kegunaan sumber hasil dalam negeri. Pada saya, Tuan Speaker, negeri dan rakyat negeri ini adalah sama dengan negeri yang lain, dijadikan oleh Allah, Negeri Pulau Pinang ini lebih unik dan cantik, mempunyai kawasan-kawasan yang indah dan strategik dan mempunyai hikmat dan nikmat di sebalik negeri yang kecil. Penghuni-penghuninya yang berbilang kaum dan agama ini bersatupadu dan bersefahaman di antara satu sama lain, aman damai. Inilah nikmat yang tidak dapat dikira. Nikmat kita semua berbangga. Nikmat ini adalah nikmat yang paling besar, ialah keamanan, kemakmuran. Keamanan dan kemakmuran ini adalah dengan kecekapan Pentadbiran Negeri, pengurusan negeri dan belanjawan yang dibentangkan ini amatlah sesuai untuk dilaksanakan.

Saya harap pegawai dan Kerajaan yang ada pada masa ini dapat melaksanakan belanjawan yang dibentangkan ini. Kalau boleh ditambahkan lagi jika sekiranya perlu. Tuan Speaker, yang perlu ialah kerja kuat rakyat dan pemimpin. Rakyat dan pemimpin hendaklah bekerjasama memberi sumbangan dan tenaga, tenaga pemikiran termasuklah sosial ekonomi, bertolak ansur, kerjasama di antara pihak atas dan pihak bawah termasuklah pegawai, Kerajaan dan rakyat biasa. Jika perkara ini tidak diamalkan, kita akan binasa dan jika diamalkan, Insyaallah kita dapat mewujudkan sebuah negeri dan rakyat yang berkualiti.

Tuan Speaker, kedudukan Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai dari segi geografinya, merupakan kedudukan tempat yang paling baik dan strategik. Tempat laluan dagang dan

centeri dari Timur ke Barat, dari Barat ke Timur, tempat lalu-lalu. Kita cuma belum sampai masanya lagi, Insyaallah dengan pimpinan yang ada pada hari ini, kita akan dapat memajukan Negeri Pulau Pinang ini dengan baik. Ini juga perlu kerjasama dari semua pihak, mahupun pihak pembangkang. Pada hari ini kita dapati pihak pembangkang telah memberi kerjasama yang baik, tidak bising macam yang lalu-lalu. Ini menunjukkan tanda-tanda Pulau Pinang akan bertambah maju, jika kita dapat kerjasama yang begini.

Tuan Speaker, di samping itu saya ingin menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan peruntukan-peruntukan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat petang semalam mengenai Peruntukan B.1, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri. Peruntukan Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Ketua Menteri yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat petang semalam iaitu 4200 – kalau tak silap saya, yang mana peruntukan untuk pengurusan dan kemajuan – kita sokong. Tetapi berkenaan dengan peruntukan untuk Sekolah Agama Rakyat, patut ditambahkan lagi kerana kita baru saja meluluskan Rang Undang-undang Pentadbiran Sekolah Agama Rakyat. Jadi Sekolah Agama Rakyat ini baru hendak diperbarui, kerana Sekolah Agama Rakyat ini sekolah lama. Bila sekolah lama, benda lama, kita hendak adakan semula, kita hendak elokkan semula, kaji semula, ini memerlukan peruntukan yang banyak. Inilah saya berharap kepada Kerajaan Negeri supaya dapat memberi pertimbangan yang khusus kerana dengan adanya Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini sepertimana kata Y.A.B. Ketua Menteri, kita dapat menanamkan semangat kasih sayang, kita dapat menanamkan satu moral yang baik untuk kepentingan bangsa dan negeri dan kita boleh mewujudkan moral yang tinggi.

Jika tempat duduk ataupun sekolah ini tidak sesuai, ini menjadi masalah kita hendak belajar. Dan juga kita hendak memperbetulkan banyak lagi yang tak betul terhadap Sekolah Agama Rakyat ini. Jadi saya memohon kepada Kerajaan Negeri supaya tahun lain ataupun pertengahan tahun ini, kalau perlu kita tambah lagi.

Tuan Speaker, masalah pelancongan juga saya ingin menyebutkan di Dewan yang mulia ini banyak tempat-tempat pelancongan kita perlu kaji semula dan perlu selidik. Banyak kawasan-kawasan yang berpotensi dan baik untuk jadi tempat pelancongan. Oleh kerana Negeri Pulau Pinang ini sebagai tempat tumpuan pelancong dari dulu-dulu lagi sehingga hari ini. Tetapi tempat pelancongan yang didapati sekarang ini tidak berubah. Kita mahu Kerajaan *create* satu tempat yang lebih sesuai dan kalau boleh tempat-tempat yang bersejarah. Kalau pergi ke luar-luar negeri dan dibawa melawat tempat-tempat yang berserajah tapi di Negeri Pulau Pinang berlainan sedikit. Tempat-tempat yang bersejarah banyak. Salah satu tempat yang bersejarah ada di Kawasan saya iaitu di Kampung Kota. Kampung Kota ada “Kubur Diraja”. Kubur Diraja itu terbengkalai dan semak tidak dijaga. Kubur boleh buat kajian. Begitu juga kawasan istana. Istana raja di kawasan saya juga ada iaitu di Kampung Kubu. Mengapakah kampung itu dikatakan Kubu an Kota sempena nama itu. Kita boleh siasat dan kawasan istana juga ada di kubu itu. Saya ingat Kerajaan Negeri boleh memberi perhatian dan supaya dapat mengkaji dengan teliti dan di situ juga boleh menjadi tempat-tempat pelancongan yang baik. Pelancong-pelancong boleh datang dari darat dan air, menerusi air iaitu Sungai Perai pergi ke Permatang Pasir, Kubu dan juga Kampung Terus. Itu juga sumber pelancongan.

Tuan Speaker, berhubung dengan pamaritan dan saliran. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Jabatan Pamaritan dan Saliran ini yang mana telah berusaha dengan begitu baik dan menyarankan usaha-usaha yang memuaskan di kawasan saya, kawasan lain saya tak tahulah. Tempat yang tak boleh tanam padi dah boleh tanam. Parit-parit gila dan dibuat. Mungkin tak siap lagi pun ada. Yang tidak buat mereka janji akan buat. Terima kasih dan juga jalan-jalan ladang telah dibuat. Jadi inilah satu petanda yang baik untuk memberi perangsang kepada pak tani-pak tani yang muda ini menjadi masalah. Sekarang ini pak tani-pak tani kita lihat adalah terdiri daripada pak tani yang tua, umur 50an ataupun 60an ke atas. Oleh itu saya berharap kepada pihak yang berkenaan dapat mempengaruhi belia muda ataupun beliawanis berminat kepada pertanian, kerana belia dan beliawanis sekarang lebih suka kerja makan gaji dan berniaga sendiri di dalam bandar-bandar. Kita tahu bekerja makan gaji dan berniaga sendiri di bandar-bandar ini memperolehi hasil yang banyak, lumayan. Tetapi warisan kita di bendang akan terbengkalai. Inilah saya berharap pihak Jabatan Belia, Jabatan Pertanian dapat menguruskan dan memberi kursus, didikan, sumbangan, peruntukan dan sebagainya supaya belia-belie muda ini berminat kepada pertanian. Kerana hendak menjadi petani ini bukan mudah, banyak risikonya. Orang kata kalau hendak menjadi petani ini mudah. Bawa cangkul, bawa tajak, tanam jadi. Tidak semudah itu. Dia ada banyak risikonya. Ada penyakit, ada serangga, ada tikus. Air tak ada pun, tak boleh. Jadi untuk mengekalkan pak tani moden perlu wujud. Kita mesti didik orang muda kita menjadi pak tani yang moden. Jadikanlah pertanian ini satu pekerjaan yang *commercial*, bukan satu pekerjaan yang sambilan. Pertanian ini termasuklah belia ayam, itik dan sebagainya.

Tidak terus dengan tanam padi, tanam sayur saja. Tak boleh, kita kena campur juga. Jadi Tuan Speaker, saya berharap pihak yang berkenaan dapat mengadakan peruntukan yang khas untuk melatih orang-orang muda kita berminat dalam pertanian. Juga pemasaran perlu diambilkira. Kemudahan-kemudahan mereka untuk menjadi seorang petani moden perlu wujud.

Tuan Speaker, saya juga berharap Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri dapat mengekalkan tanah-tanah pertanian supaya jangan ditukar syarat. Kalau boleh tanah-tanah pertanian ini, di kawasan saya ini ialah 80% kawasan pertanian, 20% sahaja kampung – tempat kediaman. Saya berharap tanah-tanah pertanian ini hendaklah dikekalkan dengan syarat pertanian. Saya juga menyeru melalui Dewan ini kepada pemilik-pemilik tanah di kawasan luar bandar khususnya di Negeri Pulau Pinang, janganlah mudah menjual tanah-tanah mereka khususnya orang-orang Melayu hanya memiliki tanah yang sedikit di kawasan luar bandar. Janganlah mudah terpengaruh menjual tanah mereka, oleh kerana di Pulau Pinang tanah kita pelan sempit, penduduk pelan ramai. Kalau kita jual, maka menjadi masalah tempat tinggal. Begitu juga tanah-tanah pertanian kita kekalkan.

Tuan Speaker, masalah Jabatan Kerja Raya. "Rakyat Kerja Rajin." J.K.R. ini kelmarin telah berjanji dengan saya untuk mengambil perhatian yang lebih serius di kawasan saya. Saya mengucapkan terima kasih. Saya juga berharap J.K.R. ataupun Jabatan Kerja Raya ini yang ada peruntukan yang begitu banyak supaya mengadakan peruntukan mencegah banjir. Banjir, saya dapati ada di Bahagian J.P.S. Jadi, banjir ini dia tak pilih tempat. Dalam pekan pun ada banjir, dalam bendang pun ada banjir, dalam kampung pun ada banjir. Kalau boleh tiap-tiap

jabatan mesti ada peruntukan banjir. M.P.P.P. pun mesti ada peruntukan banjir yang lebih. Jabatan Kerja Raya mesti ada, J.P.S. pun mesti ada, P.D.C. mesti ada, Perumahan pun ada peruntukan untuk mengelak banjir. Mesti ada. Banjir datang, dia tak cakap dekat siapa. Tau, tau ada. Peruntukan tertentu ini mesti ada di tiap-tiap jabatan. Di mana-mana kalau banjir, kita jangan tunggu jabatan itu, jabatan ini. Ini J.K.R. punya, ini M.P.S.P. punya, ini J.P.T. punya. Jadi mangsa banjir, dia tak tunggu, dia datang secepat kilat. Jadi bila jadi masalah itu, dia orang tak kata Jabatan tetapi Kerajaan. Siapa itu Kerajaan? Wakil rakyat yang dipilih tak buat kerja. Padahal kita dah cakap, tak boleh disalahkan. Kita dah kata mesti ada peruntukan. Kalau kawasan Datuk Keramat banjir, wakil Datuk Keramat, dia tak cakap, saya tolong cakap, kena buat peruntukan banjir.

Tuan Speaker, J.K.R. juga mesti ambil perhatian bahawa titi-titi yang sempit, J.K.R. telah membina dan membesarkan jalan-jalan. Jalan-jalanraya telah diperbesarkan, Alhamdulillah. Tapi manakala jalanraya diperbesarkan, maka jadi ramping pula, genting. Kalau orang cantik, tapi jalan tak cantik. Kalau orang, kalau kita tengok ramping tu cantiklah. Kalau jalan tak cantik, dan nak jalan pun tak boleh, tak terdaya kerana kenderaan-kerideraan sekarang bertambah besar dan muatan-muatan bertambah banyak. Umpamanya di kawasan saya dari Permatang Pauh hingga ke kawasan Kubang Semang. Titi kecil, ramping, jalan besar, jadi masalah lalu-lintas dan juga bahaya kepada orang ramai. Saya harappihak J.K.R. akan membuat peruntukan khas untuk kaji semua jambatan-jambatan yang sempit ini. Juga bahu-bahu jalan yang berlopak menjadi bahaya kepada kanak-kanak sekolah, pengguna-pengguna basikal, lalu-lintas, motosikal dan sebagainya. Umpamanya di kawasan saya, saya cakap. Saya ini Tuan Speaker, hendak cakap

mengenai masalah kawasan saya, masalah Negeri Pulau Pinang. Saya tidak hendak cakap masalah antarabangsa, international, tidak. Jadi kawasan saya daripada pekan Permatang Pauh sampai ke Simpang Empat, masuk ke kawasan Dr. Ibrahim. Seberang Jaya masuk sikit. Jalan tepi bahu jalan itu tak sama disebabkan oleh pengorekan, P.B.A. tanam paip besar. Jadi bila P.B.A. tanam paip besar, tepi jalan itu ada jalan simen, habis pecah. Bila habis pecah, tak ganti, jadi masalah. Orang kampung biasa jalan tempat elok, tetapi bila telah korek dan ditambun dengan tidak sempurna, ini menjadi masalah orang kampung hendak lalu-lintas di situ.

Tuan Speaker, saya juga berharap supaya Lapangan Terbang di Bayan Lepas ini diberi peluang kepada penerbangan-penerbangan antarabangsa yang singgah di situ dan tambahkan lagi penerbangan-penerbangan dalam negeri dan antarabangsa kerana Negeri Pulau Pinang tempat pelancongan. Kalau dia orang hendak datang ke Pulau Pinang, tak datang dengan terus turun di Pulau Pinang, dia orang nanti turun dekat Singapura dulu, duit nanti habis dekat Singapura. Sampai dekat kita duit dah tak ada. Buat apa kita buat pelancongan di kawasan kita? Kita hendak bagi banyak penerbangan singgah. Kalau dia turun ke K.L. dulu, dia nanti habis dekat K.L. dulu. Datang dekat kita dah tinggal "habuk", tak berguna juga. Kita hendak *direct* datang daripada kapal terbang daripada luar negeri. Itu antarabangsa, sebab hendak datang ke Negeri Pulau Pinang, bukan antarabangsa Tienamen seperti kata Yang Berhormat kawan kita tadi. Ini antarabangsa daripada luar negeri hendak datang ke Negeri Pulau Pinang, hendak kasi ongkos kepada Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Pergi Permatang Pauh.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan Bin Haji Ramli):

Permatang Pauh tak payah pergi. Nanti kita suruh Dr. Sak, wakil daripada Mak Mandin dapat mengelokkan kawasan Permatang Pauh, kita bawa ke sana. Ada tempat Kubur Diraja dan sebagainya dan tempat tapak istana lama.

Tuan Speaker, mengenai kebajikan masyarakat. Peruntukan kebajikan masyarakat ini patut dilebihkan lagi. Di samping membantu orang-orang miskin kita mesti adakan peruntukan latihan kepada mereka. Kita tidak hendak sentiasa membantu mereka. Di samping kita membantu, kita mesti latih mereka dan mereka akan boleh berdiri di atas kaki sendiri. Bak kata pepatah, "Kalau orang minta ikan, kita jangan bagi ikan, kita bagi kail ataupun kita bagi jala." Dia boleh dapat makan sampai bila-bila. Kalau kita bagi ikan makan hari ini, esok habis. Kalau boleh di samping kita bagi bantuan, kita kena *create*, kita kena buat rancangan, latih sama ada hendak buat kelompok buat cucur, buat kuih jual kuih, buat raga, buat kerja tangan dan sebagainya. Pasaran kita jamin. Kita mahu itu. Lama mana kita mahu bantu mereka dan anak-anak mereka juga? Kita mesti ambil perhatian, kita boleh beri bantuan persekolahan dan sebagainya.

Sekarang ini sumbangan kebajikan terlalu sedikit, memandangkan kedudukan barangan yang begitu mahal. Tetapi keadaan sekarang ini, duit yang dibagi sebulan \$40.00 ke \$50.00 tak cukup. Kalau boleh kita kena bagi modal, bagi dia buat kerja sampingan. Ajar dia buat kerja sampingan. Duit yang kita akan bantu itu akan jadi modal. Insya Allah dia akan bertambah baik.

Begitu juga dengan kebajikan, saya berharap akan berusaha, bekerjasama dengan

industri, dengan badan-badan swasta atau badan-badan Kerajaan supaya dapat memberi keutamaan kepada orang-orang cacat anggota, buta, tuli, pekak, bisu dan sebagainya, supaya mereka boleh bekerja. Ada di setengah-setengah kawasan termasuk kawasan saya, orang buta susah hendak dapat kerja. Dia dapat latihan dan sebagainya tetapi kerja, masalah. Kilang tak terima dan sebagainya. Saya minta Jabatan Kebajikan akan uruskan berhubung terus dengan pihak-pihak tertentu, siasat dan buat kajian, buat senarai berapa ada orang-orang buta, pekak, tuli yang perlu pekerjaan. Manakala dia orang kerja, kita tak payah bagi duit. Kilang tumbuh begitu banyak di kawasan kita tapi rakyat tak dapat kerja. Kilang atau perusahaan swasta yang banyak ini bukan untuk orang-orang yang cukup anggotanya seperti kita sahaja tetapi orang-orang yang cacat juga perlu makan, perlu tempat tidur, perlu hidup. Perlu memberi perhatian lebih, sama dengan orang yang tidak cacat.

Juga anak-anak cacat. Bila hendak masuk belajar, minta tempat nak belajar kena tunggu bertahun-tahun. Manakala sampai nak boleh masuk, umur lebih. Dia cacat, nak masuk tempat pusat pemulihan kena tunggu setahun, dua tahun dan sebagainya. Bila sampai umur hendak masuk, "Encik boleh masuk tapi umur lebih, tak boleh." Alangkah hampa tunggu bertahun-tahun. Oleh itu saya harap Kerajaan Negeri kalau boleh tubuhkan sekolah anak-anak cacat, pemulihan yang diperbesarkan lagi. Kita terpaksa kena minta, di Negeri Sembilan, di luar-luar, merata. Kita cuba cari jalan.

Tuan Speaker, saya ingin menimbulkan masalah kebun bunga. Kebun bunga adalah pusat tempat pelancongan yang baik. Saya dapati bunga-bunga tak begitu banyak dan pokok-pokok bunga pun tua dan bila bunga tua, siapa nak tengok. Orang pun tak berkenan nak

melawat dan sebagainya. Jadi kita kalau boleh, kita ada teknikal, kita ada *Engineer*, Pegawai Pertanian dan sebagainya, bukan pegawai pertanian bendang tetapi pertanian pokok bunga, dan bunga sekali. Jadi kalau bunga saja tak ada pokok tak jadi. Jadi kita kena jaga keindahan di situ. Benda semulajadi, air terjun pun tak terjun, tak dak. Jadi kawasan itu kita patut diperelokkan untuk pengunjung-pengunjung di dalam dan di luar negeri. Bila orang luar datang, nak pergi kemana? Nak pergi kebun bunga, tak dak apa. Kita mintalah pihak-pihak yang menjaga kebun bunga, yang berkuasa itu dapat mengambil perhatian yang lebih untuk tumpuan pelancong-pelancong kerana tahun 1990 ini ialah Tahun Melawat Malaysia. Bila Tahun Melawat Malaysia, kita perlu mengindahkan negeri kita.

Lagi satu Tuan Speaker, Bukit Bendera. Bukit Bendera, Tuan Speaker, musim cuti dan juga mungkin pada tahun hadapan, Tahun Melawat Malaysia ini Bukit Bendera juga menjadi tumpuan. Baru-baru ini, tak sampai seminggu, saya pun melawat Bukit Bendera, waktu cuti sekolah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Pergi seorang?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Pergi dengan anak-anak, tak boleh pergi dengan orang lain. Saya bawa keluarga saya melawat Bukit Bendera. Saya dapati ramai orang menunggu, menanti hendak naik keretapi sampai sehari tunggu. Tunggu pukul 8.00 pagi sampai 5.00 petang tak boleh naik lagi. Jadi kalau kita pergi K.L. dah sampai 5 jam, 6 jam. Hendak naik Bukit Bendera yang pendek tu dan tempat menanti, Ya Allah punya teruk, kawasan sempit, *queue* seperti kita hendak

tengok wayang ambil tiket macam masa dulu – 35¢. Jadi yang *queue* itu kalau orang Pulau Pinang, Telok Bahang tak apalah juga. Ini orang antarabangsa yang datang ke Pulau Pinang, orang putih, Jepun, berpanas dengan air-cond tak ada dalam bilik itu. Bangunan buruk.

Oleh itu saya berharap kepada pihak yang berkuasa Kerajaan Negeri supaya memperelok; mengemaskini dan mencantik dan memperbesarkan stesyen Keretapi Bukit Bendera, boleh memuatkan orang ramai dan cara jadual perjalanan itu dipercepatkan dan sebagainya. Saya dapati ada bahaya juga, *security* tak begitu menjaminkan. Oleh itu saya mintalah Kerajaan Negeri buat secepat mungkin, buat tambahan, buat peruntukan. Ini bangunan sebelum perang, masa penjajah dulu. Kita dah merdeka. Tempat lain kita boleh buat bagi elok, tempat ini tak bolehkah kita buat? Bukit Bendera. Begitu juga atas bukit. Pokok-pokok bunga kecut dan layu, sebab Bukit Bendera kalau kita *compare* dengan kawasan-kawasan sejuk, saya ingat Cameron Highland lagi elok. Kita boleh buat macam itu.

Tuan Speaker, itu masalah keretapi Bukit Bendera. Lagi satu bangunan pejabat yang sesak, sampai satu bangunan dua jabatan. Pegawai bertambah, projek banyak, bangunan Jabatan dan Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Bangunan buruk, hujan bocor, usong fail sana sini, takut basah, dan kita menambahkan banyak lagi jabatan-jabatan di dalam Majlis Hal Ehwal Agama dan Jabatan Agama Islam itu – bahagian-bahagian, tetapi sesak, nak lalu pun tidak boleh. Jadi, manakala sesak begitu, pemikirannya pun sempit. Kita hendak bangunan pejabat-pejabat lain boleh ada peruntukan dan boleh buat bangunan baru dan sebagainya. Ini Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang sesak, habuk. Kalau boleh kita hendak bangunan baru. Identiti Agama Islam

agama rasmi. Saya mintalah pihak Kerajaan Negeri bagi perhatian yang lebih untuk membina bangunan asing Jabatan Agama Islam di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, Jabatan Agama Islam hendaklah ditambahkan dengan pegawai-pegawai untuk menjadi kekesanan ataupun boleh berjalan dengan berkesan terhadap perkembangan dakwah Agama Islam ini dan aktiviti-aktiviti yang dikehendaki oleh Jabatan Agama Islam dan saya mengharapkan supaya Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang dapat mengadakan seorang pegawai wanita. Pegawai wanita ini boleh menjaga hal-ehwal agama orang-orang perempuan, wanita-wanita Islam kerana wanita-wanita Islam ini nak cerita masalahnya kepada orang lelaki ini susah. Kita wujudkan seorang pegawai wanita untuk menyiasat, untuk mendapatkan keadilan. Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang ber-setuju – Kita mesti adakan seorang pegawai wanita ini bagi menjagakan hal-ehwal Agama Islam untuk wanita Islam di Negeri Pulau Pinang kerana ada masalah-masalah kekeluargaan. Kita sudah lulus rang undang-undang keluarga Islam hampir 2 tahun, jadi kita mesti implementkan.

Tuan Speaker, mengenai masalah pertanian – penduduk semakin bertambah, pertanian semakin banyak. Rancangan-rancangan yang diusahakan oleh Jabatan Pertanian itu saya mengalu-alukan – bagus, tanah subur, padi tumbuh, tanaman semula, dan O.K. Manakala kita usaha dalam 4–5 tahun yang lalu – serupa orang, semakin lama semakin besar, semakin tua. Jadi ada penyakit. Bila ada penyakit, pengawalan penyakit itu mesti ditambahkan. Kita nak jaga kesihatan pokok-pokok itu. Jadi saya dapati kawalan penyakit kurang \$28,020.00 – itu kurang. Kalau dahulu \$421,000.00 tetapi

sekarang ini \$393,210.00, maknanya kurang. Kurang \$13,470.00. Jadi pokok-pokok tua dan sebagainya semakin tidak sihat. Serupa dengan orang jugalah. Kawalan perlu. Kawalan untuk pertanian, kawalan penyakit perlu diperbanyakkan kerana kita sudah berusaha tanam 5–6 tahun dahulu. Sekarang saya dapati banyak penyakit-penyakit, terutama pokok cempedak, cepat mati. Berbuah 2 kali mati an sebagainya. Jadi kawalan penyakit bukan setakat pokok-pokok dusun, tetapi kawalan pokok padi, musuh-musuh tikus dan serangga juga patut ditambahkan, bukan dikurangkan kerana orang semakin ramai, kita hendak hasil yang banyak. Bila hendak hasil yang banyak, kawalan musuh perlu diperbanyakkan.

Begitu juga hasil haiwan. Untuk mencegah penyakit-penyakit haiwan ini juga perlu diperbanyakkan, bukan dikurangkan. Begitu juga dengan membaiki tanaman-tanaman yang sedia ada. Perkara-perkara ini terletak di kawasan-kawasan luar bandar, kawasan-kawasan pertanian, termasuk kawasan saya. Kawasan saya yang paling banyak pertanian dan orang-orang yang bela kerbau dan lembu.

Jadi Tuan Speaker, kita telah merancang menanam, membiak dengan banyak, tetapi tujuan penjagaan perlu lebih banyak. Kenapa *maintain* itu lebih? Kalau tidak, pokok-pokok itu akan rosak dan tanaman peliharaan kita akan rugi. Itulah saya berharap kepada Jabatan Pertanian ataupun Exco Pertanian akan memberi perhatian yang lebih untuk masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Speaker, saya jua berterima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri di mana saya berkehendakkan kedai tuak di kawasan saya di kawasan Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah telahpun tutup dan saya berharaplah

Kerajaan Negeri akan tengok tapak itu, kalau boleh buat pusat pemiagaan kepada penjaja-penjaja dan sebagainya, kerana kawasan itu sangat berpotensi. Kalau boleh kita buat pemiagaan penjaja khususnya untuk Bumiputra kerana Bumiputra tidak ada tempat dalam pekan Bukit Mertajam. Itu adalah tanah Kerajaan, patut kita bangunkan pusat pemiagaan untuk Bumiputra di pekan Bukit Mertajam.

Tuan Speaker, saya juga mengharapkan sebarang bekalan ataupun tender yang hendak diberikan hendaklah diteliti dengan baik. Kita tidak mahu tempat ataupun bekalan yang diputuskan tidak berkualiti dan pembekalan-pembekalan apa pun mestilah diselidik, dikaji dan kita tidak mahu pembekalan datang di hujung tahun dan sebagainya. Ini adalah disebabkan pengurusan. Kita hendak pengurusan yang cepat, pengurusan yang cekap, ikhlas dan jujur. Sebab itulah saya bangkitkan di sini supaya pembekalan dan tender-tender ataupun pemborong dan sebagainya hendaklah diteliti supaya kualiti itu baik. Kita tidak mahu bila kita hantar pergi ke kampung atau ke tempat-tempat tertentu tidak boleh pakai, tidak boleh guna, rosak dan sebagainya, rugi wang Kerajaan. Mereka tidak berkata pegawai, mereka tidak katakan sesiapa. Mereka salahkan Kerajaan, Wakil Rakyat yang kena, tambah-tambah dekat pilihanraya ini pula. Oleh itu saya mintalah pihak yang tertentu dapat mengkaji dan teliti tender-tender kontrak dan bekalan dan berhati-hati supaya perkara-perkara itu berjalan dengan betul dan berkualiti.

Jadi Tuan Speaker, saya tidaklah hendak menyambung lagi ucapan saya. Kalau boleh 1 – 2 jam lagi pun boleh. Jadi dengan itu saya lagi sekali menyokong usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang yang mana Usul Enakmen Perbekalan yang dinamik, yang

perlu mendapat sokongan daripada semua pihak dan saya mengharapkan pihak yang melaksanakan usul, Enakmen ini nanti akan berjalan dengan lancar, sampai ke matlamat dan tujuannya.

Dengan ini saya lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan saya berharap kepada pegawai-pegawai bekerjalah dengan jujur, ikhlas, demi untuk kepentingan negeri dan bangsa dan negara kita, agama kita supaya kita sentiasa duduk dalam aman dan damai walaupun negeri kita kecil.

Dengan ini saya lagi sekali menyokong usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Tuan Speaker, saya bangun ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1990 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan yang mulia ini pada 4 Disember 1989, petang kelmarin. Kita dapat lihat bahawa Rang Undang-undang Perbekalan ini adalah digubal dengan teliti dan rapi bagi mencapai satu prestasi yang terbaik untuk faedah rakyat Negeri Pulau Pinang. Maka dengan itu Kerajaan Negeri pun harus berhati-hati untuk melakukan perbelanjaan mengurus bagi perkhidmatan tahun 1990.

Kita semua tahu bahawa sumber alam semulajadi di negeri ini terhad, oleh itu segala hasil cukai pun turut serta terhad. Dalam keadaan semacam ini, bila Kerajaan Negeri hendak melancarkan apa-apa projek pembangunan, terpaksa harus menelitinya dengan baik. Kerajaan Negeri tidak boleh membazirkan kewangan sahaja. Kerajaan Negeri harus

mengawal perbelanjaan pengurusannya dengan ketat. Walaupun begitu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenalpasti beberapa projek pembangunan umpamanya dengan melaksanakan projek-projek tebusguna tanah, pembangunan bandar dan sibik serta pelancongan. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan menggunakan kedudukannya yang strategik untuk memajukan Pulau Pinang menjadi satu pusat perkhidmatan am, satu pusat perdagangan dan kewangan di rantau ini. Dengan itu, Kerajaan Negeri akan dapat banyak peluang untuk menambahkan hasilnya.

Oleh yang demikian, kalau Kerajaan Negeri hendak mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang terpaksa harus berhubung dan berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk dapat melaksanakan beberapa projek yang raksaksa untuk faedah rakyat pada masa akan datang. Projek-projek infrastruktur itu adalah seperti berikut:—

Projek pertama, Lebuhraya-lebuhraya — Kerajaan Negeri Pulau Pinang haruslah 'lobby' dengan Kerajaan Pusat supaya projek tersebut dapat dilaksanakan dengan segera bermula kerja pembinaannya dari Butterworth ke kawasan perusahaan di Tikam Batu dan Kulim, Kedah serta dari Butterworth ke kawasan perusahaan Kamunting, Perak. Jikalau projek tersebut tidak dapat disiapkan pada tahun 1991, maka masalah lalulintas di Seberang Perai itupun akan jadi semakin teruk nanti.

Projek kedua Memajukan Dermaga di Butterworth — Apabila lebuhraya-lebuhraya tersebut telah siap dibina, maka barang-barangan buatan daripada kawasan perusahaan Tikam Batu, Kulim, Kamunting dan di Seberang Perai itu pun akan dapat dibawa ke Dermaga di Butterworth. Untuk diekspot ke luar negeri.

Oleh itu dermaga di Butterworth itu patutlah diperbesarkan untuk keperluan bagi masa akan datang. Dengan itu, Kerajaan Negeri hendaklah berhubung dengan Kementerian berkenaan untuk melaksanakan projek ini dengan segera.

Projek ketiga, Pusat Perkhidmatan Perubatan dibina di Seberang Jaya — Kita ketahui bahawa bilangan penduduk di Negeri Pulau Pinang ini telah meningkat lebih daripada satu juta pada dewasa ini. Kalau ditambah dengan bilangan penduduk di Perak, Kedah dan Perlis, jumlahnya telah sampai 4.52 juta. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri harus berunding dengan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan satu pusat perkhidmatan perubatan yang moden di Seberang Jaya untuk keperluan rakyat pada abad ke 21.

Projek keempat, Memajukan Kampung-kampung Baru Menjadi Bandar Baru — Selain daripada projek-projek tersebut di atas itu, saya berpendapat bahawa di Seberang Perai ini ada beberapa kampung baru ini telah wujud lebih daripada 40 tahun lamanya. Kampung-kampung baru ini patutlah dipermajukan menjadi Bandar Baru untuk memenuhi keperluan rakyat pada tahun 2000. Untuk melaksanakan projek ini, Kerajaan Negeri boleh berbincang dengan Kementerian berkenaan bagi mendapatkan peruntukan untuk tujuan tersebut.

Di Seberang Perai lebih kurang ada 8 atau 9 kampung baru ini. Kita boleh membangunkan dua tiga dahulu. Kita boleh membangunkan Kampong Juru, Kampong Berapit menjadi Bandar Baru Juru, Bandar Baru Berapit dan lain-lain.

Projek kelima, Lapangan Terbang Antarabangsa Kedua dibina di Butterworth — Pada tahun 2000, bilangan penduduk di rantau

Utara ini tentu akan meningkat sampai ke 9 juta. Oleh itu saya bercadang Kerajaan Negeri patut mula dari sekarang membawakan perkara ini kepada perhatian Kerajaan Persekutuan supaya dapat merancang dari sekarang bagi keperluan abad ke 21.

Projek keenam, Projek-projek Pembangunan di Pulau – Selain daripada projek-projek pembangunan yang dijalankan di Seberang Perai itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus memberi perhatian ke atas beberapa projek yang patut dilaksanakan juga di Pulau ini.

Pertama ialah jalan persisiran pantai patutlah disambung terus dari Jalan Udini melalui Lebuhraya Macallum masuk ke KOMTAR dan dari Jambatan Pulau Pinang ke Lapangan Terbang Bayan Lepas itu untuk melicinkan lalulintas di Pulau ini. Dengan kata lain, sistem penyuraian lalulintas harus dilaksanakan untuk mengatasi masalah lalulintas di Pulau pada abad ke 21.

Kedua ialah Kerajaan Negeri harus melaksanakan projek membaiki sistem saliran sungai untuk mengatasi masalah banjir di Pulau ini.

Ketiga ialah Kerajaan Negeri harus mendesak Kementerian berkenaan menyempurnakan projek tambahan kepada Hospital Umum Pulau Pinang dengan segera untuk kepentingan rakyat di Pulau Pinang sebab projek ini telah terhenti terlalu lama.

Keempat ialah Kerajaan Negeri hendaklah mendesak Kementerian berkenaan memajukan lagi Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas untuk keperluan pada masa akan datang.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri haruslah memberi perhatian berat kepada perkara kebersihan alam semulajadi atau alam sekitar dan juga termasuk persiaran kita.

Apabila semua projek tersebut di atas itu sudah siap terlaksana, barulah dapat kita memajukan Pulau Pinang menjadi satu pusat perkhidmatan am, satu pusat perdagangan dan kewangan. Kalau tidak, kita masih belum mempunyai syarat-syarat yang cukup untuk mencapai matlamat tersebut.

Walaupun begitu, saya faham bahawa Kerajaan Persekutuan hanya memberi peruntukan pembangunan untuk Negeri Pulau Pinang sebanyak 3% sahaja daripada keseluruhan belanjawan negara. Akan tetapi Negeri Perak dan Kedah dapat 7% masing-masing daripada Kerajaan Persekutuan. Saya anggap ini tidak adil untuk Negeri Pulau Pinang. Ada rakyat Pulau Pinang mengadu bahawa keadaan jalan di Perak dan di Kedah adalah lebih elok daripada keadaan jalan di Pulau Pinang. Ini memang satu kenyataan, sebab lebih ramai menggunakan jalan kita ini. Oleh itu, saya harap Kerajaan Negeri memohon daripada Kerajaan Persekutuan untuk menambahkan peruntukan pembangunan untuk melaksanakan lebih banyak projek pembangunan di Negeri Pulau Pinang dan untuk penyeleenggaraannya.

Saya berharap Kerajaan Persekutuan menambah peruntukan pembangunan untuk Kerajaan Negeri adalah berdasarkan alasan-alasan berikut:—

Pertama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang selama di bawah pentadbiran Y.A.B. Ketua Menteri telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan peluang perniagaan di negeri ini. Dengan ini, Kerajaan Persekutuan telah dapat

mengutip pelbagai cukai daripada rakyat Pulau Pinang umpamanya cukai pendapatan perseorangan, cukai pendapatan, syarikat-syarikat, cukai setem, *property gain tax*, cukai pelabuan, cukai *import-export*, cukai jalan dan cukai lesen radio dan sebagainya.

Kedua, sudah ada beberapa orang Menteri dan juga bekas Ketua Audit Negara pun memberi pujian kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dapat mengurus perbelanjaan kewangan kita ini dengan teliti dan rapi. Oleh itu pinjaman oleh Kerajaan Negeri pun mampu membayar balik kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Ini adalah satu prestasi yang baik.

Ketiga, usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjadikannya terus maju. Akan tetapi Pulau Pinang tidak maju sendiri sahaja. Oleh kerana kemajuan Pulau Pinang, negeri-negeri jiran macam Kedah, Perak, Perlis dan Kelantan turut maju juga.

Oleh sebab itu, saya harap Kerajaan Persekutuan bolehlah memberi insentif kepada Negeri Pulau Pinang dengan menamajkan peruntukan pembangunan dua kali ganda yang selaras dengan penambahan bilangan penduduk di negeri ini. Dengan ini, semua projek sosio-ekonomi dan sosio-sivik pun dapat diperbanyakkan dua kali ganda juga.

Di samping itu saya harap Kerajaan Negeri akan mendapat persetujuan dengan Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan satu sistem pungutan cukai baru, supaya pihak Kerajaan Negeri pun boleh mengutip hasil cukai untuk kegunaan negeri sendiri. Di samping menunggu peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan untuk Pulau Pinang, Pulau Pinang pun akan berusaha sendiri untuk faedah rakyat

di Pulau Pinang ini.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil peluang ini bercakap sedikit. Pagi tadi kita sudah dengar dalam ucapan Yang Berhormat Ahli Kampong Kolam bolehlah dikatakan ucapan beliau itu tidak ada kaitan dengan Rang Undang-undang Perbelanjaan kita ini dan juga dalam ucapan menuduh, menghentam, mengutuk dan mengkritik orang lain sahaja. Itu merupakan satu cara politik yang bankrup sebab bila kena hentam sedikit sahaja (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, minta penjelasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Saya tidak benarkan. Duduk!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tak berani bagi jalan?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Bukan berani atau tak berani – dengar!

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk! Dia tak beri jalan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, saya nak tanya Yang Berhormat (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, sila duduk!

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Siapa yang mula dulu?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Tadi Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam hentam orang, saya duduk diam, tidak ganggu (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Dia tidak berani jawab!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Bukan tidak berani jawab. Ini bukan berani atau tak berani (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit, sila duduk! Teruskan dengan ringkas Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Jadi hentam orang rasa seronok, ya! Kena hentam sedikit atau kena kritik sedikit sahaja sudah rasa sakit! Jadi lompatlah, nak balas! Jadi dari sini kita dapat tahulah bagaimana sikap ahli Kawasan Kampong Kolam itu (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Yang Berhormat, mahu masuk Exco mahu

ganti, Yang Berhormat Ahli Sungai Pinangkah? Perlahan-lahanlah, sabarlah!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Dari sini kita dapat tahu sikap (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang begitu cepat mahu digantikan?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam, pagi tadi saya duduk diam-diam dengar sahaja ucapan Yang Berhormat, saya tidak ganggu sama sekali. Jadi sekarang bila (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Bila pun boleh ganggu. Saya pun kena ganggu. Tetapi berani mendapat gangguan! Jangan jadi *tripod*! Jadi *tripod* bukan boleh dapat peluang naik atas!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Siapa jadi *tripod*?

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Tanya sendiri!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Tanya sendiri ya! Dahulu hentam orang

tua Tunku, tetapi sekarang kata orang tua Tunku itu baik! Apa ini? Saya pun tidak tahulah!

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Itulah jangan jadi *tripod*! Jangan harap masuk Exco, langsung tidak ada *chance*!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Ada *chance* ke, tak ada *chance*, itu bukan keputusan Ahli Yang Berhormat.

Jadi Ahli Yang Berhormat ada sentuh juga pendirian Parti Gerakan, Parti UMNO dan lain-lain. Kita tahu itu adalah pendirian parti Gerakan dan pendirian Parti UMNO itu ada berlainan sedikit, tetapi kita dalam keluarga (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Parti Gerakan ada pendirian? Bila ada pendirian?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Jadi dari ucapan ataupun dari sikap Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam itu kita telah dapati sikapnya begitu angkoh, sombong! Tadi Yang Berhormat Ahli Kawasan Kolam kata beliau tidak akan *apologize*. Ini bermakna salah, jadi sudah buat salah, tidak mahu *apologize*. Tuan Speaker (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Tuan Speaker, dia tidak faham bahasa!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Duduk! Duduk! Ini sekarang saya hak saya untuk bercakap.

Tuan Speaker:

Minta penjelasan, sila minta penjelasan.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Ya. Saya minta penjelasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Duduk! Duduk!

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Kampong Kolam, sila duduk!

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Balik sekolah belajar Bahasa Inggeris!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Ya, balik sekolah belajar Bahasa Inggeris, O.K.!

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Itu pun tidak faham!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Jadi selalu nak cari kesalahan orang lain. Senang cari kesalahan orang lain, tetapi cuba tengok (gangguan).

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Tuan Speaker, saya minta satu *ruling*.

Ahli Kawasan Bayan Lpeas (Encik Boey Weng Keat):

Duduk! Duduk!

Tuan Speaker:

Dia tidak kasi jalan, sila duduk!

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Saya minta *ruling* daripada Tuan Speaker
..... (gangguan).

Tuan Speaker:

Dia tak beri jalan, sila duduk!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Cuba kita tengok sikap Ahli Kampong Kolam ini begitu degil. Tengok, begitu degil! Dia tidak menghormati Tuan Speaker pun. Jadi ini sikap angkoh.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lik Kit Siang):

Bukan, saya minta satu *ruling*.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Inilah sikap angkoh.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Itu budak-budak, main-main!

Tuan Speaker:

Yang Berhormat Ahli Kampong Kolam sila jangan ganggu! Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas, sila teruskan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Dari pagi tadi sampai sekarang saya tidak ganggu orang. Kalau tidak ganggu saya akan habis dengan cepat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Fasal takut diganggu!

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Tidak takut! Dahulu pun tidak berdiri lawan satu!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Jikalau tidak takut, beri penjelasan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Tidak payah! Duduk!

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tidak berani bagi penjelasan?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat):

Jadi Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam itu, bila hendak mengakhiri ucapan beliau, beliau ada mengatakan bahawa perkara Tienamen tidak lagi bangkit. Ini adalah merupakan satu amaran kepada kita. *Warning* kepada kita. Jadi dari sini kita dapatlah tengok bagaimana sikap Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam itu — sombong, tidak mahu ikut peraturan.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang):

Atas peraturan itu pun tak faham!

Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit):

Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian membahaskan ucapan yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1990 semalam.

Tuan Speaker, kita semua bersetuju dengan ucapan Y.A.B. Ketua Menteri bahawa Pulau Pinang memang menghadapi batasan-batasan keupayaan. Ia amat kurang dengan hasil-hasil semulajadi. Oleh itu, usaha memperkembangkan industri pelancongan adalah amat penting dan mendesak. Tuan Speaker, diharap Pulau Pinang akan diusahakan dan menjadi sebuah pusat komersial dan kewangan serta pelancongan. Untuk mencapai tujuan tersebut, perancangan yang rapi tentang perusahaan pelancongan mesti dipertingkatkan. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak \$1.7 juta bagi memajukan perusahaan pelancongan untuk

tahun 1990. Antara acaranya terdapat Lumba Perahu, Pesta Pulau Pinang, Lumba Motokar, Motosikal dan Pesta Pantai. Akan tetapi saya berasa acara-acara ini kurang cukup. Segala perusahaan pelancongan mesti dirancang dengan baik dan rapi.

Tuan Speaker, tempat-tempat atau pusat-pusat peranginan yang sedia ada mesti dijaga dengan baik. Ambil Bukit Bendera sebagai contoh. Telah banyak kali saya ulangi ucapan saya di dalam Dewan yang mulia ini tentang Bukit Bendera. Pelawat-pelawat terpaksa menunggu berjam-jam berpanas berpeluh di bawah matahari untuk mendapatkan sekeping tiket untuk naik ke kemuncak bukit. Sekali tiba dipuncaknya, didapati bukan banyak perkara yang menarik. Terdapat penjaja yang menjual poskad, minuman, gula-gula dan cenderamata di situ sahaja. Ini pasti mengecewakan ramai pelancong selepas lama menunggu naik ke atas bukit tersebut.

Tuan Speaker, Pulau Pinang tidak sedia tarikan pelancongan seperti Haadyai, Thailand Selatan atau kemudahan kasino. Oleh itu kita mestilah menambahkan penarikan-penarikan yang lain di bukit ini dan tempat lain. Bagaimana sekiranya diswastakan perkhidmatan keretapi bukit itu dan setengah-setengah tempat di atas bukit? Saya juga suka cadang supaya diadakan *cable-car* seperti di Ocean Park di Hong Kong. Dengan ini, ia pasti menarik lagi ramai pelancong-pelancong.

Tuan Speaker, pelancong-pelancong yang datang mengunjungi Pulau Pinang pasti ingin menyaksikan pertunjukan kebudayaan tempatan juga. Kini, didapati kegiatan seperti itu dijalankan secara kecil-kecilan dan sambilan oleh individu-individu yang tertentu. Saya bercadang supaya Kerajaan Negeri mengada-

kan sebuah pusat budaya atau kampung budaya. Di situlah para pelancong akan berpeluang menyaksikan kegiatan-kegiatan budaya tempatan. Ini akan lebih diminati oleh pelancong asing.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan \$1 juta bagi menyambut Tahun Melawat Malaysia 1990. Saya berasa peruntukan ini agak kecil. Kerajaan Negeri harus mendesak dan memohon peruntukan yang berasingan dari Kerajaan Persekutuan. Tuan Speaker, saya juga ingin tahu sudahkah Pulau Pinang diperkenalkan ke dunia luar dalam Tahun Melawat Malaysia? Adakah nama Pulau Pinang disebut dan disiarkan dalam akhbar, T.V., radio dan mass media yang lain di luar negeri?

Tuan Speaker, selain daripada apa-apa yang telah saya nyatakan itu, saya juga ingin menyentuh serba sedikit tentang kemudahan-kemudahan pelancongan di Negeri Pulau Pinang. Di dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri beliau telah menyatakan bahawa program-program galakan pelancongan akan terus dimajukan di semua peringkat. Ini adalah menggalakkan. Tuan Speaker, tetapi apa yang saya perhati dengan rasa bimbang adalah bahawa tempat-tempat ataupun kemudahan-kemudahan pelancongan yang sedia ada di Pulau Pinang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk rakyat yang cacat ataupun yang buta. Walaupun perkara ini telah dibangkitkan oleh rakan saya dari Kawasan Kebun Bunga dan saya dahulu di dalam Dewan yang mulia ini nampaknya setakat ini tidak ada sebarang perubahan ataupun usaha dibuat untuk memperbaiki perkara ini. Saya bercadang bahawa kemudahan-kemudahan seperti *ramps* yang khas untuk orang cacat dan *wheelchair* didirikan di tempat-tempat pelancongan dan bangunan.

Ini akan menggalakkan orang cacat juga untuk menikmati tempat-tempat pelancongan.

Tuan Speaker, akhirnya saya berasa sukacita kerana Muzium Pulau Pinang yang selalu saya sebut-sebut itu akan dipasang alat hawa-dingin pada awal tahun depan. Ini pasti menyenangkan para pelawat di situ.

Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh 15 minit untuk jamuan ringan.

Dewan ditangguh pada jam 3.25 petang.

Dewan disambung semula pada jam 4.21 petang.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Silakan.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tuan Speaker, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan untuk tahun depan. Sebelum saya timbulkan dua, tiga perkara di sini, saya ingin mengucapkan di sini iaitu apabila kelmarin kami mendengar apa Y.A.B. Ketua Menteri ada berucap, saya sedar ucapan beliau adalah lebih kurang sama dengan ucapan yang diberikan atas satu Enakmen Perbekalan yang diberikan di tahun lalu. Apabila saya banding *text* ucapan beliau dengan ucapan tahun lalu, saya dapati ucapan itu sama juga, cumanya ada perubahan atas angka-angka dan satu, dua perkara di satu, dua tempat. Pandangan saya ialah ini

menunjukkan Kerajaan Negeri tidak ada satu sikap yang kreatif untuk mengadakan satu anggaran untuk tahun depan dan saya dapati ini seperti satu salahguna komputer yang ada sekarang di mana kita daftarkan ucapan kita dalam satu *disc* dan disimpan. Lepas itu di tahun kemudiannya kita gunakan *disc* itu seperti apa yang didaftarkan dalam *disc* itu. Ini maknanya Kerajaan Barisan Nasional begitu lemah dan kurang sihat, tanpa semangat.

Tuan Speaker, saya ingin menimbulkan satu, dua perkara di sini. Pertama ialah berkenaan masalah yang didapati oleh pemandu-pemandu van yang membawa pekerja-pekerja daripada kilang ke kilang. Ini menunjukkan satu masalah yang besar di mana pihak Kerajaan Negeri juga menghadapi satu masalah tetapi apabila Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bukit Tengah ada memberi satu jawapan di mana beliau ada beritahu dalam Dewan yang mulia di sini, pemandu-pemandu van itu ada diberi satu *reprieve* sampai bulan Jun 1990 tetapi dalam surat khabar yang saya ada baca pada hari ini Setiausaha Jawatankuasa Pemandu-pemandu Van itu ada beritahu beliau ada dapati satu *reprieve* kali kedua sampai 17 Disember sahaja dan beliau meminta, merayu kepada Menteri Pengangkutan untuk dapat lagi satu *reprieve* yang lanjut. Walaupun pemandu-pemandu ada minta satu *reprieve* dan *reprieve* itu boleh dilanjutkan, saya ingin mendapat tahu Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Tengah dengan jelas apa yang beliau dapati apabila ada satu bahasan atas perkara ini dengan pegawai-pegawai Kementerian Perusahaan Awam dan juga daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat daripada kawasan Bukit Tengah, saya dapati apabila beliau ada buat satu *appointment* untuk menemui Menteri Perusahaan Awam di Kuala Lumpur, Menteri Pusat itu tidak mahu jumpa dengan Ahli Yang

Berhormat daripada Kawasan Bukit Tengah. Ini menunjukkan mereka tidak menghormati wakil Kerajaan, apabila wakil Kerajaan kita ada pergi ke Kuala Lumpur. Ini juga ada menimbulkan dan menggambarkan perhubungan yang tidak baik antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan jikalau dalam ucapan Yang Amat Berhormat ada berkata ada satu hubungan yang baik, yang rapat maka itu adalah tidak benar. Jikalau itu yang benar memang Menteri Pusat sedia dan telah menemui dan ada berbincang perkara ini dengan wakil kita daripada pihak Kerajaan Pulau Pinang tetapi itu tidak jadi. Lagi pun saya tidak tahu apa sebab perkara berkenaan melesenkan van-van yang digunakan untuk membawa pekerja-pekerja ke kilang menjadi satu masalah. Pada pandangan saya ialah tidak boleh jadi satu masalah oleh kerana apabila kita membawa, kita mengkaji akta seperti *Commercial Vehicle Licencing Board Act* tahun 1987 ada jelas daripada Akta itu Kementerian Perusahaan Awam boleh memberi lesen kepada pemandu-pemandu van oleh kerana satu *factory bus* tidak memberi pengertian dalam Akta itu dan van seperti kenderaan boleh digunakan seperti *factory bus* ataupun bas kilang. Juga dalam syarat undang-undang ini ataupun Akta ini, Kementerian juga ada satu kuasa untuk memberi apa yang dikata *short-term licence*. Jadi apa sebab dalam perbincangan antara wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pegawai-pegawai Kementerian Pusat, perkara ini tidak ditimbulkan dan tidak diselesaikan. Dengan izin Tuan Speaker, saya ingin membawa Seksyen 18 dalam Akta yang terlibat dalam perkara ini iaitu *Short-term Licence*, Seksyen 18:

"When an application has been made for the licence to be granted under this Act, the board may, if for the administrative reasons or on the ground of the urgency

of the matter, it thinks it desirable so to do pending the determination of the application grant to the applicant a short-term licence for such periods and subject to such condition as he thinks fit".

Apa sebab syarat ini tidak digunakan oleh Kementerian Pusat? Ini kita ingin tahu dan saya boleh memberitahu di sini jikalau di masa akan datang wakil dari Kerajaan Pulau Pinang ada satu mesyuarat, silalah menimbulkan ataupun merujukkan perkara ini dan meminta lesen-lesen (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Boleh bagi penjelasan?

Bukankah wakil Kerajaan Pulau Pinang telah gagal apabila bertemu dengan pegawai Kementerian Perusahaan Awam? Apa guna menasihati pemandu-pemandu itu untuk membuat permohonan lesen, jikalau saya ingat permohonan sendiri pergi bertemu dengan pegawai itu, dia orang pun nasihat sahaja. Bukankah itu satu kegagalan kepada pegawai kita serta membuang masa pergi ke Kuala Lumpur dan balik dengan tidak ada apa-apa hasil?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tuan Speaker, pandangan saya itu mesti satu perkara di mana Yang Berhormat daripada Kawasan Bukit Tengah gagal dalam perkara ini oleh kerana saya tidak tahu adakah beliau ada memberi nasihat kepada pegawai-pegawai Kementerian ataupun dapat nasihat-nasihat daripada pihak pusat. Tetapi apa yang saya merayu di sini ialah perkara ini boleh diselesaikan jikalau Kementerian Pusat boleh memberi *short-term licence* pada masa sekarang.

Tuan Speaker, berkenaan lagi satu perkara di mana saya ingin Yang Berhormat daripada Kawasan Bukit Tengah juga telah gagal iaitu baru-baru ini kita ada satu peristiwa dalam satu Sekolah Latihan ITI (*Industrial Training Institute*) di mana murid-murid dalam sekolah itu yang diberi latihan tidak begitu puashati di dalam institut itu di mana mereka mengalami satu keadaan yang begitu buruk – tidak dapat makanan-makanan yang baik dan juga *dormitory* ataupun bilik-bilik mereka yang tidak begitu baik dan mereka menganjur mogok untuk menunjukkan mereka tidak puashati atas perkara itu. Apabila ini terjadi, saya tidak dapat tahu apa pandangan Kerajaan atas perkara itu oleh kerana ini satu institut sahaja yang kita ada dalam Negeri Pulau Pinang untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja. Kita tidak ada lagi apa-apa institut dan apabila Pengarah Tenaga Rakyat datang ke Pulau Pinang dan ada bertemu dengan murid-murid ataupun pekerja-pekerja yang diberi latihan itu, beliau ada memberikan amaran kepada mereka iaitu di mana beliau ada berkata jikalau mereka ada menunjukkan perasaan mereka, beliau mesti memberhentikan latihan mereka. Perkara ini juga menunjukkan tidak ada sesiapa walaupun wakil dalam Negeri Pulau Pinang ataupun daripada Kerajaan Pusat yang tidak begitu menimbangkan dengan simpati masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang ada pada masa itu yang mengalami latihan, juga pada masa mereka duduk ataupun ada dalam institut mereka mengalami beberapa masalah.

Di sini juga saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Bukit Tengah, beliau mestilah menimbangkan perkara ini dengan baik. Ini menunjukkan kita tidak ada hubungan yang baik antara Pusat dengan Kerajaan Pulau Pinang. Jikalau kita ada

satu hubungan yang baik perkara ini mesti boleh diselesaikan tetapi pada masa sekarang juga tidak diselesaikan. Walaupun ini satu contoh dan walaupun Y.A.B. Ketua Menteri ada beri mereka satu hubungan yang baik maka perkara-perkara seperti ini di mana contoh yang saya berikan sekarang mesti menunjukkan hubungan antara Pusat dan pihak Kerajaan Pulau Pinang tidak begitu baik.

Dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri, mereka ada memuji prestasi kakitangan Kerajaan dalam Negeri Pulau Pinang atas kebaktian dan kecekapan mereka. Walaupun saya mengaku Tuan Speaker, ada juga kakitangan Kerajaan ataupun pegawai-pegawai Kerajaan yang begitu cekap tetapi antara mereka ada juga yang tidak bertindak begitu cekap dan tidak bertanggungjawab. Di sini saya boleh bagi satu contoh juga Tuan Speaker. Penduduk-penduduk di rumah pangsa Jalan Kedah ada mengalami satu masalah yang mesti ditimbangkan oleh pihak Kerajaan. Pada pendapat saya ada 63 orang yang diberikan rumah pangsa murah di flat Jalan Kedah dan cuma mereka yang dapat daripada pihak Kerajaan melalui Jawatankuasa Perumahan ialah satu surat sahaja. Satu surat yang ada berkata dan meminta mendapatkan kunci untuk rumah pangsa masing-masing dan meminta mereka membayar bayaran bulanan sebanyak \$172.00 dan meminta mereka membayar cukai taksiran. Ini terjadi lebih kurang dua tahun dahulu sampai pada masa sekarang pihak Kerajaan tidak ada apa-apa perjanjian dengan 63 orang ini. Jadi akibatnya mereka tidak tahu kurang dua tahun dahulu sampai pada masa sekarang pihak Kerajaan tidak ada apa-apa perjanjian dengan 63 orang ini. Jadi akibatnya mereka tidak tahu apa pendirian mereka terhadap rumah-rumah pangsa itu. Mereka tidak tahu akan taraf mereka. Adakah mereka menjadi pembeli rumah pangsa itu atau

adakah mereka menjadi penyewa rumah pangsa itu atau adakah menjadi sebagai sewa beli seperti yang ada satu perjanjian dengan Kerajaan atas alasan rumah beli? Itu mereka tidak tahu. Mereka menduduki dengan keadaan yang bayar oleh kerana apabila Kerajaan memberhentikan mereka dan minta balik kunci, mereka tidak ada apa-apa alasan untuk meminta balik rumah pangsa itu dan oleh kerana keadaan ini ada dilanjutkan lebih daripada dua tahun, mereka pun menghadapi satu masalah yang besar dan ada meminta Kerajaan memberi penjelasan, memberi satu surat perjanjian tetapi dalam perkara ini Kerajaan Pulau Pinang telahpun gagal. Tetapi baru-baru ini pihak Kerajaan Pulau Pinang melalui Jawatankuasa Perumahan ada memanggil satu mesyuarat bertempat di dewan flat Jalan Kedah pada 1 Disember pada jam 8.00 malam. Pada masa itu saya dipanggil oleh 63 orang ini sebagai seorang penasihat untuk datang ke mesyuarat ini dan memberi nasihat-nasihat tetapi bila dua orang wakil daripada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang bahagian Jabatan Penilaian ataupun Taksiran. Ketiga-tiga orang ada datang ke Dewan dan apabila dua orang Jawatankuasa Perumahan itu ada tengok saya – mereka tidak mahu saya mengambil bahagian dalam mesyuarat itu dan sikap mereka (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penjelasan Tuan Speaker. Malamkah atau siang?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Malam.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Dia boleh nampakkah?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Bolch (ketawa). Lagi ada penjelasan?

Apabila mereka nampak saya, mereka tidak mahu adakan mesyuarat itu dan wakil-wakil daripada Jawatankuasa Perumahan ada buat satu pengumuman kepada pemilik rumah-rumah pangsa itu yang datang ke mesyuarat untuk mereka menangguhkan mesyuarat itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan. Siapakah nama pegawai-pegawai yang berkenaan?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Pegawai yang saya tahu ialah Encik Zulkefli dan seorang lagi ialah Encik Fuad. Saya boleh pastikan di sini kedua-dua mereka adalah wakil daripada Jawatankuasa Perumahan.

Walaupun penduduk-penduduk meminta mereka mengadakan dialog, mengadakan mesyuarat tetapi mereka membuat satu *walk-out* dan saya boleh katakan di sini mesyuarat yang dipanggil oleh Jawatankuasa Perumahan akhirnya saya *hijack* mesyuarat itu, dan saya ada menemui dengan penduduk dan memberikan nasihat tentang perkara itu. Tetapi dalam perkara ini apa yang saya ingin timbulkan ialah sikap pegawai-pegawai Kerajaan di mana mereka tidak berani menemui dan berbincang perkara itu serta tidak bertanggungjawab. Boleh dikatakan tidak *civil* dan oleh kerana pegawai-

pegawai jadi macam ini – saya tidak tahulah adakah Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam tahu perkara ini, tetapi jika beliau tidak tahu (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penjelasan. Saya tahu tetapi kalau Shamugam ada – jangan *walk out*, suruh dia keluar dahulu, cakap dengan penduduk tetapi pegawai saya itu baik. Kalau saya ada, saya halau dia keluar dahulu – bukan kita panggil dia.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tetapi perkara ini lain macam, kita kerjasama dan menolong penduduk di Pulau Pinang tetapi saya boleh bagi satu nasihat (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penjelasan lagi Tuan Speaker. Sebab saya suruh dia keluar bukan apa, sebab saya tahu dia jarang pergi ke Bagan Dalam, lebih baik nasihat saya jaga Bagan Dalam dahulu sebab Bagan Dalam pun orang tidak nampak dia. Kita kesian dia.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shamugam s/o Nadason):

Tetapi kami daripada DAP sini bukan jaga kawasan sendiri sahaja. Kita di mana-mana tempat bila orang ada masalah dan memanggil kita, kita pergi di sana untuk menolong dan memberi bantuan dan oleh kerana itu saya ditetapkan sebagai seorang penasihat semasa saya pergi di situ. Tetapi saya boleh memberi satu nasihat jikalau pihak Kerajaan ataupun pihak Jawatankuasa Perumahan ada apa-apa

mesyuarat, sila panggil saya, saya boleh bagi nasihat yang tetap. Itu satu perkara yang menunjukkan satu masalah di mana kakitangan yang tidak begitu bertanggungjawab.

Tuan Speaker, lagi satu perkara yang saya ingin timbulkan di sini ialah berkenaan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan saya minta Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang mengambil perhatian iaitu dalam kawasan Seberang Perai itu kita dapati baru-baru ini apabila cukai taksiran dinaikkan maka ramai orang yang membuat rayuan. Saya boleh katakan di sini bahawa mereka membuat rayuan oleh kerana mereka diminta membayar cukai taksiran tetapi apa yang mereka rasa marah ialah walaupun mereka diminta membayar cukai taksiran tetapi tidak mendapat balik perkhidmatan yang baik daripada Majlis Perbandaran. Saya ingin ucapkan di sini dasar mengutip cukai taksiran ialah untuk memberi balik perkhidmatan yang memuaskan hati tetapi ini tidak terjadi di kawasan Seberang Perai dan oleh kerana itu ramai orang yang membuat rayuan ini. Jikalau kita dapati satu perkhidmatan yang baik di Seberang Perai ini boleh jadi tidak ramai orang yang tidak puas hati di atas kenaikan cukai taksiran itu dan rayuan yang dibuat boleh menjadi kurang.

Tuan Speaker, lagi satu perkara ialah terhadap *number plate* rumah-rumah. Ini sudah menjadi satu masalah yang besar di kawasan Seberang Perai oleh kerana terdapat banyak rumah-rumah di kawasan Seberang Perai di mana mereka mempunyai rumah tetapi bukan tanah. Mereka menduduki tempat itu bukannya satu tahun, dua tahun, tiga tahun tetapi dua puluh tahun, tiga puluh tahun. Juga mereka ingin mendapat *number plate* itu untuk memproseskan bekalan air dan bekalan api dan kebanyakan orang tidak dapat lagi. Apabila

mereka pergi ke P.B.A. ataupun L.L.N. untuk mendapatkan bekalan air dan bekalan api mereka diminta mendapatkan *number plate* dahulu tetapi bila mereka menulis surat kepada Majlis Perbandaran untuk meminta satu *number plate* tetapi tidak diberikan kepada mereka dengan tanpa apa-apa alasan, tidak ada apa-apa sebab yang diberi kepada mereka cuma mereka kata ini dasar M.P.S.P. – tidak boleh memberikan *number plate* tanpa pelan-pelan yang diluluskan. Masalahnya di mana kita boleh dapat pelan-pelan yang diluluskan terhadap sebuah rumah yang didirikan selama sepuluh tahun, dua puluh tahun, tiga puluh tahun. Itu tidak ditimbangkan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Ini adalah contoh masalah-masalah yang dihadapi oleh kebanyakan rumah-rumah di kawasan Seberang Perai di mana mereka mahukan kemudahan yang asas dan satu tempat yang bersih tetapi oleh kerana M.P.S.P. tidak begitu cekap maka masalah-masalah masih tidak diselesaikan.

Dengan itu Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian untuk membahaskan ucapan belanjawan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang mengenai Rang Undang-undang belanjawan bagi tahun 1990.

Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Y.A.B. bahawa perbelanjaan ini bagi tahun 1990 ialah Kerajaan akan membelanjakan perbelanjaan pengurusan sebanyak \$72,234,710.00 dan tanggungan berjumlah \$42,327,880.00. Dengan ini maka bermaknalah keseluruhan perbelanjaan pengurusan bagi tahun 1990 ialah

sebanyak \$114,562,590.00. Sementara hasil yang dianggarkan sebanyak \$108,118,600.00 dan jumlah untuk dibelanjakan sepertimana yang disebutkan ialah \$114,562,590.00 dan didapati berkurangan atau *deficimya* sebanyak \$6,443,990.00. Dengan perbelanjaan *deficit* ini sepertimana tahun-tahun yang biasa maka kita berharap pihak yang menjalankan pengurusan belanjawan ini supaya berhati-hati membelanjakan wang ini sepertimana hasrat Kerajaan untuk mengawal perbelanjaan ini kerana perbelanjaan ini adalah perbelanjaan yang berkurangan atau *deficit*. Ini bukan bermakna semua yang diperuntukkan ini akan dibelanjakan 100%. Ini adalah satu *pattern* yang telah menjadi tradisi kepada Kerajaan Pulau Pinang, bukanlah sepertimana yang disarankan oleh pihak-pihak pembangkang menyatakan bahawa tidak ada perbezaan di antara tahun-tahun yang lalu atau tidak ada *credibility*. Ini memang tidak benar. Kalaupun Kerajaan mengubah corak (*pattern*) yang ada yang telah menjadi tradisi dari setahun ke setahun maka akan menjadi kucar-kacirlah pentadbiran Kerajaan Negeri, sebab itulah Kerajaan ini stabil dan begitu kuat dalam segi kewangan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Sampai ke tahap di mana belanjawan tahun demi tahun serupa, khasnya angka yang biasa sahaja?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Itu memanglah sebab jabatan yang ada adalah sama. Tidak ada jabatan yang lain (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Malas mahu buat kerja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Bukan malas. Dalam J.K.R. contohnya, perbelanjaan ini dikurangkan sedikit bagi tahun ini. Ini dikurangkan disebabkan usaha untuk kerja *overtime* atau lebih masa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Jangan *copy*lah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Bukan *copy* – tidak *copy*. Ini kita bercakap dalam segi *fact*. Jadi Kerajaan kita berusaha untuk menjalankan Kerajaan yang begitu baik. Pulau Pinang ini cuba tanya daripada wakil daripada pihak sebelah sana – Adakah dalam Tahun Melawat Malaysia bagi memperkenalkan Pulau Pinang, memang sudah kita perkenalkan? Kalau Pulau Pinang tidak kenal – pagi ini saya dengar di radio, Kerajaan Jepun akan mengurniakan satu pingat tertinggi, medal yang tertinggi kepada Y.A.B. Ketua Menteri kita. Ini maknanya Kerajaan kita terkenal. Negeri Jepun adalah negeri yang pertama majunya di Negara Asia, fikirkanlah – bukan seperti pihak pembangkang (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Terkenal juga.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Terkenal cara lainlah.

Perkara yang tidak harus dibawa dalam Dewan, dia bawa. Perkara yang patut dibawa dalam peringkat pusat dia bawa ke peringkat negeri. Inilah yang menjadi masalah yang berbangkit di antara pihak pembangkang dengan pihak Kerajaan atau wakil-wakil rakyat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Siapa yang membawa? Ketua Menteri sendiri membawa dahulu tentang Tienamen. Apa kaitan dengan Dewan ini? Siapa bawa? Ketua Menteri bawa sendiri. *He asked for it.*

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Ya, memang kita tahu tetapi kita haruslah fikir negara kita ini adalah negara yang mempunyai 13 buah negeri di dalam Malaysia, jadi kita haruslah membahagi-bahagikan aktiviti. Walaupun kita minta, kalau kita terima. Ibarat orang tua-tua kata "Kurang tapak tangan, nyiru kita tadah" tetapi usaha mesti kita buat tetapi hari ini kita nampak banyak perkembangan-perkembangan yang baru berlaku di dalam Negeri Pulau Pinang. Jadi sebab itu kita telah memperkenalkan Negeri Pulau Pinang ini melalui berbagai-bagai aktiviti sepertimana Y.A.B. Ketua Menteri kita pergi keluar negeri. Jadi ini saya akan bercakap dalam pembangunan nanti kerana hari ini kita hendak bercakap mengenai dengan pengurusan. Jadi saya tidaklah banyak hendak menyentuh berkenaan dengan pengurusan ini sebab saya ingin pertama sekali mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kita yang telah bekerja begitu

kuat walaupun mungkin terbit di surat khabar menyatakan bahawa Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan ini mengarahkan atau menekan Yang Berhormat membaca laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Awam tidak ada satu perkataan arah ataupun menekan mana-mana pihak hanya kita menasihatkan apa yang kita sarankan dalam laporan kita itu agar dapat diambil tindakan dan terpujanglah kepada budi bicara pegawai-pegawai pengawal yang berkenaan. Jadi ini kita buat kerja, kita tidak mahu menekan, kita tidak mahu memaksa mana-mana pihak sepertimana yang dibuat oleh pihak sebelah sana yang selalu menekan, mengarah, menuduh. Jadi ini satu perkara yang tidak patut timbul.

Saya sudah sebutkan tadi, saya tidak berniat hendak bercakap panjang hari ini kerana sebagai penyokong rang undang-undang ini cuma hendak bercakap perkara yang patut saya bercakap iaitu pertama sekali yang disarankan oleh pihak pembangkang di mana Kerajaan Negeri membayar hutang kepada Kerajaan Pusat pun dia timbulkan dalam masa ini, kalau Kerajaan tidak bayar pun, dia timbulkan juga. Hari ini Kerajaan telah menyediakan \$40 juta untuk membayar kepada Kerajaan Pusat, ini ditimbulkan. Jadi kita hutang, mesti kena bayar.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Apa yang saya sebut adalah nisbah membayar balik hutang terlalu tinggi bukan tidak mahu bayar balik – terlalu tinggi 40%. Tidak boleh kawal jikalau pengurusan wang yang baik.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Ya, lagi besar lagi baiklah (ketawa). Cepat habislah maknanya, sebab baru-baru ini

ada orang sebut fasal dalam Mesyuarat Agong UMNO, Encik Daim kata suruh bayar. Hendak hutang, kita bagi lagi. Yang mesti bayar, kalau tidak bayar tidak boleh, sebab itu kita berasa bangga Kerajaan kita hendak membayar hutang. Itu tanggungjawab kita. Lagi banyak, lagi baik. Banyak orang dia hutang, dia tidak mahu hendak bayar.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ada mampu membayar balik?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Ya, mampu (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ada mampu membayar balik untuk ke satu tahap di mana pembangunan dihalang oleh pembayaran balik hutang itu?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Selama ini tidak ada penghalangan pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tidak ada? Perumahan kita sudah gagal – 40,000 orang memohon rumah kos rendah; tidak ada?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tunggulah (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Telok Bahang, teruskan dengan ucapan itu.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penjelasan. Rumah tidak pernah gagal.

Kita bagi rumah – cukup!

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Cuma saya hendak sebut sekali lagi dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri ada menyebutkan berkenaan dengan penswastaan. Kita memang menyokong penswastaan cuma yang saya suka mengambil perhatian kepada pekerja-pekerja rendah kita seperti pekerja-pekerja daripada J.K.R., J.P.S. dan sebagainya. Kaki-tangan rendah seperti buruh kasar sepatutnya diberi uniform supaya dapat kita boleh kenal bahawa ini pekerja daripada J.K.R., ini pekerja daripada J.P.S., ini pekerja daripada M.P.P.P. dan sebagainya. Sebab saya sebutkan perkara ini sebab penswastaan. Sekarang ini kerap kalau kita jalan di sekeliling Pulau Pinang ini, kita dapati pihak pemborong swasta mencuci parit-parit ataupun longkang-longkang ataupun tebing-tebing. Jadi kita tidak dapat kenal, sama ada pekerja ini pekerja daripada pihak jabatan yang berkenaan ataupun pihak kontrak. Kadang-kadang kita lalu mereka ini duduk diam, jadi susahlah kita hendak membeza-bezakan. Jadi anggapan masyarakat supaya mereka dapat melihat siapakah pekerja ini yang sebenarnya. Dengan pengurusan kelulusan wang yang dibuat oleh belanjawan ini, sedikit sebanyak boleh digunakan untuk pengurusan pakaian kepada pekerja-pekerja peringkat rendah. Ini boleh meringankan beban kepada pekerja-pekerja kita yang gajinya tidak begitu lumayan kalau kita bandingkan oleh sebab mereka ini pekerja rendah. Jadi kita harapkan menjimatkan sedikit wang mereka dengan kita memberikan pakaian *uniform* oleh pihak Kerajaan iaitu cuma daripada jabatan-jabatan yang berkenaan.

Akhir sekali seperti saya sebutkan tadi tidak bermiat hendak bercakap panjang sebab kita cuba seberapa boleh. Lagi pun pihak sana pun tidak ada perkara yang banyak sangat dibangkitkan kali ini. saya ucapkan terima kasih

walaupun dia sentuh sedikit sebanyak. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Kerajaan kita, pihak Pasukan Keselamatan kita yang selama ini bekerja dengan baik. Dengan kebijaksanaan ini maka kita telah dengar pihak Komunis telahpun meletakkan senjata. Ini satu kejayaan (gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad):

DAP pun letak juga.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Saya ingat kalau DAP pun letak juga, datang ke sebelah sini dan habis cerita, adalah lebih baik daripada dia bercakap banyak-banyak. Hari ini saya dengan Y.A.B. Perdana Menteri kita ada menyebut supaya PAS pun juga ikut CPM – Parti Komunis.

Jadi dengan hal yang demikian, saya harap perkhidmatan yang ditunjukkan oleh pegawai kita hari ini terutama. Pegawai Kewangan Negeri dan kakitangannya yang dapat menyediakan dengan begitu baik perbelanjaan pengurusan kita dan begitu juga pihak Setiausaha Kerajaan Negeri kita yang telah memberi khidmat dengan begitu cemerlang bagi memajukan Negeri Pulau Pinang ini.

Oleh yang demikian, saya memohon menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Sesiapa lagi ingin mengambil bahagian? Kalau tidak ada, saya akan menjemput Ahli Kawasan Mak Mandin untuk menggulung.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Terima kasih, Tuan Speaker.

Saya bangun juga untuk menyokong usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan untuk tahun depan dan juga di samping itu mengambil kesempatan untuk menjawab sedikit sebanyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan yang berikut.

Saya di sini mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membawa perkara-perkara khususnya yang berkaitan dengan perkara pelancongan. Perkara pelancongan ini memang telah dititikberatkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat Kawasan Pengkalan Kota, Batu Lanchang walaupun nampaknya sikap antara Yang Berhormat Ahli Pengkalan Kota dan Yang Berhormat Ahli Batu Lanchang – tidak saya, ada sedikit pertikaian. Yang Berhormat dari Pengkalan Kota memang *style* biasanya selalu hentam. Saya terima kalau cadangan kita – kita terima tetapi Yang Berhormat dari Batu Lanchang (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan, boleh?

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Jangan. Saya tidak kacau apabila Yang Berhormat dari Bagan Jermal (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Boleh beri penjelasan?

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Esok pula.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Yang Berhormat dari Batu Lanchang – baik. Dia adalah Bayang Menteri Pelancongan – *Shadow of Minister* Pelancongan DAP – bagus!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Dia tidak hentam?

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Dia tidak hentam, dia buat cadangan, dia buat kritik yang membina dan termasuk cadangan yang baik iaitu kemudahan pertambahan untuk orang cacat. Ini memang ada satu perkara yang berbangkit bukan sahaja oleh Yang Berhormat dari Batu Lanchang tetapi pada masa yang dahulu – kita dengar dan kita kaji. Mengenai perkhidmatan *cable car* ini adalah satu perkara kalau saya tidak lupa apabila saya pada masa itu ada dalam *back bencher* telah dibangkitkan dalam tahun 1982 atau 1983 – memang ada banyak cadangan tetapi apa yang kita harus terima adalah cadangan mengikut kemampuan dari segi kerjasama antara pihak Kerajaan dengan pihak swasta. Maka dengan cara itulah cara yang kita sentiasa pilih di mana adakah projek-projek dan cadangan-cadangan itu ada *viable* atau tidak. Pada pendapat saya, kita memang sentiasa tidak begitu 100% puas hati dengan pencapaian kita. Oleh kerana itu kita cuba hendak meningkatkan lagi prestasi kita, meningkatkan lagi pencapaian kita, bukan sahaja supaya dapat kita meningkatkan nama Negeri Pulau Pinang tetapi dalam industri pelancongan ada asasnyanya dan pada akhirnya

melalui perkembangan industri pelancongan maka setiap lapisan masyarakat kita akan mendapat faedah.

Satu perkara yang telah dibangkitkan tadi ialah adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa kita pada masa sekarang menghadapi saingan yang hebat dari destinasi-destinasi pelancongan yang berdekatan dengan kita. Memang kita sedar Tuan Speaker. Kita sejak awal tahun 1970an lagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyedari bahawa industri pelancongan adalah satu industri yang penting dari segi penyumbangan industri pelancongan kepada aktiviti ekonomi Negeri Pulau Pinang. Dari sejak awal tahun 1970an maka perancangan dan juga program-program telah dirancang dan telah dijalankan tahun demi tahun. Kita tidak nafikan Tuan Speaker, bahawa sejak tahun 1982 maka atas sebab kemelesetan ekonomi sedunia maka kita di Pulau Pinang menghadapi sedikit sebanyak kemerosotan dari segi angka ketibaan para pelancong asing tetapi sejak tahun 1986 Tuan Speaker, kita telah terus merancang program aktiviti pelancongan sepanjang tahun. Seperti tahun 1986 kita ada *Festival* 1986, tahun 1987, kita ada program sepanjang tahun sempena dengan Perayaan Hari Kemerdekaan Yang Ke-30.

Tahun 1988 telah diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Pulau Pinang dan tahun ini kita dikenalpastikan sebagai Tahun Konvensyen dan pada hakikatnya Tuan Speaker, persiapan yang kita telah jalankan 4 tahun kebelakangan ini melalui program aktiviti pelancongan sepanjang tahun sebenarnya telah menyiapkan Kerajaan Pulau Pinang untuk mengalu-alukan segala aktiviti dan segala usaha dalam Tahun Melawat Malaysia. Kita telah membuat siap sedia, 4 tahun kebelakangan ini dan melalui segala pengalaman yang kita telah perolehi dalam menjalankan beberapa dan berbagai aktiviti, maka kita pun telah mengenalpastikan

senarai aktiviti-aktiviti utama untuk dijalankan pada tahun depan iaitu pada Tahun Melawat Malaysia 1990 dan kita ada penuh keyakinan oleh kerana kebanyakan aktiviti utama kita telah jalankan, yang kita telah pastikan, yang kita boleh panggil produk pelancongan, dengan izin *tested run every year with good result*, Tuan Speaker, maka kita harus mengekalkan acara-acara aktiviti seperti aktiviti Penang *Grand Prix*, Pesta Pulau Pinang, *Penang International Boat Festival*, *Penang International Marathon* dan lain-lain. Ini bukan bererti Tuan Speaker bahawa kita tidak ada aktiviti-aktiviti yang baru seperti yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Produk-produk yang kita telah berjaya harus dikekalkan. Kita tidak akan mengenyahkan apa yang kita telah berjaya, apa yang kita telah pasaran atau promosikan di negara-negara asing sebagai aktiviti yang menarik yang telah mempunyai potensi untuk menarik penglibatan para pelancong dari negara-negara asing.

Selain dari itu Tuan Speaker, kita juga ada menyediakan beberapa aktiviti yang baru. Kalau kita boleh menelitikan acara-acara yang kita telah sediakan, misalnya dalam program kebudayaan di bawah pelancongan, tahun 1989 kita menjalankan 8 aktiviti tetapi pada tahun depan kita pun siap sedia untuk menjalankan 14 acara kebudayaan sepanjang tahun dan acara yang saya percaya akan sangat menarik pada tahun depan adalah dengan izin *Royal Malaysian Navy International Fleet Review* yang mana ada dijangka bahawa seramai 30 buah *navy* dari negara-negara asing yang akan mengambil bahagian dan akan melibatkan seramai 7,000 pegawai dan *officer-officer* dari *navy-navy* negara asing yang akan datang. Kita rasa bangga oleh kerana Tentera Laut Diraja Malaysia telahpun memilih Pulau Pinang sebagai tempat untuk menjalankan acara yang

bukan sahaja istimewa ini tetapi merupakan yang sebenar-benarnya bersejarah oleh kerana ini adalah kali yang pertama acara besar-besaran ini di negara Malaysia kita. Jadi kita tidak perlulah berbangkit mengatakan perkara yang lama yang akan cuba mempertikaikan mengapa Pulau Pinang tidak dipilih untuk menjalankan CHOGM, Sukan SEA, walaupun dalam acara Sukan SEA kita diberi penghormatan untuk menjadikan sebagai tuan rumah dalam Permulaan Larian Obor yang telah menarik minat, sokongan, semangat yang begitu hebat dan menggalakkan sekali dari rakyat dan penduduk-penduduk di Pulau Pinang.

Jadi Tuan Speaker, kita memang sedia untuk berusaha lebih gigih supaya dapat lebih ramai lagi bilangan para pelancong asing untuk melawat dan singgah di Pulau Pinang tetapi kita tidak boleh sahaja membandingkan pencapaian kita dengan jumlah apa yang telah kita belanjakan. Apa yang telah dibangkitkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Kota ialah mengapa Negeri Melaka telah belanjakan lebih dari \$30 juta sedangkan Pulau Pinang hanya membelanjakan lebih dari \$4 juta dalam tiga atau empat tahun kebelakangan ini.

Tuan Speaker, pendapat saya ialah apa yang penting dengan perbelanjaan yang kita sedia ada walaupun tidak begitu banyak kalau dibandingkan dengan negeri dan negara yang lain walaupun kita mengawal dengan begitu ketat apa yang kita belanjakan akan tetapi hasil faedah yang kita capai memang sangat menggalakkan. Kalau kita tengok kepada peningkatan ketibaan para pelancong secara langsung atau *direct foreign tourist arrival* dalam tahun 1986 kalau dibandingkan dengan tahun 1987 kita telahpun mencapai peningkatan sebanyak 14.6% dan dalam tahun ini, tahun 1989 kita ada keyakinan mengikut angka-angka yang kita ada

pada masa sekarang yang kita akan mencapai peningkatan tahun ini kalau dibandingkan dengan tahun lepas sebanyak 15% dan mungkin dalam Tahun Melawat Malaysia, tahun depan kita akan mencapai peningkatan yang lebih banyak lagi.

Lagi satu kalau kita tengok kepada kadar penduduk atau *occupancy rate* hotel-hotel yang kita ada memang telah mencerminkan bahawa dengan peningkatan kadar penumpangan atau pendudukan di hotel-hotel yang kita ada, ini telah menunjukkan bilangan para pelawat atau para pelancong di Pulau Pinang tidak kira pelancong asing atau pelancong tempatan telah meningkat. Jadi Tuan Speaker, industri pelancongan dan segala usaha untuk memasar, untuk menggalakkan dan lain-lain adalah usaha yang harus mengambil masa yang panjang sebab pemasaran, publisiti promosi Pulau Pinang sebagai satu destinasi pelancongan utama adalah satu usaha yang berterusan. Dalam hal ini memang pihak Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk mengambil bahagian dalam beberapa promosi dalam dan juga di luar negeri dan negara bersama-sama pihak TDC dan juga bersama dengan pihak swasta. Kita akan terus mengambil bahagian dalam forum-foram dan pasar-pasar pelancongan seperti *PATA Conference*, *PATA Travel Market*, *Holiday Malaysian Tourist Exposition*, *Malaysia Fest* dan beberapa promosi pelancongan di luar negeri. Kita pada masa ini telah mendapat kerjasama yang begitu baik bersama dengan pihak swasta untuk mewujudkan satu pelan promosi yang kita panggil dengan izin Tuan Speaker sebagai *Common Destination Plan* atau Pelan Destinasi Bersama. Dalam pelan ini pun telah siap sedia untuk mengeluarkan satu alat promosi pelancongan iaitu *Destination Cum Convention Kit* atau *manual* yang kita harap boleh digunakan dalam segala usaha promosi

industri pelancongan Pulau Pinang seterusnya sehingga tahun 1992 yang telah jua diiktiraf sebagai *Visit Asean Year*.

Jadi Tuan Speaker, begitulah usaha pihak Kerajaan dalam promosi dan industri pelancongan kita dan memang kita sentiasa mengambil berat oleh kerana kita sedar dan kita terima bahawa telah menjadikan hasrat dan keazaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa kita akan terus memajukan industri pelancongan dan segala kemudahan-kemudahan infrastruktur dan lain-lain yang ada kaitan secara langsung atau tidak secara langsung dengan industri pelancongan di Negeri Pulau Pinang. Ini akan termasuk usaha kita untuk menambahkan lebih banyak lagi penerbangan-penerbangan *short fall* atau penerbangan *direct flight* ke Pulau Pinang. Pada masa sekarang kita telahpun mengadakan sejumlah 216 penerbangan masuk ke Pulau Pinang setiap minggu dan *direct flight*-nya 35. Baru-baru ini saya telah diberitahu oleh MAS bahawa baru-baru ini telah ditambahkan sebanyak 20 penerbangan antara Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Ini pun telah sedikit sebanyak meningkat *accessibility* Pulau Pinang kepada para pelancongan bukan sahaja di dalam negara tetapi juga dari luar negara dan apa yang saya telah dimaklumkan pada masa sekarang, Syarikat Penerbangan Malaysia Airline sedang berusaha untuk merancangkan *direct flight* antara Pulau Pinang dengan Myanmar atau Burma dan juga *direct flight* antara Pulau Pinang dan Hongkong pada tahun hadapan. Ini bermakna Tuan Speaker, kita sentiasa kawal dan kita harus meneruskan dengan usaha kita. Kita memang tidak puashati dalam hal penerbangan secara langsung ke Pulau Pinang, kita memang tidak puashati akan tetapi kita terus berusaha. Kita telah mencapai sedikit sebanyak perkembangan dan kita akan terus berusaha sehingga kita dapat

lebih banyak lagi *direct flight* ke Pulau Pinang. Buat masa sekarang kita pun sangat sukacita dan bangga oleh kerana beberapa *chartered flight* kita telah berjaya membawa masuk ke Pulau Pinang. Sebagai contohnya dalam Disember tahun ini hingga April tahun depan kita akan menerima sebanyak 16 penerbangan sewa khas atau *chartered flight* iaitu dari London *direct* ke Penang dan juga dari Finland Helsinki *direct* ke Pulau Pinang.

Jadi saya percaya bahawa dengan kerjasama yang begitu baik, yang erat antara Kerajaan Pulau Pinang bersama-sama dengan sokongan rakyat, penduduk Pulau Pinang dan juga kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat khususnya sokongan dan kerjasama yang begitu baik antara Kerajaan dengan pihak swasta kalau kita boleh teruskan usaha ini maka kita boleh dan mempunyai keyakinan yang penuh bahawa industri pelancongan masa hadapan adalah cerah.

Tuan Speaker, satu, dua perkara yang lain yang telah dibangkitkan mungkin saya sentuh:—

- (i) Adalah berkaitan dengan *arsenic poisoning* yang sebenarnya dalam tahun 1984, Jabatan Kesihatan telah mengesan bahawa ada dua kes yang melibatkan satu disyaki (*suspected*) *arsenic poisoning* melalui Hospital Daerah Butterworth. Pada masa itu Kerajaan pun telah mengambil langkah-langkah termasuk Jabatan Kesihatan mengadakan kajian dan operasi melalui penduduk-penduduk yang berhampiran dengan kilang termasuk pekerja-pekerja telahpun diperiksa dan disiasat dan hasil siasatan adalah bahawa tidak ada sebarang kes yang berlaku dan

penduduk-penduduk sekitar hanya menyatakan bahawa masalah kebisingan, masalah asap adalah masalah yang timbul. Walau bagaimanapun, pihak PUSPATI didapati telahpun menjalankan siasatan dalam perkara *radio active* antara tahi-tahi bijih yang disimpan pada tahun 1983 adalah satu laporan dan juga difahami bahawa pada masa sekarang PUSPATI sedang menjalankan kajian yang kedua (*second study*) dan kajian ini mengikut makluman yang saya ada belum selesai lagi. Mungkin kita semua tunggu siasatan ini dan memang pihak Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang perkara ini dan juga perkara-perkara pencemaran alam sekitar dan lain-lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu PUSPATI menjalankan kajian itu? Bilakah PUSPATI mula menjalankan kajian itu dan berapa lama kajian ini akan diambil?

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya mengaku bahawa saya tidak mempunyai maklumat yang lengkap. Sebenarnya saya tadi telahpun tanya bilakah kajian ini bermula tetapi maklumat ini apabila saya terima, saya boleh sampaikan. Seperti saya nyatakan pihak Kerajaan sendiri pun hendak tahu sebenarnya keadaan dan kita akan kawal dengan baik.

Tuan Speaker, saya ingat begitulah apa yang saya harapkan, menyarankan dan menjawab kepada segala pendapat, pandangan,

cadangan dan tegoran yang lain mungkin apa yang membina, kita sentiasa mengambil perhatian dan kita akan terus mencuba mengatasi masalah-masalah yang telah dibangkitkan.

Dengan ini Tuan Speaker saya lagi sekali menyokong usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri,

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga esok jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.23 petang.